

Bil. 20

**Selasa
11 Mei 1999**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1999	(Ruangan 2)
Rang Undang-undang Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999.	(Ruangan 38)
Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 1999.	(Ruangan 50)
Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 1999	(Ruangan 57)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat.	(Ruangan 1)
--	-------------

Akta Kastam 1976:

- Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.3) 1998;
- Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.4)1998;
- Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.5) 1998;
- Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.6)1998;
- Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.7) 1998;
- Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.9)1998;
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1999;
- Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.2)1999;
- Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan
Sementara) (Perlanjutan Tempoh) 1998;
- Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 1998;
- Perintah Duti Kastam (Barang-barang berasal
dari Negeri-negeri ASEAN)(Tarif Keutamaan
Sama Rata)(Pindaan) 1999;
- Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan)(Pindaan) 1999; dan
- Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.3) 1999. (Ruangan 9)

Akta Eksais 1976.

- | | |
|---|--------------|
| (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.2) 1998. | (Ruangan 20) |
|---|--------------|

Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

- | | |
|--|--------------|
| (i) Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai)
(Pindaan) 1998. | (Ruangan 21) |
|--|--------------|

Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998.

- | | |
|--|--------------|
| (i) Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa (Minyak
Kelapa Sawit Mentah dan Minyak Isirong
Sawit Mentah) 1998. | (Ruangan 23) |
|--|--------------|

Akta Kawalan Pertukaran Asing 1953.
(Levi Ke Atas Dana Yang Direpatriasi
Oleh Bukan Pemastautin) 1999.

(Ruangan 29)

Akta Kawalan Pertukaran Asing 1953.
(Levi Ke Atas Dana Yang Direpatriasi
Oleh Bukan Pemastautin) (Pindaan) 1999.

(Ruangan 36)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

“ Menteri Kesihatan, Dato' Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

Yang Berhormat Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P.,
D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K.
(Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K.,
A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

Yang Berhormat Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Haji Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

Yang Berhormat Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K.
(Sabak Bernam)

- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)

- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Nora'ini binti Hetam Ramlah binti Mohd. Yusuff Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
--------------------	---	---

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Selasa, 11 Mei 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.03 pagi

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Majlis Dewan Rakyat tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Majlis Dewan Rakyat tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Majlis Dewan Rakyat tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [10 Mei 1999]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Kepong hendak sambung?

10.05 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya mahu atau tidak mahu sambung kerana nampaknya walaupun tidak ada kuorum kita mesti berjalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jangan sebut itu Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, semalam kita ada sebutkan pengkomputeran. Saya tidak setuju bahawa kita mesti mempertingkatkan sistem komputer untuk menyempurnakan pungutan cukai perkhidmatan. Di sini walaupun perbahasan terhadap rang undang-undang ini tidak memberi seseorang Ahli Parlimen political mileage tetapi yang kita bincangkan pagi ini meliputi setiap tahun pungutan cukai perkhidmatan ini daripada RM3 bilion hingga lebih RM6 bilion setiap tahun. Ini bermakna rang undang-undang ini merupakan salah satu rang undang-undang yang penting untuk negara ini walaupun tidak dapat political mileage pun tidak mengapalah, kita sudah sumpah untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana ini, saya harap di sebelah sana tidak ambil bahagian – hampir lebih RM6 bilion bukan main, boleh membina sekurang-kurangnya enam buah universiti.

Tuan Yang di-Pertua, sistem di Malaysia ialah bayaran sistem cukai tidak langsung ini ialah sekali gus (single stage ad-valorem tax). Sebenarnya pembayaran cukai ini boleh diadakan beberapa peringkat, tetapi di negara ini dibuat ad-valorem sahaja. Di negara-negara lain seperti Australia pun mereka menggunakan sistem yang sama. Tetapi saya bangkitkan masalah ini kerana sebagaimana yang telah saya sebutkan semalam memang kalau kita baca dengan teliti, ada ura-ura untuk mengadakan VAT ataupun sales and service tax (SST) di negara ini. Cuma saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan bagaimana kita dapat melaksanakan SST dan bilakah SST ini akan dilaksanakan. Walaupun saya bangkitkan masalah ini beberapa kali tetapi jawapan dari pihak kementerian adalah sangat negatif. Memang sikap negatif ini tidak akan membantu kita untuk memulihkan ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi mengenai amaun kutipan setiap tahun kalau kita bandingkan dengan kutipan untuk cukai tidak langsung ini hanya duti import sahaja yang lebih daripada cukai perkhidmatan, iaitu cukai import ada lebih kurang RM6.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pelaksanaan cukai perkhidmatan ini, prosedurnya ialah untuk pungutan melalui pelesenan dan sesiapa sahaja yang ada kilang mengeluarkan barang-barang yang boleh dicukaikan dia perlu mendapatkan lesen. Untuk memohon mendapatkan lesen ini pekilang itu mesti mendapat gerenti bank sebelum lesen ini

dikeluarkan. Walau bagaimanapun, kecuali makanan, semua barang yang dikeluarkan dalam kilang adalah dikenakan cukai perkhidmatan. Di sini saya hendak buat satu cadangan ialah untuk melaksanakan cukai perkhidmatan ini memang kita ada Jabatan Cukai Perkhidmatan, kemudian daripada Jabatan Cukai Perkhidmatan ini pengilang mesti mendapat lesen untuk membayar cukai perkhidmatan setiap bulan dan kemudian pengilang ini akan jual kepada pemborong, pemborong kepada peruncit dan daripada peruncit kepada pelanggan. Saya mencadangkan supaya kita mengkaji sistem ini untuk memastikan pungutan cukai perkhidmatan ini boleh dijalankan dengan sempurna.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya difahamkan mereka dalam bisnes perkhidmatan, kalau service provided dengan izin, oleh mereka ini adalah lebih dalam kategori berbeza yang perlu mereka memohon satu lesen untuk mengutip cukai. Umpamanya restoran, kalau jualannya adalah RM500 ribu lebih dan dari itu mereka memohon lesen untuk mengutip cukai perkhidmatan dan seorang lawyer juga kalau perkhidmatan dia (service provided) dengan izin, adalah RM300 ribu ia dikenakan juga untuk memohon mendapat satu lesen untuk mengutip cukai perkhidmatan. Begitu juga untuk seorang doktor, Yang Berhormat dari Kepong memang tahu juga apakah ceilingnya, dengan izin, untuk dia memohon.

Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kepong adakah dia setuju dengan saya bahawa ceiling ini patutlah ditambah, ditingkatkan kerana sudah begitu lama dan amaun yang had ini masih belum ditambah lagi walaupun kos hidupan harian telah pun meningkat begitu banyak khususnya dalam sales tax yang baru dibahaskan kelmarin di mana ceiling untuk sales tax hanya RM100 ribu sahaja iaitu sejak akta ini di'enacted', dengan izin, ia belum dikaji semula dan ubah walaupun cost of living telah pun tambah begitu banyak. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa ceiling untuk sales tax ini ditambah ke RM800 ribu untuk ia berjalan selaras dengan kos kehidupan sekarang dan juga ceiling untuk service tax ini ditambah juga?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa Yang Berhormat sudah cukup untuk menjawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh memang cukup, Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat dari Bintulu berkenaan dengan kos saraan hidup, inflasi dan sebagainya meningkat. Kementerian Kewangan mesti mengkaji semula ceiling untuk cukai perkhidmatan, memang satu perkara mesti ditimbang kerana kita tidak boleh menetapkan satu ceiling kemudian dengan harga yang naik, inflasi dan sebagainya kita tidak kaji semula. Saya hendak tanya kementerian, bilakah ceiling ini akan dikaji semula supaya rakyat, pengilang-pengilang dan restoran-restoran tidak mengalami kesusahan kerana banyak syarikat sekarang mengalami masalah aliran tunai (cash-flow).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah lebih.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana lebih pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat berucap semalam 20 minit, hari ini saya beri 10 minit, jadi 30 minit. Semalam Yang Berhormat telah berucap dalam catatan saya ada 20 minit untuk bill ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa hadnya, Tuan Yang di-Pertua. Untuk bill sahaja seorang 20 minit tetapi tidak ada orang hendak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita ada peraturan dan kita kena ikut peraturan yang ditetapkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya tidak tahu kemungkinan ada yang hendak mengambil bahagian. Saya beri Yang Berhormat masa yang lebih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita akan habis semua rang undang-undang hari ini dengan cepat juga saya percaya kerana tidak ada ramai yang berminat hendak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah lebih, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Lebihkah? Saya akan gulunglah. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tadi saya ada meminta pihak kementerian mengkaji bagaimana kita dapat menyempurnakan pungutan cukai perkhidmatan daripada jabatan cukai perkhidmatan kepada pelanggan. Sistem ini mestilah dikaji di mana ada kelemahan termasuk ceiling dan sebagainya kita mesti memperbaiki. Cuma peranan, saya tidak ada masa untuk menyebutkan semua perkara di sini termasuk peranan Ketua Pengarah, kerana di dalamnya ada disebutkan banyak kali peranan peranan Ketua Pengarah. Saya percaya Ketua Pengarah Kastam ini memang memainkan peranan yang penting. Walau bagaimanapun, kita mesti kaji peranannya, fungsinya, keberkesanannya di dalam menjalankan tugas ini. Kerana misalnya kalau ada masalah yang timbul termasuk pelepasan cukai dan sebagainya, persetujuan Ketua Pengarah mesti diminta dan juga kalau the ability di bawah rang undang-undang ini timbul maka pihak Ketua Pengarah berhak untuk menentukan sesuatu perkara termasuk penalti dan hukuman yang lain, kompaun, penyitaan dan sebagainya.

Di sini perlulah kita kaji dari segi kuasa Ketua Pengarah dan saya ulangi dari segi peranannya dan fungsi dan keberkesanannya untuk melaksanakan satu sistem cukai perkhidmatan yang lebih sempurna. Tambah pula kita hendak melaksanakan sistem yang baru secocok dengan perkembangan semasa dan sebab itulah kita perlu menyempurnakan perkara-perkara yang telah saya sebutkan dan belum saya sebutkan kerana ada had masa. Sepatutnya dengan rang undang-undang yang melibatkan lebih RM6 bilion ini tidak akan ada had masa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

10.20 pagi

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong kerana telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini dan telah memberi banyak pandangan yang kita akan mengambil perhatian. Nampaknya Yang Berhormat ada kekeliruan dalam rang undang-undang ini khasnya dari segi yang detail, dan sebelum saya masuk ke dalam detail itu izinkan saya menerangkan iaitu tujuan utama ataupun pindaan utama di dalam rang undang-undang ini adalah di dalam Fasal 3 iaitu satu pendekatan baru kepada konsep percukaian cukai perkhidmatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kita supaya suara itu lebih besar sedikit, walaupun lunak saya gembira, tetapi kita mesti besarkan suara sedikit.

Dato' Wong See Wah: Dia hendak suara manis kena bayar tahu. Tujuan utama dalam pindaan ini yang sebenarnya adalah untuk ditumpukan kepada Fasal 3, yang lain-lain itu adalah detail. Sebenarnya mungkin untuk menambahkan kuasa untuk pihak jabatan supaya akta ini dapat dijalankan dengan sempurna. Berbalik ke Fasal 3, ini merupakan satu pendekatan baru kepada konsep percukaian cukai perkhidmatan. Perubahan kepada konsep asas dalam Akta Cukai Perkhidmatan 1975 melibatkan penggantian seksyen 3 akta cukai ini, Peraturan 3 dan Jadual Kedua Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 1975 dengan sesuatu yang bentuk baru sama sekali.

Dalam perubahan ini tempat-tempat yang ditetapkan dengan izin, prescribed establishment dan tempat-tempat profesional yang ditetapkan dengan izin, prescribed professional establishment digantikan dengan orang yang kena membayar cukai dengan izin, taxable person maknanya digantikan dengan prescribed establishment dengan prescript professional establishment dengan taxable person. Manakala perkhidmatan yang ditetapkan dengan izin, prescribed service yang telah digantikan dengan perkhidmatan percukai (taxable service). Kita gantikan prescribed service dengan taxable service. Perkhidmatan percukai ataupun dengan izin, taxable service juga merangkumi barang-barang yang ditetapkan (prescribed goods).

Perubahan konsep ini mengubah asas pelesenan daripada premis kepada entiti. Ini bermakna apa-apa perkhidmatan percukai ataupun dengan izin, taxable service yang disediakan oleh orang yang kena membayar cukai dengan izin, taxable person adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 3, Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Sebagai satu contoh Tuan Yang di-Pertua, mengikut perundangan pada masa ini sebuah restoran akan dikenakan mengikut jualan tahunannya sama ada ia mencapai threshold yang ditetapkan. Threshold untuk restoran ialah RM500 ribu satu tahun.

Ini bermakna, sekiranya terdapat beberapa restoran yang diuruskan oleh sesuatu syarikat di tempat-tempat lain, maka restoran-restoran yang tidak mencapai threshold tidak akan dikenakan ataupun dilesenkan. Jadi, kemungkinan boleh berlaku di mana jualan makanan di restoran yang tidak dilesenkan tidak akan dikenakan cukai perkhidmatan, manakala jualan makanan di restoran yang dilesenkan akan dikenakan cukai perkhidmatan walaupun restoran-restoran tersebut diuruskan oleh satu syarikat yang sama.

Sebaliknya dengan cadangan pindaan peruntukan sekarang asas pelesenan bergantung kepada entiti iaitu syarikat yang menguruskan semua cawangan restoran di Malaysia. Syarikat tersebut akan dilesenkan jika jumlah jualan tahunan bagi kesemua restoran melebihi tahap threshold. Seterusnya jualan makanan bagi mana-mana cawangan restoran akan dikenakan cukai perkhidmatan tidak kira sama ada sesuatu cawangan restoran itu telah melebihi tahap threshold atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan antaranya adalah seperti berikut. Berhubung dengan soalan bilakah kerajaan akan mengimplementasikan Sale and Service Tax, dengan izin, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan ini, bahawa kerajaan pada masa sekarang tidak bercadang untuk melaksanakan cukai tersebut, memandangkan bahawa sistem percukaian ke atas penggunaan dengan izin, consumption adalah kemas dan berkesan untuk negara kita.

Tentang pungutan hasil daripada cukai perkhidmatan bagi negara kita adalah konsisten sejak 1997. Hasil dari cukai perkhidmatan untuk 1997 adalah sebanyak RM1.474 bilion, sementara pungutan untuk tahun 1998 telah meningkat sedikit iaitu sebanyak RM1.479 bilion, pungutan untuk tahun 1999 dijangka adalah sebanyak RM1.47

bilion. Antara sektor yang menyumbang utama untuk tahun 1998 adalah dari telekomunikasi sebanyak RM396.5 juta atau 27%, industri insurans sebanyak RM164 juta ataupun 11.18%, perhotelan sebanyak RM152.7 juta atau 10.4%, restoran sebanyak RM101.94 juta ataupun 6.9% dan industri pengiklanan sebanyak RM99.3 juta ataupun 6.77%.

Tentang cara-cara untuk bagaimana boleh kita meningkatkan lagi supaya pungutan cukai perkhidmatan ini dapat ditingkatkan lagi, beberapa langkah memang telah dijalankan iaitu:

- (i) Jabatan Kastam sentiasa mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud khususnya mengenai salah faham di kalangan orang ramai iaitu Jabatan Kastam itu sentiasa mengadakan sesi dialog untuk memberi keterangan kepada masyarakat dan golongan-golongan yang terlibat di dalam pelbagai bidang perniagaan;
- (ii) pegawai-pegawai pemeriksaan akaun sentiasa menjalankan pemeriksaan di premis pemegang lesen dan memastikan bayaran dibuat kepada jabatan adalah benar dan memastikan juga supaya tidak ada penyelewengan berlaku dan tuntutan kekurangan cukai akan dibuat sekiranya terdapat kekurangan bayaran cukai;
- (iii) straight away dengan izin, dilaksanakan oleh pegawai-pegawai kastam untuk memastikan supaya syarikat-syarikat yang mencapai threshold itu patut dilesenkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan; dan
- (iv) memastikan supaya siberhutang itu membayar hutangnya, kalau tidak mungkin tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal mengapa Ketua Pengarah perlu membatalkan lesen...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebelum kita membincangkan peranan Ketua Pengarah Kastam, saya suka untuk bertanya kepada Yang Berhormat, walaupun tadi Yang Berhormat kata kita ada Sistem Percukaian Penggunaan (consumption tax) yang begitu sempurna mungkin lebih sempurna daripada negara-negara yang lain, saya tidak tahu. Tetapi bagi saya, memang timbul kelemahan-kelemahan dan Yang Berhormat tadi pun ada timbulkan kelemahan-kelemahan yang tertentu.

Kalau kita hendak mempertingkatkan pungutan cukai dan sistem cukai di negara ini, maka tidak ada jalan lain. Sekarang kita ada sistem hampir seimbang di antara cukai langsung dengan cukai tidak langsung dan cukai perkhidmatan merupakan cukai tidak langsung yang kedua pentingnya selain daripada duti import. Dengan itu memang kita mesti kaji, yang ada sekarang memang tidak sempurna, dan saya tidak tahu di dalam kementerian, apakah hasil kajian yang dibuat. Saya percaya, mesti ada kajian dari masa ke semasa untuk menambah atau mengemaskinikan sistem percukaian sekarang.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, sistem percukaian kita ini adalah untuk memenuhi perbelanjaan negara kita dan setakat ini dengan adanya sistem percukaian itu dapat kita menemui permintaan daripada perbelanjaan yang kita perlukan untuk setiap tahun. Bukanlah kita semata-mata hendak mencari keuntungan dengan meletakkan sistem percukaian kita ataupun dengan memperkenalkan sistem-sistem baru untuk mendapat lebih banyak cukai itu dan memadailah setakat ini oleh kerana masih lagi dapat kita menggunakan sistem percukaian setakat ini untuk kita menemui perbelanjaan yang kita perlukan. Keadaan pada masa ini mungkin kita menghadapi sedikit sebanyak masalah untuk mendapatkan cukai yang lebih, oleh kerana disebabkan kegawatan ekonomi, tetapi

kami percaya pada masa-masa akan datang sistem yang sedia ada itu yang telah diuji pada masa-masa yang lalu masih boleh digunakan lagi. Jadi cadangan Yang Berhormat itu adalah masih akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, bilakah lesen ini akan dibatalkan. Dalam beberapa keadaan seperti yang berikut ini mungkin Ketua Pengarah akan membatalkan satu lesen cukai perkhidmatan iaitu:

- (i) apabila perniagaan itu dihentikan oleh pemegang lesen itu;
- (ii) apabila jumlah perniagaan itu turun ke bawah threshold yang ditetapkan;
- (iii) apabila terdapat pertukaran status dengan izin, status perniagaan misalnya daripada sole proprietorship kepada partnership, ataupun daripada partnership kepada Sendirian Berhad dan sebagainya; dan
- (iv) syarikat itu tidak lagi menyediakan perkhidmatan yang dikenakan cukai perkhidmatan. Jadi, dengan dalam keadaan seperti itu lesen cukai perkhidmatan itu bolehlah dibatalkan oleh Ketua Pengarah Kastam.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 9 yang membenarkan mana-mana orang yang tidak perlu dilesenkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan memohon secara sukarela kepada Ketua Pengarah supaya dilesenkan. Ini termasuk orang-orang yang bercadang hendak memulakan, bagi orang-orang yang baik, orang-orang yang rela hendak mematuhi segala peraturan. Daripada Jabatan Kastam itu, mereka bolehlah bercadang hendak memulakan perniagaan tetapi belum lagi membekalkan perkhidmatan yang kena dibayar cukai. Bila dia mohon lesen secara sukarela, dia hendak membekalkan perkhidmatan yang kena dibayar cukai dan mengikut tarikh kuat kuasa lesen itu. Jika tidak, lesen itu akan dibatalkan supaya mengelakkan lesennya tergantung tanpa membekalkan apa-apa perkhidmatan yang kena dibayar cukai. Pada tarikh itu ia sepatutnya mula membekalkan perkhidmatan tersebut.

Pada masa ini juga, ingin saya jelaskan iaitu untuk kita menentukan sama ada kita perlu membayar lesen cukai perkhidmatan ataupun tidak di dalam restoran seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bagan itu yang pertama, perlulah kita pastikan sama ada lesen itu dipamerkan pada tempat yang jelas diperhatikan. Jadi sesuatu restoran itu yang tidak mempunyai lesen itu tidak payahlah kita membayar cukai yang berkenaan dan sekiranya terdapat satu-satu lesen itu digantung pada tempat yang jelas dan perlulah kita bayar lesen itu walaupun resit itu adalah dikeluarkan secara bertulis ataupun secara yang ringkas tetapi perlu juga dibayar lesen. Dan selepas penguatkuasaan daripada rang undang-undang perlu juga resit itu dikeluarkan dan hendaklah kita pastikan supaya setiap pelanggan itu mendapat resit yang berkenaan termasuk yang melibatkan bayaran cukai juga.

Apa yang saya sebutkan tadi, adalah satu yang baru kerana berbanding dengan apa yang dilaksanakan sekarang iaitu sebelum pindaan ini syarikat dilesenkan hanya apabila dia mencapai threshold untuk woksyp adalah sebanyak RM150 ribu setahun dan untuk semua profesional adalah sebanyak RM300 ribu seperti peguam, doktor dan akauntan dan sebagainya dan untuk hotel yang melebihi sekian banyak bilik, untuk restoran, untuk kelab ialah RM500 ribu. Jadi adalah threshold yang berlainan kepada jenis perniagaan yang berlainan. Jadi bergantunglah kepada perkhidmatan yang ditetapkan itu pada masa sekarang hanya bila syarikat itu mencapai threshold itu baharulah mereka dikenakan memohon lesen cukai perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan apakah maksud Fasal 12, sukacita saya jelaskan bahawa fasal ini adalah membenarkan orang yang membayar cukai menghantar invoisnya secara elektronik kepada pelanggannya dengan syarat kedua-dua pihak mendapat kelulusan Ketua Pengarah. Cadangan ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan

untuk mempertingkatkan penggunaan komputer di negara ini. Walau bagaimanapun cadangan ini tidak bermakna bahawa seseorang yang kena membayar cukai tidak boleh mengeluarkan invoice secara manual. Amalan ini tetap akan diteruskan bagi membolehkan peniaga-peniaga kecil dan sederhana yang tidak mampu mengkomputerisasikan perniagaan mereka untuk menjalankan perniagaan seperti biasa.

Berhubung dengan pertanyaan juga dari Yang Berhormat Bagan, iaitu mengenai sama ada bagaimana kita boleh pastikan bayaran cukai perkhidmatan kepada restoran itu disalurkan kemudiannya kepada kerajaan. Sukacita saya jelaskan bahawa Jabatan Kastam akan menjalankan pemeriksaan akaun lesen dari masa ke semasa bagi memastikan tiada penyelewengan berlaku. Sekiranya pemeriksaan akaun menunjukkan bahawa orang yang dikenakan membayar cukai kurang membayar cukai yang patutnya dibayar, maka notis tuntutan akan dikeluarkan. Sebaliknya terdapat kes lari cukai, Jabatan Kastam akan mengambil tindakan mahkamah.

Sekiranya restoran berkenaan mengenakan cukai perkhidmatan, ini bermakna pihak restoran tersebut adalah dilesenkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Pengesahan dapat dibuat dengan meminta pelesen menunjukkan seperti yang saya katakan bahawa lesen itu perlu dipamerkan pada tempat yang mudah diperhatikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong dan Yang Berhormat dari Bagan kerana telah mengambil bahagian dan juga telah menimbulkan banyak cadangan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada lain yang bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Wong See Wah: Cukuplah, okay.

Tuan Chiew Chiu Sing: Penjelasan, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan mengenai threshold untuk profesional dan juga workshop yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah kementerian menimbang untuk menambah lagi threshold ini ke satu tahap dan juga sales tax yang saya sebutkan tadi, oleh kerana threshold untuk sales tax hanya RM100,000 sahaja dan tidak pernah di'review'. Sekian.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengkaji kadar threshold dan mendapati kadar-kadar threshold ini untuk restoran – RM500,000, profesional RM300,000, hotel yang melebihi 25 bilik itu – RM500,000, bengkel kereta – RM150,000 dan sebagainya adalah berpatutan dan kerajaan tidak bercadang hendak menambahkan threshold ini dan juga untuk cukai jualan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL**AKTA KASTAM 1967**

- (i) **Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.3) 1998;**
- (ii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.4)1998;**
- (iii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.5) 1998;**
- (iv) **Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.6)1998;**
- (v) **Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.7) 1998;**
- (vi) **Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.9)1998;**
- (vii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1999;**
- (viii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.2)1999;**
- (ix) **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (Perlanjutan Tempoh) 1998;**
- (x) **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 1998;**
- (xi) **Perintah Duti Kastam (Barang-barang berasal dari Negeri-negeri ASEAN)(Tarif Keutamaan Sama Rata)(Pindaan) 1999;**
- (xii) **Perintah Kastam (Diti Anti-Lambakan)(Pindaan) 1999; dan**
- (xiii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.3) 1999.**

10.43 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11 Akta Kastam 1967 supaya perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.3) 1998 –
PU(A) 178 bertarikh 1 Mei 1998;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.4) 1998 –
PU(A) 237 bertarikh 18 Jun 1998;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.5) 1998 –
PU(A) 283 bertarikh 1 Ogos 1998;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.6) 1998 –
PU(A) 284 bertarikh 1 Ogos 1998;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.7) 1998 –
PU(A) 374 bertarikh 22 Oktober 1998;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.9) 1998 –
PU(A) 498 bertarikh 31 Disember 1998;

- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1999 –
PU(A) 12 bertarikh 12 Januari 1999;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1999 –
PU(A) 36 bertarikh 28 Januari 1999;
- (ix) Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan Sementara) Perlanjutan
Tempoh 1998 -
PU(A) 76 bertarikh 4 Mac 1998;
- (x) Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) 1998 –
PU(A) 134 bertarikh 13 April 1998;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Barang-barang berasal dari
negeri-negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama
Rata) (Pindaan) 1999 –
PU(A) 24 bertarikh 14 Januari 1999;
- (xii) Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) (Pindaan) 1999 -PU(A)
44 bertarikh 3 Februari 1999;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 1999 –
PU(A) 46 bertarikh 4 Februari 1999.

Yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bilangan 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68, 69, 70, 71 dan 72 tahun 1999 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 1998 - PU(A) 178 bertarikh 1 Mei 1998 adalah bertujuan untuk menetapkan struktur baru duti eksport ke atas minyak kelapa sawit yang berupaya meningkatkan daya saing minyak sawit diproses di pasaran antarabangsa. Di bawah struktur baru ini minyak sawit mentah dikenakan duti eksport secara berperingkat ke tahap maksimum 30%. Manakala minyak sawit diproses dikenakan duti eksport maksimum 5%.

Minyak sawit yang diproses ke tahap nilai tambah tertinggi seperti Neutralised/Refined Bleached Deodorised Palm Olein tidak dikenakan duti eksport, dengan izin.

Ketiga, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.4) 1998 PU(A) 237 bertarikh 18 Jun 1998 adalah bertujuan untuk menghapuskan layanan istimewa yang diberikan kepada pengimportan barangan daripada negara Australia dan New Zealand supaya selaras dengan prinsip-prinsip perdagangan di bawah Perjanjian WTO. Perjanjian berkenaan telah ditandatangani dengan Australia pada 1998 dan dengan New Zealand pada tahun 1991.

Keempat, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.5) 1998 PU(A) 283 bertarikh 1 Ogos 1998 adalah bertujuan untuk membetulkan kesilapan teknikal yang terdapat dalam Perintah Duti Kastam 1986.

Kelima Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 1998 PU(A) 284 bertarikh 1 Ogos 1998 adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti import bagi industrial solid tyres daripada 5% kepada 30% atau RM1.20 per kilogram, mengikut mana yang lebih tinggi. Tindakan ini bertujuan untuk memberi perlindungan kepada syarikat-syarikat pengilangan tempatan.

Keenam, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 1998 - PU(A) 374 bertarikh 22 Oktober 1998 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas Corrugating Medium Paper dan Card Liner/Test Liner daripada 15% kepada 10% bagi mendorong pengilang-pengilang berkenaan meningkatkan kecekapannya.

Ketujuh, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 1998 PU(A) 498 bertarikh 31 Disember 1998 adalah bertujuan untuk mewujudkan satu nombor subkepala baru yang petrol tanpa plumbum Ron 92 yang diperkenalkan mulai 1 Januari 1999 untuk menggantikan petrol berplumbum. Dengan ini sekarang terdapat dua jenis petrol yang dijual di stesen-stesen minyak iaitu petrol tanpa plumbum, Ron 97 dan petrol tanpa plumbum Ron 92.

Kelapan, Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1999 PU(A) 12 bertarikh 12 Januari 1999 adalah bertujuan untuk melarang sampah dari Singapura dibuang di Malaysia.

Kesembilan, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 1999 - PU(A) 36 bertarikh 28 Januari 1999 adalah bertujuan untuk meminda unit kuantiti yang diwartakan dalam Perintah Duti Kastam 1996. Contohnya sebagai keluaran tekstil unit kilogram digantikan dengan meter persegi. Langkah ini akan memudahkan pengiraan dan pelepasan kawalan di stesen-stesen kastam.

Kesepuluh, Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan Sementara) (Perlanjutan Tempoh) 1998 PU(A) 76 bertarikh 4 Mac 1998 adalah bertujuan untuk membolehkan kerajaan melanjutkan siasatan ke atas aktiviti perlambakan terhadap Corrugating Medium Paper yang diimport dari Kesatuan Eropah, Australia, Thailand, Republik Korea, Poland, Taiwan, Jepun dan Indonesia.

Kesebelas, Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) 1998 - PU(A) 134 bertarikh 3 April 1998 adalah bertujuan untuk menetapkan kadar duti antilambakan yang muktamad ke atas produk Corrugating Medium Paper yang diimport dari syarikat-sarikat tertentu di Australia, Kesatuan Eropah, Indonesia dan Republik Korea. Duti Anti Lambakan tersebut pada kadar antara 8.1% hingga 37.2% berkuatkuasa selama lima tahun mulai dari 3 April 1998 hingga 2 April 2003.

Keduabelas, Perintah Duti Kastam (Barang-barang berasal dari negara-negara ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 1999 - PU(A) 24 bertarikh 14 Januari 1999 adalah bertujuan untuk menambah senarai barangan yang layak menikmati tarif keutamaan di bawah Tarif Keutamaan Sama Rata (CEPT). Perintah ini melibatkan sebanyak 44 kod tarif barangan dan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 1999 sebagai melaksanakan komitmen Malaysia dalam Zon Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Ketigabelas, Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) (Pindaan) 1999 - PU(A) 44 bertarikh 3 Februari 1999 adalah bertujuan untuk membolehkan kerajaan membuat siasatan aktiviti lambakan ke atas Syarikat PT Pindo Deli Pulpa Papermills Indonesia dan juga membenarkan syarikat ini membayar duti antilambakan dalam bentuk sekuriti bon atau jaminan bank sementara menunggu keputusan siasatan ke atasnya.

Keempatbelas, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 1999 PU(A) 46 bertarikh 4 Februari 1999 adalah bertujuan untuk menguatkuasakan pengenaan semula duti import sebanyak 50% ad-valorem ke atas Other Portland Cement di bawah kod tarif 2523.29900 bagi melindungi pengeluar-pengeluar tempatan yang mempunyai keupayaan pengeluaran berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ibrahim bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis terbuka untuk dibahas. Machang.

10.55 pagi

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak membangkitkan perkara khusus iaitu khususnya berhubung dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.6) 1998 yang bertujuan untuk menaikkan duti import.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan perintah-perintah ini berpunca dari Akta Kastam 1967. Di bawah Akta Kastam 1967 khususnya saya hendak merujuk kepada dua takrif barang-barang yang didefinisikan di bawah Akta Kastam 1967 iaitu, yang pertama prohibited goods ataupun barang-barang larangan.

Yang keduanya, ialah dutiable goods atau barang-barang bercukai. Sefahaman saya, prohibited goods ialah barang-barang yang tidak boleh diimport ke dalam negara ini melainkan terlebih dahulu mesti mendapat kebenaran atau lesen pengimportan.

Yang keduanya, dutiable goods ialah barang-barang yang boleh diimport masuk tetapi subjek kepada pembayaran cukai yang mesti dibuat kepada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, saya telah menerima banyak rayuan daripada orang ramai yang teraniaya berhubung dengan *bonafide* purchaser ataupun pembeli yang tidak ada niat jahat. Apa yang berlaku ialah di mana kereta-kereta mewah ini diimport dari luar negara secara besar-besaran pada satu masa dahulu, sebahagian besar ialah dengan menggunakan import permit yang sah di sisi undang-undang dan dalam banyak ini terdapat sebahagian besar di mana orang cuba mencari keuntungan secara mudah dengan membawa masuk kereta-kereta ini sama ada daripada luar negara ke dalam negara ini tanpa mengadakan import permit dan tanpa membayar cukai. Tetapi yang anehnya kereta-kereta ini boleh didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan secara sah. Bagaimana perkara ini boleh berlaku, saya sendiri pun tidak tahu.

Kemudian setelah kereta-kereta ini berada di jalan raya, hampir bertahun-tahun berada di jalan raya, tiba-tiba pemeriksaan kastam dibuat dan didapati bahawa kereta ini pertamanya, ialah tidak ada import permit membawa masuk dan yang keduanya, cukai pun tidak dibayar. Tetapi pada masa pendaftaran dibuat di Jabatan Pengangkutan Jalan, kereta ini boleh didaftarkan seperti biasa.

Apa yang berlaku ialah pembeli-pembeli *bonafide* seperti yang saya katakan tadi membeli kereta ini, kadang-kadang dengan harga cash, katakan RM100,000, saya ada kes spesifik di hadapan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tidak hendak bangkitkan ini, dua, tiga kes spesifik di mana pembeli ini telah membeli kenderaan ini RM100,000 dalam contoh yang ada di hadapan saya ini daripada orang yang dikenali, orang yang dia tahu identitinya dan sebelum pembelian dibuat, dia telah pergi semak di JPJ bahawa kereta ini tidak ada salahnya, dia membeli dengan membayar harga tunai.

Kemudian setelah dua tahun dia pakai kereta ini, ditahan oleh kastam dan didapati kereta ini tidak mempunyai import permit semasa pengimportannya, yang keduanya cukai

pun tidak membayar. Hasilnya di bawah Akta Kastam kereta ini dirampas dan seperti yang tertakluk di bawah Akta Kastam, bahawa kereta ini boleh dilucuthak kepada kerajaan.

Jadi, pembeli *bonafide* tadi teraniaya, wang sudah dibayar secara tunai tetapi kereta sudah dirampas dan of course di sisi undang-undang ia boleh membawa tuntutan balik ke atas penjual, tetapi penjual ini kadang-kadang missing, hilang, bukan satu kes, Tuan Yang di-Pertua, tetapi banyak berlaku seperti ini. Di hadapan saya ada sekurang-kurangnya tiga kes spesifik yang melibatkan penganiayaan seperti ini.

Akta Kastam adalah merupakan satu akta yang ketat, tidak mengambil kira soal *bonafide* pembeli ini. Selagi ianya telah melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta Kastam, goods liable to be seized liable to be forfeited, dengan izin, barang-barang yang dirampas boleh diserahkan kepada kerajaan ini adalah peruntukan mandatori. Tentunya pembeli-pembeli *bonafide* tadi akan menjadi mangsa, hendak menuntut kepada pembeli asal, kadang-kadang sudah lari walaupun identiti peringkat awalnya tahu, orang hendak menipu macam-macam dia buat, tetapi dia hendak minta dengan kerajaan – tidak boleh, sebab barang ini adalah barang larangan. Bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini iaitu untuk mengambil kira kepentingan pembeli-pembeli yang secara *bonafide* tadi, apakah pihak kerajaan bersedia untuk memberi pertimbangan, misalannya kepada pembeli *bonafide* itu supaya pertama, jika beliau sanggup membayar cukai ke atas barang yang dimiliki itu, membayar cukai mengikut harga pasaran, barang tersebut dikembalikan kepada pembeli *bonafide* tadi.

Kalau ini tidak dibenarkan bermakna bahawa kereta ini dirampas, at the end of the day, dengan izin, dia tidak ada dapat apa pun, hendak menuntut sudah tidak boleh, kemudian kereta dirampas, wang pun hilang akan jadi teraniaya. Bolehkah pihak kementerian memberi pertimbangan supaya pembeli-pembeli *bonafide* tadi diberi peluang untuk mendapatkan kereta ini kembali dengan syarat beliau sanggup membayar cukai pada harga pasaran. Dan yang keduanya, dalam kes di mana kereta-kereta yang diimport ini tidak ada import permit dibenarkan untuk special case seperti ini memberi import permit dan kemudian syarat yang kedua, ia bayar cukai mengikut pasaran yang biasa dan kemudian kereta ini dikembalikan kepadanya.

Kemudian tindakan kerajaan ialah membawa penjual tadi ke mahkamah kerana melanggar Akta Kastam 1967, banyak kes seperti ini berlaku, kalau Yang Berhormat ingin tahu, saya tidak berhasrat untuk menyebut kes ini secara spesifik satu persatu tetapi di hadapan saya banyak kes seperti ini, saya difahamkan beratus-ratus kenderaan yang sudah ditahan dalam keadaan seperti ini, kereta-keretanya semua kereta mewah, Mercedes, BMW, banyak sekarang ini yang ditahan di garaj-garaj kastam di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya saya minta pihak kastam supaya menyelaraskan perkara ini dengan pihak pengangkutan jalan. Saya tidak faham bagaimana sebuah kereta yang dibawa masuk tanpa import permit, yang keduanya tanpa membayar cukai belum pergi daftar dengan JPJ tetapi boleh didaftarkan dengan mudah. Tentulah pembeli apabila pergi ke Pejabat JPJ buat semakan kereta ini tidak ada apa. Kereta ini adalah sebuah kereta yang sudah sah, tentulah saya sendiri pun, saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun sanggup membeli tetapi gambaran ini tidak tepat. Apakah wujud satu pakatan di antara JPJ dengan pengimport kereta tadi? Ini pun satu perkara yang perlu dilihat. Suatu peraturan ketat mesti dibuat bahawa JPJ tidak boleh mendaftarkan kenderaan ini dalam kes kereta diimport termasuk mestilah terlebih dahulu mendapat pengesahan daripada Jabatan Kastam bahawa kereta ini diimport dengan sah, dengan import permit dan keduanya cukai telah dibayar, baru JPJ boleh mendaftar. Ini tidak, siapa sahaja yang pergi daftar dia boleh daftar. Saya bimbang, takut ada pakatan antara Jabatan Pengangkutan Jalan dengan pengimport tadi yang menyebabkan ramai pembeli-pembeli teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, saya tidak berhajat untuk membangkitkan kes-kes seperti ini supaya pihak kementerian dapat mempertimbangkan ini dan memberi jawapan yang kemas berhubung dengan perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong.

11.02 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya akan sentuh beberapa perkara yang tidak begitu jelas dengan cepatnya disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

Yang pertama mengenai Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1998 - saya nampaknya ada usaha untuk mengurangkan duti ke atas minyak kelapa sawit yang diproseskan. Ini memang satu perbuatan yang perlu dibuat kerana kita hendak mempelbagaikan produk kelapa sawit. Saya cuma hendak menanya kenapa kategori 1 dan 2 kita tetapkan kepada 5% satu tan. Mengapa kita tetapkan 5% daripada 30% terutamanya mengenai bleach palm olean dan refine palm olean.

Tuan Yang di-Pertua, oleochemical memang merupakan kimia-kimia yang penting dan negara kita mengeluarkan minyak kelapa sawit yang banyak dengan mutu yang tinggi. Kalau kita boleh memberi galakan lagi kepada pengeluaran oleochemical maka kita akan mendapat banyak keuntungan dan merangsangkan industri minyak kelapa sawit di negara ini. Sukalah saya sebutkan di sini kita tidak banyak gunakan oleochemical di negara ini sebab hampir 90%, kalau tidak silap saya 95% dieksportkan. Ini memang merupakan satu kelemahan di dalam negara ini walhal kita hendak memajukan industri minyak kelapa sawit di negara ini. Saya berharap Yang Berhormat dapat 'rationalise'kan percukaian ke atas produk minyak kelapa sawit ini. Maklumlah Tuan Yang di-Pertua, di negara seperti India, mereka boleh mengeluarkan makanan yang cukup untuk negaranya kerana negaranya besar. Dengan itu hanya minyak seperti minyak kelapa sawit yang diimport dan kita boleh bangga jugalah negara seperti India dari segi makanan ia import dari Malaysia, minyak untuk masak dan ini menunjukkan kita boleh mencari pasaran seperti India dan negara-negara lain supaya kita boleh eksport dengan lebih banyak minyak kelapa sawit dan juga oleochemical untuk negara ini. Ini yang pertama. Saya ingat duti kastam ini memang penting untuk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kita bincangkan di sini ialah yang melibatkan wang dengan lebih RM6.5 bilion untuk import, duti eksport itu lebih RM1 bilion kalau tidak silap saya. Hampir RM7 bilion atau RM8 bilion yang sedang kita bincangkan hari ini tetapi tidak ramailah yang berminat dengan wang yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Perintah Duti Kastam (No. 4) P.U.A 237, saya dengar tadi mengenai duti istimewa untuk Australia dan New Zealand. Tetapi Perintah ini tidak begitu jelas. Ini tidak ada Perintah Ibu di sini dan kita tidak boleh merujuk kepada Perintah Ibu, cuma di dalam ini misalnya dalam perenggan dua dengan memotong subperenggan (1)(b) dan sebagainya. Jadi tidak adalah apa-apa yang disebutkan di sini. Saya berharap ini dapat diperbaiki. Kita tunjukkan apa sahaja keistimewaan duti ini memang perjanjian di antara negara Australia dengan Malaysia dan juga di antara negara New Zealand dengan Malaysia. Untuk duti istimewa, nampaknya dari penjelasan Yang Berhormat tadi, kita akan batalkan semua duti istimewa dengan Australia dan New Zealand. Bolehkah Yang Berhormat terangkan lebih lanjut lagi apakah duti istimewa ini di antara Malaysia dengan Australia dan New Zealand.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai P.U.A 283 serupalah juga. Ia mengenai corrugating paper ini tetapi tidak begitu jelas nampaknya, hendak bincang pun susah sedikit kerana butiran tidak lengkap. Kalau setakat sub'heading' 8524.33 macam itu susah kita hendak bincangkan. Yang Berhormat Padang Terap pada masa dahulu pun bingung dan keliru juga.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai industri tayar P.U.A 284 begitu juga hanya tinggalkan nombor sahaja. Yang Berhormat Padang Terap saya tidak tahu, saya hendak rujuk kepada Perintah Ibu, susah.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Ya, hendak beri jalan tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini Perintah Duti Kastam, hendak bincang apa cuma ia hendak potong cukai, kecualikan cukai. Yang Berhormat hendak bincang apa? Ini memang tradisi.

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak mendapat penjelasan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kita bawa [Disampuk]...

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak dapat penjelasan. Apa gunanya kita minta diluluskan di sini, semuanya yang terlibat lebih RM6 bilion. Kalau kita letakkan nombor sahaja di sini, diluluskan ... [Disampuk]

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yalah diluluskan ... [Disampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Apakah telusan yang disebutkan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Perintah itu dibawa kepada Parlimen untuk meluluskannya. Hendak bincang apa lagi benda itu telah dibuat dan akan dibuat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita luluskan, kita mesti faham apa yang diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, hendak potong 25 sen pun hendak bincangkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana 25 sen pula. Ini bukan 25 sen, Yang Berhormat Padang Terap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini 284, macam mana hendak gulung lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, masa sudah cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana masa sudah cukup. Tuan Yang di-Pertua, memang hendak lindungi tayar tempatan ini sekarang menambahkan duti import ini. Duti kastam daripada 5% kepada 30%. Dia kata remeh-temeh, berapa sen sahaja, bukan berapa sen, ini berjuta-juta Ringgit. Macam mana Padang Terap?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Perkara ini dia patut bincang semasa Budget pada bulan Oktober, November dan Disember itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ada bincang.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ini adalah hasil consequential, macam mana hendak reject.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana hendak bincang ini semasa perbincangan Belanjawan sebab kita tidak tahu ini, dengan butiran. Di dalam perbincangan Belanjawan

secara umum dan secara dasar. Ini secara terperinci. Yang Berhormat dari Padang Terap patutlah dia ditempatkan, di mana?

Seorang Ahli: Kementerian Kewangan.

Dr. Tan Seng Giaw: Kementerian daripada mana?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan.

Tuan M. Kulasegaran: Human Resource.

Dr. Tan Seng Giaw: Sumber manusia. Hendak cungkikan sumber manusia sekarang, patutlah begitu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak, macam mana hendak tamat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana mahu cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita ada banyak perkara Yang Berhormat akan bahas pula.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya memang*[Disampuk]*

Seorang Ahli: Mr. Bean, gulung!

Dr. Tan Seng Giaw: Ah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa gulung pun sudah cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dua perkara sahajalah. Saya akur kepada Tuan Yang di-Pertua. Ia mengenai waste daripada Singapura, bolehkah terangkan lebih banyak lagi P.U.A 12 - sampah daripada Singapura. Saya pun hairan juga mengapa kita dapat sampah daripada Singapura. Parit Sulong tidak berminat, itu sampah daripada Singapura?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Gulung sahajalah, gulung!.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak gulung. Bolehkah Yang Berhormat jelaskan dengan lebih lagi untuk kita mengetahui apakah sebenarnya yang disebutkan sampah atau waste daripada Singapura?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi kita hendak bincangkan, macam mana kita hendak tamat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita ada banyak perkara yang lain Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita tidak boleh tangguh satu perkara.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Tuan Yang di-Pertua, ini macam mana, perkataan yang tidak manis dibangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Oleh 'parit yang sulung' itu. Bukan sahaja duduk, ada tambah lagi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat hendak bangkitkan 'point of order'kah Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Dia memang celoteh macam itu tetapi dia tambahkan lagi, perkataan tidak manis pun dia hendak gunakan. Parit-Sulong sesat sekarang ini. Songsang dan songsong pula.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai P.U.A 24 – Perintah Duti Kastam (Barang-barang berasal dari negara-negara ASEAN) baik juga kita tambahkan 44 barang lagi untuk duti istimewanya bagi mewujudkan AFTA kelak dan saya memang setuju kita adakan AFTA di rantau ASEAN dan juga pelaksanaan CEPTnya memang berterusan. Sebenarnya ini satu langkah yang betul juga kerana kerajaan ada melaksanakan CEPT dengan lebih awal berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain. Padang Terap pun sekarang dia ketinggalan zaman, dia tidak tahu kita sudah melaksanakan CEPTnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa Yang Berhormat sudah lebih.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa Yang Berhormat sudah lebih.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa sudah lebih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dua kali Yang Berhormat sudah lebih masa.

Dr. Tan Seng Giaw: 44 barang dilaksanakan mengikut CEPT supaya kita dapat mewujudkan AFTA pada masa hadapan. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjelaskan soalan-soalan yang telah saya bangkitkan tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila jawab Setiausaha Parlimen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Machang dan Kepong yang telah membangkitkan perkara-perkara yang pertinent dalam Usul ini.

Pertamanya, mengenai minyak sawit. Kerajaan telah pun membuat kajian yang menyeluruh ke atas industri minyak kelapa sawit dan hasil daripada itu beberapa perkara telah dicadangkan:

- (i) struktur duti minyak kelapa sawit diselaraskan mengikut struktur minyak isirong sawit yang menggunakan kadar cukai ad-valorem;
- (ii) kadar duti minyak kelapa sawit mentah (CPO) dicadangkan sebanyak 10% ad-valorem bagi setiap tan metrik berdasarkan harga FOB Ringgit Malaysia (freight on board);
- (iii) kadar duti minyak sawit proses ataupun PPO kategori 1 dan 2 dicadangkan sebanyak 5% ad-valorem bagi setiap tan metrik harga FOB Ringgit Malaysia;
- (iv) eksport minyak sawit proses PPO bagi kategori 3, 3(a) dan 4 dicadangkan tidak dikenakan duti;
- (v) nilai eksport diasaskan kepada harga FOB semasa eksport;

- (vi) semua hasil steril minyak sawit tidak dikenakan duti seperti sekarang;
- (vii) struktur duti eksport minyak isirong dikekalkan; dan
- (viii) rebat sebanyak 30% ke atas duti eksport bagi Sabah dan Sarawak dikekalkan.

Jadi memandangkan perkara ini, kerajaan telah bersetuju bahawa duti eksport CPO dan PPO adalah berasaskan kadar ad-valorem dengan threshold price. Walau bagaimanapun PPO kadar duti eksport sebenar ditentukan mengikut kategori pemprosesan yang didahului dengan memberikan pengecualian cukai. Oleh itu formula pengecualian itu telah dilihat dan disemak dan berdasarkan kepada data-data kita, dianggarkan lebih kurang 70% daripada kilang-kilang penapisan tempatan berkeupayaan untuk memproses CPO hingga kategori 4. Oleh itu cadangan kerajaan supaya minyak sawit proses di bawah kategori 1 dan 2 PPO dikenakan kadar duti eksport 5% ad-valorem telah dipersetujui.

Yang keduanya, mengenai latar belakang Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1998 iaitu perintah bagi memansuhkan tarikh keutamaan yang telah diberikan kepada Australia dan New Zealand.

Sebagai latar belakangnya, Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan Australia dan New Zealand masing-masing pada tahun 1958 dan 1961. Kedua-dua perjanjian perdagangan memberikan keutamaan tarif ke atas barangan tertentu yang diimport dari Australia dan New Zealand serta barangan tertentu yang dieksport oleh Malaysia ke kedua-dua buah negara tersebut. Kedua-dua perjanjian perdagangan di atas telah pun dikaji semula untuk menyesuaikan dengan keperluan perdagangan semasa termasuk bagi memastikan perjanjian-perjanjian perdagangan yang dibuat dengan negara-negara anggota pertubuhan-pertubuhan dunia ataupun WTO tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip yang disokong oleh badan dunia itu. Berdasarkan rundingan-rundingan yang telah diadakan secara berasingan, kesemua pihak yang terlibat telah bersetuju untuk memansuhkan perjanjian sedia ada dan diganti dengan perjanjian perdagangan baru yang menamatkan sistem keutamaan tarif menjelang 1 Januari 1998. Perjanjian perdagangan dengan Australia dan New Zealand yang baru ini, masing-masing telah ditandatangani pada 20 Oktober 1997 dan 17 Oktober 1997 dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 1998.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Mengenai corrugating medium paper (CMP) dan 'Card Liner/Test Liner', perlindungan tarif sebanyak 5% ad-valorem ke atas CMP dan KLP tadi, 'Card Liner atau Test Liner' telah diperkenalkan pada tahun 1994 untuk memberi perlindungan kepada tiga syarikat tempatan. Semasa meluluskan perlindungan tarif tersebut, kita memutuskan supaya struktur duti dikurangkan secara berperingkat-peringkat seperti berikut: 20% ad-valorem bagi tahun 1994 dan 1995; 15% ad-valorem bagi tahun 1996 dan 1997; dan 5% ad-valorem bagi 1998 mulai 27 Jun 1998.

Mengenai sampah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi, dalam mesyuarat pada 14 Oktober 1998, Jemaah Menteri telah mengambil maklum bahawa kebanyakan lori yang masuk ke Malaysia membawa sampah seperti kulit durian, kulit kelapa dan barang-barang buruk untuk dibuang ke Johor. Ini akan menjadikan negeri Johor sebagai tempat membuang sampah dari Singapura. Dalam pada itu, Jemaah Menteri juga telah bersetuju bahawa Kementerian Kewangan mengambil tindakan berhubung cadangan supaya Akta Kastam 1967 digunakan bagi mengkategorikan jenis barang-barang yang boleh dibawa masuk ke Malaysia bagi menghindar Singapura menggunakan kelemahan daripada undang-undang tersebut untuk membuang sampah di Malaysia.

Jadi, oleh kerana itu, dalam pindaan ini "sampah" telah diberi maksud refused discarded, dengan izin, unwanted, unsolvable, remains or by product which have no commercial value or academic used and are not recyclable dan termasuk jenis-jenis

kategori iaitu half soil waste, construction waste, hospital waste, vegetation or plant waste, for example branches, stems, skin, husk, shell dan weed waste, dengan izin. Perkara ini telah dikemukakan dan dipersetujui di bawah pindaan Akta Kastam 1999 dan Perintah Kastam (Barangan Mengenai Import) (Pindaan) 1999 seperti dilampirkan.

Jadi Yang Berhormat, pertanyaan Yang Berhormat telah pun dijawab. Mengenai pertanyaan dari Yang Berhormat dari Machang, Perintah Duti mengenai kereta yang diimport dan telah diluluskan oleh JPJ tetapi telah berjalan lama di atas jalan, didapati bahawa duty import tidak dibayar dan permit masuk pun tidak ada. Jadi, cadangan Yang Berhormat itu supaya dapat penyelarasan dibuat di antara JPJ dengan Jabatan Kastam saya rasa perlu diambil pertimbangan dan kita akan meminta kerajaan untuk menyelaraskan balik tiap-tiap kereta baru, kereta mewah yang hendak didaftar di JPJ mestilah mendapat pandangan dahulu daripada Jabatan Kastam sama ada duty import telah pun dibayar ataupun lain-lain cukai yang perlu dibayar sudah dibayar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sedikit sahaja, Yang Berhormat. Tadi saya tertinggal hendak sebut dalam ucapan saya tadi fasal hendak cepat sangat, bukan sahaja penyelarasan di antara kastam dengan JPJ tetapi di antara kastam, JPJ dan finance company kerana sebahagian besar daripada kereta ini juga telah difinance kepada finance company dan bagaimana finance company boleh luluskan sedangkan kereta ini mengikut syarat-syaratnya masih daripada peruntukan undang-undang, langgar peruntukan undang-undang. Ini, penyelarasan kesemuanya perlu dibuat. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat dari Machang, saya akan mengambil perhatian tentang perkara ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti mana yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 2 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68, 69, 70 dan 72 tahun 1999 hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967, supaya perintah-perintah berikut:-

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No. 3) 1998;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No. 4) 1998;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No. 5) 1998;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No. 6) 1998;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No. 7) 1998;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No. 8) 1998;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No. 9) 1998;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No. 3) 1998;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1998;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No. 2) 1999;

- (xi) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (Perlanjutan Tempoh) 1998;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Barang-barang berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 1998;
- (xiii) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Pindaan) 1999;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No. 3) 1999;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 68, 69, 70 dan 72 tahun 1999 disahkan.

AKTA EKSAIS 1976

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No. 2) 1998

11.23 pagi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1976, supaya perintah berikut:

- (1) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1998 P.U. (A) 495 bertarikh 31 Disember 1998;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 73 tahun 1999 disahkan”.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais Pindaan No. 2 1998 P.U. (A) 495 bertarikh 31 Disember 1998 adalah bertujuan untuk mewujudkan satu nombor subkepala baru bagi petrol tanpa plumbum Ron 92 yang dikilangkan di dalam negeri di mana ianya tertakluk kepada duti eksais. Petrol jenis baru ini diperkenalkan mulai 1 Januari 1999 untuk menggantikan petrol berplumbum. Dengan ini, sekarang terdapat dua jenis petrol yang dikilang dalam negeri dan dijual di stesen-stesen minyak iaitu petrol tanpa plumbum Ron 97 dan petrol tanpa plumbum Ron 92.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong.

11.25 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat telah pun membangkitkan semasa membincangkan P.U. (A) 498 tetapi saya tidak sempat membincangkannya kerana disekatkan masa pula. ‘Pokok Angsana’ tidak berminat, apa boleh buat. Dengan tiap-tiap hari kita hendak menggalakkan Ron 97 dan Ron 92 dan sekarang, saya memang tidak membantah masalah kita hendak adakan lebih banyak ‘Ron’nya, petrol tanpa plumbum kita, kita mesti galakkan kerana tidak mahu. *[Disampuk]* Ha, tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan berdialog.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita tidak berdialog, saya tidak berdialog. Sub heading 211 dan subheading 212, memang kena mengena dengan petrol tanpa plumbum, dua jenis disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan dikilangkan di negara ini memang baik juga. Kita boleh kilangkan Ron 97 dan Ron 92. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah perbezaan di antara Ron 97 dan Ron 92 kerana saya hairan juga kenapa kita ada dua jenis. Kalau tidak ada plumbum maka satu jenis petrol itu sudah tidak ada plumbum tetapi kita hendak adakan 211 dan 212 pula, apakah perbezaannya yang merangsangkan pihak kementerian menjadikan dua jenis Ron sekarang ini. Bolehkah Yang Berhormat jelaskan?

11.26 pagi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat dari Kepong telah menanyakan tentang Ron 97 dan Ron 92. Ron 97 ia merupakan better grade daripada Ron 92. Kedua-duanya unleaded iaitu tanpa plumbum dan dibuat di Malaysia. Itu sahaja bezanya. Satu yang bagus, satu tidak bagus sedikit, itu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang jawapan itu tidak begitu jelas, apakah istimewanya Ron 97 itu berbanding dengan Ron 92? Adakah ini bermakna Ron 92 itu memang masih ada plumbum di dalamnya dan Ron 97 itu tidak ada langsung?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ini perkara teknikal, Yang Berhormat. [Ketawa] Cuma grading sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sudah habis menjawab? Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti mana yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 3 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bil. 73 tahun 1999 hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6, Akta Eksais 1976, supaya perintah berikut:-

- (1) Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No. 2) 1998;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 73 tahun 1999 disahkan.

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

- (i) Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai)(Pindaan) 1998

11.28 pagi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (3) Seksyen 5, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 supaya perintah berikut:-

- (1) Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1998
P.U. (A) 264 bertarikh 2 Julai 1998;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 74 tahun 1999 disahkan.”

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1998 P.U. (A) 264 bertarikh 2 Julai 1998 adalah bertujuan untuk meminda cara pungutan cukai perkhidmatan ke atas kad kredit dan kad caj iaitu dengan menetapkan bayaran ke atas setiap kad sebanyak RM50 setahun. Sebelum ini pungutan dibuat berdasarkan jadual bayaran yang ditetapkan antara RM50 hingga RM250 sahaja bergantung kepada tempoh sahlaku kad berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Luar [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong.

11.30 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Disampuk]* Bukan diarah, saya berminat kerana ini melibatkan wang. Saya pun ada kad kredit juga dan kad kredit kita mesti bincangkan di sini. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan dengan secara kasar, bilangan kad yang ada sekarang di negara ini dan kalau dikenakan kadar cukai 50% setiap kad setahun dan sebahagian daripadanya, apakah anggaran cukai yang akan didapati? *[Disampuk]* Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat untuk berucap bukan berdialog.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak berdialog, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kerusi di sini, bukan di sebelah sana.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bangun tetapi dengar suara-suara..... Ya, saya pun ada kad kredit dan semua orang termasuk Tuan Yang di-Pertua pun ada kad kredit. Saya pun hendak melindungi kepentingan Tuan Yang di-Pertua juga *[Ketawa]* kerana kita hendak tahu bilangan dan mengapa kita hendak kenakan RM50 untuk setiap kad setiap tahun dan sebahagian daripadanya dan amaun yang akan kita perolehi daripada kadar cukai perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang penggunaan kad kredit ini sekarang sangat berleluasa iaitu peratusan orang yang menggunakan kad ini memang ramai dan ada juga pihak yang tidak menggunakan kad ini dengan baik dan menyalah gunakan kad untuk aktiviti perniagaan dan aktiviti-aktiviti yang lain dan juga pihak kementerian sekarang hendak kenakan cukai yang baru. Adakah maksud pihak kementerian hendak mengenakan cukai yang baru, adakah ini satu usaha untuk mencegah penyalahgunaan kad-kad kredit sekarang ini? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, minta jawab.

11.32 pagi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat dari Kepong. Sebenarnya soalan Yang Berhormat ini ada dijawab hari ini di Dewan Negara. Pagi tadi saya telah menyemaknya dan selepas ini saya akan beri. Walau bagaimanapun, pungutan cukai perkhidmatan atas kad kredit atau kad caj menunjukkan kenaikan daripada RM62 bilion credit card holders sekarang ini, daripada 63,102,750 pada tahun 1997 kepada 98,517,673.27 bersamaan 56.12%. Kenaikan ini mungkin disebabkan oleh kegawatan ekonomi kerana dengan menggunakan kad caj, kredit pembayaran dapat ditangguhkan. Jadi Yang Berhormat, sekarang ini apa yang dilakukan saya bacakan di sini, dengan izin,

"Schedule 2: Rate of tax for providing and issuing a charge and a credit card. Validity period of card issued one year or any part thereof, rate tax - RM50; exceeding 1 year but not exceeding 2 years - RM100; exceeding 2 years but not exceeding 3 years - RM150; exceeding 3 years but not exceeding 4 years RM200; exceeding 4 years - RM250.

Jadi, sekarang ini setiap kad sebanyak RM50 setahun. Sebelum ini pungutan dibuat berdasarkan kepada jadual bayaran ditetapkan di antara RM50 hingga RM250. Jadi, sekarang ini satu kad RM50 setahun. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti mana yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 4 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bil. 74 tahun 1999 hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (3) Seksyen 5, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, supaya perintah berikut:-

Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 1998;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 74 tahun 1999 disahkan.

AKTA LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA 1998

- (i) **Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa (Minyak Kelapa Sawit Mentah dan Minyak Isirong Sawit Mentah) 1998.**

11.35 pagi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (1) Seksyen 7, Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 supaya perintah berikut:-

- (1) Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa (Minyak Kelapa Sawit Mentah dan Minyak Isirong Sawit Mentah) 1998 P.U. (A) 494 bertarikh 31 Disember 1998;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 75 tahun 1999 disahkan."

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa (Minyak Kelapa Sawit Mentah dan Minyak Isirong Sawit Mentah) 1998 P.U.(A) 494 bertarikh 31 Disember 1998 adalah bertujuan untuk mengenakan levi ke atas minyak kelapa sawit dan minyak isirong kelapa sawit mentah apabila harga purata pasaran bagi barangan tersebut melebihi RM2,000 setan metrik. Kadar levi yang ditetapkan adalah sebanyak seperti berikut:

- (i) jika lingkungan harga melebihi RM2,000 tetapi kurang daripada RM2,050 setan metrik, perbezaan antara harga bulanan nasional yang dikeluarkan oleh Lembaga Sawit Malaysia - RM2,000; dan
- (ii) jika lingkungan harga melebihi RM2,050 setan metrik - RM50.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Balik Pulau.

11.36 pagi.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja. Semasa kita meluluskan rang undang-undang ini, saya ingat pada persidangan tahun lepas untuk dikuatkuasakan pada tahun ini, dicadangkan bahawa pelbagai jenis komoditi boleh dimasukkan dalam Akta Levi Keuntungan Luar Biasa ini tetapi pada permulaannya kerajaan bercadang untuk mengenakan Levi Keuntungan Luar Biasa ini kepada minyak kelapa sawit mentah dan juga minyak isirong sawit mentah.

Seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen katakan tadi, 'threshold' RM50 kalau harga CPO melebihi RM2,000 satu tan tetapi sejak kita luluskan rang undang-undang ini pada penghujung tahun lepas, harga minyak sawit mentah, saya ingat tidak pernah melebihi RM2,000 satu tan, malah sekarang ini kalau tidak salah saya dalam RM1,600 satu tan. Pada masa perbincangan untuk meluluskan rang undang-undang ini saya telah bertanya apakah jangkaan kerajaan dari segi hasil yang boleh diperolehi daripada levi ini dan kalau tidak salah saya, saya diberitahu bahawa kita mengharap untuk mendapat atau mengutip dalam RM400 juta daripada pengenaan levi ini.

Jadi, memandangkan harga minyak sawit mentah tidak pernah melebihi RM2,000 satu tan di tahun 1999, maka adakah ini bermakna bahawa penguatkuasaan undang-undang ini tidak mendatangkan hasil langsung dan bagaimanakah peruntukan RM400 juta yang dijangkakan dapat dikutip daripada levi ini menjejaskan perancangan. Adakah kerajaan mempunyai perancangan oleh sebab casual valuenya sudah terlalu tinggi berbanding dengan nilai pasaran sekarang untuk mengurangkan harganya daripada RM2,000 kepada angka yang lebih rendah kerana pada masa perbincangan untuk meluluskan rang undang-undang ini, kalau kita check balik *Hansard*, saya ada melahirkan rasa kebimbangan saya untuk mengenakan Levi Keuntungan Luar Biasa ini ke atas komoditi yang begitu baik untuk negara seperti minyak sawit mentah ini seolah-olah kita menghukum industri ini kerana keadaan pasaran semasa dan juga penurunan nilai tukaran mata wang Ringgit dengan US Dollar telah mengakibatkan harga sudah naik. Tetapi pada masa keputusan itu dibuat, saya rasa unjukan yang dibuat mengenai dagangan di dalam pasaran komoditi dunia adalah kurang tepat kerana kalau kita lihat trend dari segi komoditi keseluruhannya di dunia sama ada di Chicago ataupun di Kuala Lumpur, CPO ini dan juga komoditi-komoditi utama lain dalam dunia, sebenarnya indeks komoditi dunia berada pada tahap yang tinggi, tahun 1997, 1998 dan petunjuk-petunjuk teknikal menunjukkan bahawa memang ia agak terlalu tinggi, selepas itu akan jatuh.

Memang betul pun, di awal tahun ini indeks perdagangan komoditi dunia telah jatuh dan akibat daripada itu, walaupun nilai Ringgit ditetapkan masih lagi pada RM3.80 satu Dollar tetapi oleh sebab minyak soya telah jatuh maka minyak sawit mentah pun jatuh. Sebagai satu correction dalam pasaran dan bukan disebabkan oleh correction dari segi nilai Ringgit makin kukuh dengan Dollar.

Jadi, itulah yang saya hendak tanya dari segi hasil, supaya lain kali bila hendak memperkenalkan rang undang-undang sebegini rupa, penyelidikan dan analisis yang dijalankan terdahulu daripada memperkenalkan sesuatu rang undang-undang ini yang memberi signal yang tertentu kepada pasaran hendaklah dibuat dengan lebih, sebab saya duduk di universiti dulu, saya hendak tegur dia punya analisis, sepatutnya Perbendaharaan ataupun Kementerian Perusahaan Utama memberi maklumat dan melakukan analisis terbaik bahawa kejatuhan harga-harga komoditi di dunia sekarang ini adalah menjejaskan kedudukan ekonomi yang bergantung kepada komoditi di sebalahnya. Tetapi di sebelah

satu lagi ada juga hujah yang mengatakan bahawa kejatuhan harga komoditi ini akan menyumbang kepada penerusan pertumbuhan ekonomi dunia untuk negara-negara yang mengimport komoditi. Jadi, saya rasa trend harga komoditi termasuk minyak sawit mentah ini akan tidak melebihi paras RM2000 untuk keseluruhan tahun 1999. Ekoran daripada itu hasrat kerajaan untuk mengutip hasil daripada levi ini saya ingat tidak akan tercapai.

Jadi, memandangkan senario sedemikian, saya ingin penjelasan daripada kementerian apakah perancangan dari segi ini? Saya harap tidak ada cadangan hendak diturunkan pula threshold daripada RM2000 kepada RM1,600. Kalau dahulu memperkenalkannya sahaja pada RM2000 pun saya tidak berapa setuju, kalau letak RM2000 tidak dapat kutip apa-apa benda, lepas itu hendak turun RM1,600 lagilah sedih. Saya tidak ada kepentingan dalam industri minyak sawit ini tetapi saya rasa kita biarlah, kalau boleh pada tahap RM1,600 dia boleh dapat untung yang agak besar juga sekarang ini.

Jadi, kita biar industri ini meraih keuntungan pada masa sekarang kerana sekurang-kurangnya kalau industri minyak sawit mentah ini mendapat keuntungan maka keuntungan itu boleh disalurkan balik ke dalam ekonomi negara dan menyumbang kepada peningkatan permintaan dalam negara. Misalnya, semalam kita memperkenalkan rang undang-undang untuk menubuhkan unit tentang hartanah ini, kalaulah industri ini dapat terkumpul keuntungan yang banyak, luar biasa dan memandangkan harga pasaran hartanah rendah, sekurang-kurangnya kalau syarikat-syarikat yang terlibat dalam perniagaan, perladangan dan juga penapisan minyak dan juga pemprosesan hasil minyak sawit ini boleh dapat untung, sekurang-kurangnya ia boleh belilah, hartanah-hartanah yang harga sudah jatuh. Dengan sekaligus menyokong daripada kejatuhan aset hartanah dan sekaligus boleh membantu bank-bank yang sedang memegang collateral yang nilainya sudah turun dan sekaligus tolonglah Danaharta punya kerja bagi senang sikit, seterusnya membantu proses pemulihan ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kepong.

11.45 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya gembira, Yang Berhormat dari Balik Pulau ada mengambil bahagian. Pandangan itu memang menarik. Tadi kita ada membincangkan usaha-usaha kita untuk mempelbagaikan produk kelapa sawit, satu langkah yang betul. Sementara itu kita hendak adakan levi, apabila harga komoditi kelapa sawit meningkat lebih RM2000 satu tan kita hendak kenakan levi. Begitu juga kalau komoditi-komoditi yang lain harganya meningkat kepada satu tahap mungkin kementerian itu akan kenakan levi pula. Kalau lada hitam sekarang naik, melambung naik kita hendak kenakan levi, sekarang jatuh. Saya percaya sejak diadakan rang undang-undang pada akhir tahun lepas memang kutipan levi ini tidak begitu banyak, kalau ada pun. Saya sokong Yang Berhormat, kita hendak tahu hasil daripada kutipan dengan kuatkuasanya akta ini.

Cuma di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat, mengapa kita tetapkan pada RM2000? Apakah rasionalnya taakulan yang digunakan oleh pihak kementerian ini? Mengapa kita kenakan RM2000, sama ada ini angka yang the goose that lay the golden eggs, sama ada kita hendak bunuh. Ini memang satu perkara, maklumlah Tuan Yang di-Pertua, negara kita banyak keluarkan komoditi dan maksud kerajaan pun hendak galakkan komoditi berkembang maju dan sebagainya. Dengan majunya kita dapat levi yang banyak, cukai yang banyak dan sebagainya. Memang semua ahli Parlimen di sini memang berhasrat demikian.

Walau bagaimanapun saya menggunakan kesempatan ini supaya pihak kementerian dapat mengkaji semula dasar yang diadakan untuk mengenakan levi ke atas komoditi.

Tuan Lim Hock Seng: Adakah Yang Berhormat akan mendesak kerajaan supaya memberi pampasan kepada peladang-peladang kerana kejatuhan minyak kelapa sawit? Apabila harga minyak sawit melebihi RM2000 maka peladang-peladang kena membayar levi RM50 satu tan. Pada masa sekarang harga minyak sawit telah turun dari RM2000. Adakah Yang Berhormat akan mendesak kerajaan supaya memberi pampasan balik kepada peladang?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang itu pendapat Yang Berhormat dari Bagan ada rasional juga. Bila harga meningkat kita tidak kenakan levi, kalau dia turun apakah yang patut kita buat, hendak pampasan pula, subsidi pula. Itulah rasionalnya kerana kita sama-sama hendak galakkan industri ini. Kalau kita galakkan pengusaha, memang tindakan hendak adakan levi memang satu tindakan dan kemudian kalau ia rugi apakah hendak kita buat. Hendak beri pampasan seperti getah sekarang, harga getah satu kilogram ialah RM0.60 sahaja tetapi memang rugi RM0.60. Apakah kerajaan hendak memberi pampasan pula, saya dengar khabar pihak Kementerian Perusahaan Utama hendak membeli getah ini daripada RISDA dan ladang-ladang sebagai satu langkah untuk membantunya.

Langkah pilihan ada disebut daripada Kubang Kerian. Langkah pilihan raya untuk menenangkan RISDA, pekebun-pekebun kecil. Itu tidak tahulah sama ada dapat menenangkan ataupun tidak sebab kalau kita hendak beli pun kita mesti adakan jawatankuasa, kaedah mekanisme untuk membeli getah ini tetapi kita sudah tidak ada masa, ada satu tahun ataupun sampai bulan Ogos tahun 2000. Itu sahajalah kita ada, lebih satu tahun sahaja dan untuk menjalankan kaedah ataupun jentera dengan lebih baik dan tidak menyusahkan pekebun-pekebun kecil pun susah juga dalam tempoh yang begitu singkat.

Walau bagaimanapun di negara ini, contohnya kelapa sawit dan getah. Saya tidak nampak hendak beri pampasan kepada peladang getah sekarang ini. Tidak ada pampasan, hendak kenakan levi. Sebab itulah saya gunakan kesempatan ini supaya pihak kementerian dapat mengkaji sama ada kita masih percaya kepada levi apabila sesuatu komoditi harganya meningkat kepada satu tahap ataupun sekarang kita sudah sedar pengenaan levi ini mungkin tidak begitu praktikal.

Satu perkara lagi, dengan adanya levi ini, dengan penguatkuasaan akta ini, adakah pihak kementerian membuat kajian dengan pekilang, peladang termasuk pekebun kecil, sama ada sambutan pekebun kecil, peladang besar dan pekilang mengenai levi ini. Memang kita mesti mengkaji, kalau didapati mereka tidak setuju dengan levi ini, mungkin ini akan menjadi satu faktor halangan untuk memajukan industri.

Dengan demikian saya berharap pihak kementerian dapat membuat sesuatu untuk membolehkan industri berkembang dengan maju. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila jawab.

11.51 pagi.

Dato' Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Balik Pulau dan juga Yang Berhormat dari Kepong yang telah mengambil bahagian dalam perintah levi ini.

Mengenai perbincangan semasa pembentangan rang undang-undang dahulu, saya juga masih teringat bahawa Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyatakan apa yang dikatakan hari ini supaya kita dapat berpandangan jauh, supaya analisa polisi kita agak tepat, dia punya 'hands-over'nya tidak lari begitu jauh dan kita hendakkan supaya dapat kita menjurus kepada ketidaksesuaian sesuatu polisi itu apabila dilakukan. Apabila telah berlaku terpaksa dimansuhkan.

Kita telah menjawab dahulu bahawa ini oleh kerana seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi mengenai nilai Ringgit Malaysia telah jatuh, oleh kerana itu competitive edge ini lebih tinggi dan kita mengeluarkan hasil yang serupa tetapi harganya berlainan iaitu lebih tinggi daripada yang telah berlaku. Saya tahu Yang Berhormat juga tahu bahawa pengeluaran hasil tanaman dibandingkan dengan pengeluaran produk-produk industri adalah dua perkara yang berbeza. Kalau produk industri ia tepat kerana ada mesinnya, janakuasa dan sebagainya, tetapi kalau kita tengok produk pertanian, apa yang dikatakan the vagary of climatic conditions, berubah-ubah, kadang-kadang musim kemarau, hujan, banjir kilat, dan ada pula makhluk-makhluk perosak yang menjejaskan produk berkenaan.

Oleh kerana itu ketetapan dari segi pengunjuran itu tidak dapat dilakukan kerana masalah-masalah yang saya nyatakan demikian. Jadi, kalau kita lihat harga minyak kelapa sawit kurang dari RM2000, kita tahu bahawa kebiasaannya dia hanya dapat RM800 seperti mana Yang Berhormat dari Balik Pulau cakap tadi, dua kali ganda, lapan kali dua, enam belas tetapi kita pergi lebih dari dua kali ganda. Ini tidak membebankan, kalau lebih kita tax, kita beri levi, kalau tidak lebih tidak apa.

Jadi oleh kerana itu, minyak sawit mentah pungutan hingga April tahun ini ialah sebanyak RM35.8 juta dan minyak isirong sawit mentah masih melebihi RM2000 lagi, paras threshold itu. Saya ingin memetik pengalaman saya, Yang Berhormat, apabila kita ada masalah kegawatan ekonomi baru-baru ini, saya telah pergi ke kampung-kampung menerangkan apa dia kegawatan ekonomi. Orang kampung kata, "Apa Yang Berhormat sibuk-sibuk mengenai kegawatan ekonomi, orang kampung tak ada gawat", saya cakap dengan dia, saya ingatkan dia tidak faham. Saya kata kepada dia harga gula sudah naik, katanya dia sudah lama tidak minum menggunakan gula lagi, saya pun kata, sawit dan kobis pun sudah naik, dia kata, dia tanam sayuran di belakang rumah. Jadi, dia kata sekarang harga kelapa sawit naik, jadi, orang kampung tidak merasa kegawatan. Jadi, bila ada musim perayaan, ramai orang di kampung-kampung membeli kereta, basikal dan bermacam-macam jenis belian kerana kegawatan ekonomi ini hanya dirasa oleh orang bandar yang mempunyai pendapatan yang tetap.

Jadi, mengenai langkah pilihan raya ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Balik Pulau bangun.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya hujah saya pada tahun yang lepas dan juga sekejap tadi sebenarnya bertunjangkan kepada promise bahawa kita menerima hakikat bahawa pengeluaran barangan atau komoditi pertanian ini memang 'subjected to the vagaries of nature', misalnya sekarang ini disebabkan oleh El Nino, harvest daripada ladang-ladang kelapa sawit juga telah jatuh sebenarnya, 20%-30% dan ini juga merupakan satu faktor yang menyumbang kepada pengukuhan harga-harga, kalau tidak kerana supply berkurangan disebabkan oleh harvest yang kecil mungkin harga kelapa sawit jatuh lagi tetapi itu orang kata, that is the very point of the argument, oleh sebab mereka yang terlibat dalam pengeluaran hasil pertanian ini subjected to naik turun macam ini, kadang-kadang iklim, makhluk perosak dan macam-macam sebab.

Jadi, masa tengah teruk, ia boleh terima harga itu. Jadi, masa tengah elok apa juga faktor persekitaran yang menyebabkan harga naik. Jadi, kita beri chance pada dia, masa dia dapat pulangan yang sedemikian, maknanya ada masa ekonomi tengah elok dulu, tahun 1995 -1996, mungkin sektor pembinaan dan sektor hartanah, mereka yang terlibat dalam sektor tersebut meraih keuntungan yang luar biasa. Tetapi pada ketika itu, mereka yang mengusahakan pengeluaran hasil pertanian dapat pulangan, kalau dibandingkan dengan pulangan yang diperolehi daripada industri pembuatan ataupun construction ini adalah begitu tinggi.

Jadi, maknanya orang yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang berbeza ini, kita beri chancelah pada dia, masa satu industri tengah elok dia dapat keuntungan. Bila jadi keadaan pada tahun 1997 – 1998, giliran orang yang terlibat dalam kelapa sawit pula dapat untung. Tetapi pada masa yang sama orang yang terlibat dalam getah pula tidak mendapat untung.

Jadi, saya punya hujah ini maknanya, kita menyedari bahawa kita tidak boleh hendak control naik turun pasaran yang pelbagai ini. Kadang-kadang pasaran ini, hubungannya dengan di antara satu sama lain, ia songsang, yang ini naik, yang ini turun, kadang-kadang ia selari. Jadi, bila songsang, maknanya ada satu ketika lain, di mana pasaran ini pula akan turun dan pasaran satu lagi pula akan naik. Jadi, masa tengah naik, kita berilah peluang pekebun-pekebun kecil FELDA dan juga syarikat-syarikat perladangan yang besar untuk meraih keuntungan dan dimasukkan balik keuntungan itu dalam sistem ekonomi kita.

Jadi, Yang Berhormat telah menjawab sedikit saya punya pertanyaan tadi, tinggal lagi saya hendak memperjelaskan premise hujah saya tentang masalah mengenakan levi ini ialah kita recognised ada ketika pasaran ini naik, kita beri chance dia dapat keuntungan; pada ketika dia turun kita beri juga chance. Jadi, kita tidak kenakan differential treatment dari segi pencukaian ini kepada sektor-sektor yang berlainan pada ketika yang berlainan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui bahawa dengan izin, vagaries of climatic condition itu merupakan satu faktor yang penting. Saya menggunakan hujah itu tadi hendak menunjukkan bahawa dasar kita tidak boleh tepat seratus peratus dan 'analysis of variance'nya boleh dimaafkan kalau lari 15% daripada dasar asal, jadi oleh kerana itulah dasar mengenai pertanian ini tidak semestinya perfect.

Yang kedua, saya katakan tadi bahawa oleh kerana nilai Ringgit foreign exchange kita berubah dan saya mengatakan tadi output oleh pihak kelapa sawit ini tidak berubah tetapi oleh kerana foreign exchange berubah ia mendapat keuntungan, kita hendak minta sedikitlah daripada keuntungan itu.

Saya tertarik dengan Yang Berhormat dari Kepong kata tadi oleh kerana kerajaan sekarang sibuk dengan harga getah mungkin ini juga merupakan pancing pilihan raya maka saya katakan itu tidak betul Yang Berhormat kerana ini merupakan fitnah. Saya tertarik dengan Yang Berhormat bercakap dulu fitnah itu merupakan [dalam bahasa Arab] maksudnya: 'fitnah itu lebih dahsyat daripada membunuh', surah Al-Baqarah. Jadi apa yang dibuat oleh kerajaan, kerajaan membuatnya secara keseluruhan. Apabila satu sektor mendapati kekayaan misalnya dari segi itu pihak-pihak lain, dasar-dasar yang lain juga akan turut membantu misalnya dalam estet kita hendak adakan perumahan, adakan jalan, infrastruktur dan sebagainya. Jadi kita kena memandang sesuatu isu itu secara keseluruhan.

Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong dan Yang Berhormat dari Balik Pulau yang telah mengambil bahagian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara No. 5 yang telah dibentangkan sebagai kertas statut bil. 75 tahun 1999 hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (1) seksyen 7, Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 supaya perintah berikut:

(1) Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa (Minyak Kelapa Sawit Mentah dan Minyak Isirong Sawit Mentah) 1998;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. 75 tahun 1999 disahkan.

AKTA KAWALAN PERTUKARAN ASING 1953

(Levi Ke Atas Dana Yang Direpatriasi Oleh Bukan Pemastautin) 1999

12.03 tgh.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi Ke Atas Dana Yang Direpatriasi Oleh Bukan Pemastautin) 1999 yang mengadakan peruntukan bagi levi berkenaan ke atas jumlah pokok pelaburan atau keuntungan yang diperolehi oleh bukan pemastautin di Malaysia dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya supaya diluluskan melalui satu resolusi Dewan Rakyat.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pengaliran keluar masuk dana di negara ini adalah dikawal selia oleh Akta Kawalan Pertukaran Asing 1953. Oleh itu adalah bertepatan bahawa peraturan-peraturan ini dibuat di bawah seksyen 46(2) akta tersebut. Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa segala peraturan yang dibuat dan dilaksanakan hendaklah dibentangkan di Dewan Rakyat secepat yang mungkin dan tidak boleh diteruskan perlaksanaannya sekiranya tidak diluluskan melalui satu resolusi oleh Dewan Rakyat. Peraturan-peraturan ini dibuat bagi tujuan untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing supaya memegang pelaburan portfolio mereka untuk jangka masa yang lebih panjang sementara meminimumkan kesan ketidakstabilan yang disebabkan oleh aliran dana berjangka pendek secara mendadak. Di samping itu peraturan-peraturan ini memberi fleksibiliti kepada pelabur bukan pemastautin untuk merepatriasi dana mereka keluar dari Malaysia. Ini akan dapat menarik pelabur-pelabur baru untuk datang melabur ke Malaysia. Peraturan-peraturan ini mengandungi tujuh peraturan-peraturan.

Peraturan 1, memperuntukkan nama dan tarikh permulaan kuat kuasa peraturan-peraturan ini pada 15 Februari 1999. Peraturan-peraturan ini hanya dikenakan ke atas pelabur bukan pemastautin. Peraturan-peraturan memberi takrif pemastautin sebagai seorang warganegara yang bermastautin di Malaysia atau seorang pemastautin tetap Malaysia yang sedang bermastautin di Malaysia. Di segi syarikat pula ia diperbadankan atau didaftarkan di negara ini di bawah mana-mana undang-undang bertulis seperti Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1966 atau Ordinan Perniagaan Sarawak atau dilesenkan di bawah Ordinan Pelesenan Perdagangan Sabah. Justeru bukan pemastautin adalah seorang yang tidak termasuk dalam takrif seorang pemastautin yang diterangkan sebentar tadi.

Peraturan 2, menjelaskan takrif beberapa istilah yang digunakan dalam peraturan-peraturan ini seperti dana pelabur bukan pemastautin, keuntungan dan repatriasi. Di bawah Peraturan 2 tersebut levi dikenakan dalam dua cara iaitu:

- (a) pengenaan levi ke atas jumlah dana pokok yang dibawa masuk ke Malaysia sebelum 15 Februari 1999; dan
- (b) pengenaan levi ke atas keuntungan daripada jumlah dana pokok yang dibawa masuk ke Malaysia pada atau selepas 15 Februari 1999,

Peraturan 3, melarang bukan pemastautin untuk merepatriasikan jumlah pokok pelaburan mereka yang berada di Malaysia dalam tempoh 12 bulan dari tarikh ia dibawa masuk kecuali dengan membayar levi seperti berikut:

- (a) 30% daripada jumlah pokok yang akan direpatriasi jika repatriasi itu dibuat dalam tempoh tujuh bulan; atau
- (b) 20% daripada jumlah pokok dan akan direpatriasi jika repatriasi itu dibuat selepas 7 bulan hingga 9 bulan; atau
- (c) 10% daripada jumlah pokok yang akan direpatriasi jika repatriasi itu dibuat selepas 9 bulan sehingga 12 bulan.

Levi sebanyak 10% akan juga dikenakan ke atas keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan yang dibuat selepas 12 bulan dari tarikh jumlah pokok itu dibawa masuk ke Malaysia.

Peraturan 4, melarang bukan pemastautin yang membawa masuk jumlah pokok pelaburan ke Malaysia pada atau selepas 15 Februari 1999 daripada merepatriasi keuntungan yang diperolehi kecuali dengan membayar levi sebanyak:

- (a) 30% daripada keuntungan yang hendak direpatriasi jika repatriasi itu dibuat dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pelaburan; atau
- (b) 10% daripada keuntungan yang hendak direpatriasi jika repatriasi itu dibuat selepas 12 bulan dari tarikh pelaburan.

Di samping pelabur bukan pemastautin larangan di bawah Peraturan 3 dan 4 juga terpakai untuk meliputi pemastautin yang membuat repatriasi dana bagi pihak bukan pemastautin. Seorang yang melanggar Peraturan 3 dan 4 adalah melakukan satu kesalahan yang bila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau 3 bulan penjara atau kedua-duanya sekali.

Peraturan 5, digubal bagi memberi kemudahan kepada pelabur yang ingin memindahkan dana mereka daripada dana yang dikawal di bawah Peraturan 3 kepada dana di bawah Peraturan 4. Mereka hanya perlu membayar levi yang berpatutan ke atas jumlah dana pokok dan tidak perlu menghadapi risiko kadar pertukaran dan kos pertukaran. Memandangkan peraturan-peraturan ini bukan untuk tujuan menghalang pelabur asing langsung, satu peraturan ketidakpakaian peraturan-peraturan ini ke atas pelabur asing langsung (FDI) telah dibuat.

Peraturan 6, mengecualikan repatriasi jumlah dana pokok yang berhubungan dengan pelaburan asing langsung dalam satu syarikat yang diperbadankan atau satu badan sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan di Malaysia daripada pengenaan levi.

Peraturan 7, memperuntukan bahawa levi hendaklah dibayar oleh bukan pemastautin kepada institusi kewangan di mana repatriasi dana akan dibuat. Levi yang dipungut itu kemudiannya hendaklah diremitkan ke Bank Negara Malaysia ke dalam akaun Akauntan Negara dalam satu tempoh yang akan ditentukan oleh Bank Negara Malaysia secara bertulis. Pelanggaran peraturan ini merupakan satu kesalahan yang boleh membawa hukuman denda sebanyak RM10,000 ke atas sesuatu institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya peraturan ini diluluskan oleh Dewan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Balik Pulau.

12.10 tgh.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Kita kenakan peraturan-peraturan ini seperti kuat kuasa yang diberikan di bawah subseksyen yang disebutkan tadi di bawah Akta Kawalan Pertukaran Asing untuk mengawal atau mengenakan levi kepada 'repatriation' duit keluar daripada negara. Saya cuma hendak tanya dua soalan, pertamanya, saya ingat tahun lepas ataupun suku tahun yang lepas kita telah meluluskan satu rang undang-undang yang mengawal selia money changer dan kita mewujudkan satu akta yang baru dan meletakkan penyeliaan terhadap money changer ini terus di bawah Bank Negara Malaysia.

Saya cuma hendak bertanya sebab money changer dalam dunia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya lihat ia seolah-olah dimonopoli oleh kelompok yang sama. Kalau saya pergi ke Amerika Syarikat, ke Hong Kong, ke Tokyo, di Malaysia atau ke Singapura dan kawan saya Yang Berhormat dari Tambun hari itu pergi ke Mongolia, di Mongolia pun money 'changer'nya dia adalah lebih kurang orang yang sama. Jadi kalau saya hendak mengeluarkan duit atau hendak mengelakkan daripada dikenakan levi ini saya ingat walaupun saya tidak pakar dalam bidang ini tapi kalau saya fikir-fikir, saya ingat saya boleh buat juga mengeluarkan duit ini sebab kalau ada satu money changer di Kuala Lumpur dan satu money changer di Hong Kong ataupun satu money changer di Singapura yang ada pertalian perniagaan, saya tak perlu pun membawa keluar cash ataupun seludup keluar cash bank notes.

Maknanya kalau saya hendak seludup keluar cash, saya boleh beli US Dollars dalam negara dan seludup keluar dan melalui pertalian sesama money changer ini ataupun saya boleh pergi menggunakan perkhidmatan money changer yang mempunyai pertalian di Malaysia dan di negara-negara ketiga, di Singapura ataupun di Hong Kong ataupun di Mongolia - Ulan Batur, jadi saya deposit duit dekat di sini dan saya pergi di sana saya ambil di sana tapi dia orang sesama dia boleh transact duit itu.

Jadi pertama, ini mengelakkan timbul masalah dari segi kawalan pertukaran asing. Yang kedua, ia berpotensi untuk mengelakkan daripada pembayaran levi seperti yang dihasratkan oleh penguatkuasaan subseksyen ini di bawah rang undang-undang ini.

Jadi persoalannya, saya ingin bertanya ialah adakah kementerian dapat melakukan pemantauan ataupun penyeliaan tentang adakah berlaku benda-benda yang seperti ini? Bolehkah setelah kita meluluskan akta kawalan pada money changer ini penguatkuasaannya macam mana? Mana kita tahu ada satu money changer di Pulau Pinang, dia ada branch ataupun associate di Vladivostok Russiakah? Jadi dia boleh tukar duit kita tak tahu. Jadi setakat ini, bagaimanakah penguatkuasaan rang undang-undang ke atas money changer yang telah kita luluskan dalam Dewan ini dan bagaimanakah kita boleh melakukan penyeliaan untuk memastikan bahawa hasrat penguatkuasaan subseksyen Akta Kawalan Pertukaran Asing ini dapat dilaksanakan untuk mencapai hasrat kita supaya, satu, control itu ada; yang keduanya, kita boleh dapat hasil daripada mengenakan levi yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi. Kerana saya rasa antara perniagaan yang tua dalam dunia ini ialah berniaga duit itu sendiri, bukan berniaga buat barang jual barang, yang itu perniagaan yang kedua tertua di dunia. Perniagaan yang paling tua sekali ada orang kata perniagaan lain tapi berniaga duit ini adalah satu perniagaan yang sudah lama orang buat dan rangkaianannya di seluruh dunia adalah cukup membangun atau well developed sama juga dengan perniagaan komoditi-komoditi seperti emas dan juga berlian.

Jadi itu penjelasan dan mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberi keyakinan dalam Dewan ini bahawa penguatkuasaan Money Changer Act tadi telah dikuatkuasakan dengan baik kerana saya nampak macam di Pulau Pinang banyak lagi, nasib baiklah mereka bukan pengundi saya, nanti mereka kata saya hendak kacau mereka cari makan tetapi setakat manakah penguatkuasaan rang undang-undang itu dan

setakat manakah boleh dikuatkuasakan penurunan kuasa daripada Akta Kawalan Pertukaran Asing ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

12.15 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa yang singkat dan saya berasa gembiralah Yang Berhormat dari Balik Pulau dapat menyertai perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan mengapa tak ramai yang berminat dengan perkara yang begitu penting. Kerana dengan adanya peraturan ini yang terlibatnya berpuluh bilion ringgit bahkan mungkin beratus bilion ringgit kerana dengan sistem kewangan di dunia ini sekarang yang perlu diubah satu reka bentuk (architecture) yang baru mesti diadakan, satu order baru mesti diadakan dan kita adakan peraturan-peraturan kawalan kewangan di sini untuk mengelakkan daripada kelemahan sistem kewangan dunia.

Dengan adanya tujuh peraturan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi maka dengan beransur-ansur kita akan buka sedikit pasaran tukaran asing kita kepada dunia, sedikit sahaja. Dan saya percaya kita tidak boleh elakkan untuk membuat tindakan supaya kita dapat melindungi sistem kewangan Malaysia. Walau bagaimanapun saya berharap sementara itu kita gunakan kesempatan semasa kawalan tukaran asing ini untuk mengkaji dan mengubah atau memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang terdapat di sistem kewangan kita sendiri. Saya mesti mengulangi hasrat rakyat Malaysia supaya kita dapat sistem yang lebih sempurna.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya beberapa soalan. Yang pertama, bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan bukan pemastautin di dalam definisi yang disebutkan tadi - anggaran sama ada RM10,000, RM200,000. Yang kedua, amaun atau jumlah dana asing sekarang yang boleh dibawa keluar, adakah ini sampai US\$100 bilion atau US\$200 bilion ataupun US\$20 bilion di negara ini - ini sangat penting, Tuan Yang di-Pertua, apakah amaunnya dan juga dengan dikenakan tujuh peraturan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, berapa banyakkah dana ini akan diambil keluar daripada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak percaya 100% kepada pandangan daripada orang asing ataupun orang yang tidak setuju dengan kawalan pertukaran asing. Walau bagaimanapun, kita mesti bimbang dengan adakan peraturan-peraturan ini, amaun dana yang akan diambil keluar direpatriasikan daripada negara ini. Ada yang dianggarkan bahawa mungkin ratusan bilion Ringgit akan dikeluarkan apabila sampai bulan September atau Oktober kelak selepas peraturan-peraturan ini dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya cuma beberapa perkara yang saya hendak Yang Berhormat terangkan dengan lebih lanjut lagi iaitu mengenai Peraturan 6(b) di sini yang dicatatkan Peraturan 3 dan 4 bagi (b) - 'Repatriasi, jumlah pokok yang berhubungan dengan pelaburan asing yang dibuat secara terus dalam suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Jika seorang bukan pemastautin berhak untuk menjalankan atau mengawal perjalanan tidak kurang daripada 10% undi daripada syer mengundi syarikat itu atau jika pengarahnya pada lazimnya, atau berkewajipan untuk sama ada secara rasmi atau tidak rasmi bertindak mengikut arahan, perintah atau hasrat bukan pemastautin itu atau dalam suatu badan sama ada yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Jika pengurusan pada lazimnya atau berkewajipan untuk sama ada secara rasmi atau tidak rasmi bertindak mengikut arahan, perintah atau hasrat seorang bukan pemastautin'.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan ini memang sangat rumit dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaannya, sebab itulah saya tanya Yang Berhormat meminta beliau

menjelaskan perkara ini supaya kita dapat memahami apakah sebenarnya akan berlaku apabila peraturan ini dikuatkuasakan kelak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

12.22 tgh.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Balik Pulau dan juga Yang Berhormat dari Kepong yang telah mengambil bahagian.

Mengenai Akta Pengurup Wang (Money Changer), jadi Akta Pengurup Wang ini telah pun diluluskan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dahulu dan akta ini setahu saya sekarang ini Yang Berhormat kata boleh dapat lesen atau tidak, untuk mengurup wang. Dahulu dibekukan, sekarang ini lesen untuk pengurupan wang telah dibuka semula. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah memohon kepada Bank Negara kalau hendak menjadi pengurup wang. *[Ketawa]* Kawalan-kawalan duit yang keluar ialah kita hanya membenarkan cash sebanyak RM10,000 tetapi sebagaimana Yang Berhormat ketahui, baru-baru ini beberapa tangkapan telah dibuat di Tambak Johor, orang cuba membawa bukan sahaja mata wang Malaysia tetapi mata wang negara-negara asing untuk dibawa ke Singapura dan seterusnya ke luar negara. Jadi, perkara ini telah pun dapat ditangkap dan sedang dibicarakan.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sedia maklum bahawa duit kita tidak laku di luar negara. Tetapi apa Yang Berhormat dari Balik Pulau kata tadi, ialah duit ini digunakan oleh pengurup wang. Jadi, mereka mempunyai duit Malaysia untuk diberikan terutamanya ke Singapura kepada orang Singapura yang hendak datang ke Malaysia untuk membeli-belah di hujung minggu. Jadi, banyak duit ditukar begitu kerana pengurup wang di Singapura banyak menggunakan mata wang Malaysia. Begitu juga di Utara kita ada di Bukit Kayu Hitam dan juga di Padang Besar. Kita mencadangkan bahawa di kawasan-kawasan Utara seperti ini dapat kita gunakan duit Malaysia tanpa menukar kalau yang berhampiran. Ini sedang dikaji oleh kerajaan.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya, saya timbulkan berkenaan Akta Pengurup Wang itu bukan saya hendak minta lesen itu *[Ketawa]* sebab masalah Yang Berhormat katakan tadi.

Maksud saya yang sebenarnya bukan sekadar untuk membeli-belah di antara Malaysia dengan Thailand dan Malaysia dengan Singapura yang mana ini boleh digunakan. Maksud saya ialah repatriation of profits yang dimaksudkan oleh subseksyen 46 dan di bawah Akta Kawalan Pertukaran Asing ini. Oleh sebab ada rangkaian pengurup wang yang begitu baik di antara negara-negara, boleh berlaku macam-macam cerita. Kalau saya hendak repatriate keuntungan saya ke negara yang ketiga, saya cuma perlu ambil duit keuntungan saya, katakan RM5 juta, saya depositkan kepada – kalau sayalah, saya guna otak saya sendiri, saya depositkan kepada seorang pengurup wang di Malaysia selepas itu saya pergi ke Hong Kong ataupun ke Vladivostok yang ada satu lagi pengurup wang di sana yang ada hubungan dengan pengurup wang yang saya depositkan RM5 juta itu. Jadi, saya ambillah equivalent US Dollar di sana dan saya tidak perlu melalui sistem perbankan dan di luar daripada kawalan Bank Negara dan oleh yang demikian, levi yang hendak dikenakan ini pun tidak boleh dikenakan.

Jadi, persoalannya ialah dengan pengenalan Akta Pengurup Wang ini bagaimanakah kawalan yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia kerana kita telah meletakkan kawalan pengurup wang ini terus di bawah Bank Negara melalui akta yang kita luluskan. Bagaimanakah boleh Bank Negara menyelia, memantau pengurup-pengurup wang yang berlesen yang berada di Malaysia ini untuk memastikan fenomena yang saya katakan tadi itu tidak boleh berlaku secara teruk sangatlah. Hendak berlaku memanglah boleh berlaku, memang mesti berlaku tetapi tidak boleh berlaku pada kadar yang

menjadikan peraturan yang kita perkenalkan ini 'meaningless', tidak ada gigi langsung. Sekurang-kurangnya bolehlah dapat juga sikit-sikit levi daripada tidak dapat langsung. Itu maksud saya dengan menimbulkan Akta Pengurup Wang dalam konteks Akta Kawalan Pertukaran Asing ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, pekara ini telah dibangkitkan dahulu semasa kita membentangkan Akta Pengurup Wang dan hasil daripada perbincangan tempoh hari Bank Negara telah pun mengambil pegawai-pegawai baru dan juga telah memindahkan pegawai-pegawai lama untuk ditempatkan di peringkat penyeliaan dan juga untuk membuat pemantauan dan juga 'surprise check', dengan izin, kepada pengurup-pengurup wang ini dan perkara ini sedang berjalan dan juga tangkapan-tangkapan telah juga dibuat seperti mana yang telah kita bincangkan tempoh hari. Jadi, dengan adanya unit baru ini untuk membuat pemantauan, pegawai-pegawai yang baru membuat pemantauan yang lebih, kita harapkan nanti perkara-perkara yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau dapat diminimumkan kalau tidak dapat dihapuskan.

Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat dari Kepong mengenai keseluruhan pengaliran masuk dan keluar dana asing sejak perkara ini dibangkitkan. Jadi, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa tujuan dasar baru sistem levi yang kita laksanakan itu adalah untuk menggalakkan pelaburan portfolio yang sedia ada untuk membuat pelaburan jangka panjang di Malaysia, menarik masuk dana baru ke Malaysia dan pada masa yang sama tidak menggalakkan aliran modal jangka pendek yang tidak stabil. Tambahan pula, peraturan ini dirangka untuk membenarkan pengaliran keluar modal secara beransur-ansur berbanding dengan pengaliran keluar modal secara mendadak dengan jumlah yang banyak apabila tamat satu tahun tempoh pemegangan. Jadi, dengan adanya levi ini yang kita kenakan nampaknya ada 'cushion effect' di situ.

Selepas kerajaan memperkenalkan sistem levi pada 15 Februari 1999 ke atas modal asing, portfolio pasaran modal tempatan negara kita masih pada tahap yang sangat berpuas hati terutamanya terhadap pengaliran masuk bersih ataupun nett inflow, dana baru sebanyak RM424 juta dalam tempoh 15 Februari 1999 hingga 21 April 1999.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang ada juga aliran masuk wang seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Cuma adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada masa ini dengan perang di Kosovo, Yugoslavia dan memang satu perang bukan sahaja pengeboman dan pasaran terutamanya pasaran bursa saham dan pasaran dana memang peka kepada perubahan pancaroba di Eropah dan juga dengan Dow Jones yang meningkat kepada 11,000 ataupun lebih daripada 11,000 point, maka ada setengah-setengah itu memang tidak begitu senang.

Dengan yang demikian mereka alihkan dananya kepada Singapura, kepada Hong Kong dan Thailand dan kalau tidak silap saya indeks bursa saham Singapura dan Hong Kong pun meningkat dengan tinggi, lebih tinggi daripada Malaysia tetapi dengan bakinya mereka datang, ini dana jangka pendek sebab saya bimbang juga ia masuk ke negara ini membeli saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur kerana sangat murah, terlalu murah dia beli tetapi yang saya takut, dengan dana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ditarik keluar dengan jangka pendek itu. Kita tidak boleh halang orang tetapi saya takut tidak lama lagi ditarik balik dengan cepat, ditarik keluar dengan dana yang besar, maka kita akan terjejas sekali lagi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Saya mengambil perhatian tentang apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Tetapi kalau kita tengok perimbangan di antara dana yang keluar dengan reserve asing kita. Jadi reserve asing kita bertambah dan juga boleh menampung RM6.1 bilion import tertangguh, itu satu.

Yang keduanya, kalau Yang Berhormat tidak hendak pandang dari segi KLSE yang mencecah psychological barrier 700 point, Yang Berhormat juga boleh tengok dari

segi indikator yang lain seperti megawatts yang digunakan oleh kilang-kilang untuk membuat produk-produk untuk dilaburkan ke luar negara bertingkat ataupun meningkat dan juga keluaran produk-produk kita meningkat. Jadi kalau kita tidak tengok dari segi saham, kita boleh tengok dari segi indikator-indikator yang lain dan reserve asing kita sekarang ini meningkat dan kita rasakan kalaulah sampai bulan September, orang membawa keluar duit kita ada 'cushion effect' kita iaitu reserve kita tinggi dan yang kedua, kita telah pun melepaskan sedikit-sedikit dari segi keuntungan ataupun dari segi modal tadi. Jadi, mereka boleh keluar dengan levi sekian banyak yang saya katakan tadi. Dengan cara inilah sahaja saya rasakan bahawa kita merasa kita selesa apabila datang bulan September yang akan datang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekali lagi dan Yang Berhormat tidak menerangkan apakah jumlah dana asing yang boleh diambil keluar kerana amaun itu penting, kalau amaun besar apabila mereka ambil keluar, kita tidak dapat cushion kerana rizab kita walaupun lebih baik berbanding dengan masa yang lepas tetapi tidak begitu besar juga, tidak sampai US\$100 bilion.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Secara keseluruhan apa yang kita katakan anggaran jumlah dana yang dipegang oleh bukan pemastautin, portfolio yang boleh dibawa keluar adalah dengan jumlah US\$5 bilion. Ini adalah dana yang dipegang oleh bukan pemastautin di dalam akaun-akaun di Malaysia ini serta pegangan saham di bursa saham secara jangka pendek. Jadi, Yang Berhormat seperti saya katakan tadi dengan rizab kita lebih tinggi daripada dana yang akan keluar jadi kita ada 'cushion' di situ.

Saya juga menyanjung pandangan Yang Berhormat bahawa pada ketika ini

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta sedikit penjelasan. Yang Berhormat dari Kepong cuba menggambarkan suatu isu ke arah yang negatif, hendak cari perkara yang salah dan silap. Saya hendak bertanya bagaimana kalau dibandingkan, saya ingat elok dalam suasana keadaan pasaran yang lebih daripada 700 mata ke atas, sudah semestinya ia kecemerlangan ataupun peningkatan yang cemerlang pasaran saham BSKL sudah semestinya juga meliputi dana yang masuk.

Saya lebih mirip hendak bertanya bagaimana bandingan dana yang masuk dan dana yang keluar sebab saya difahamkan ada satu kajian daripada penganalisa pasaran saham antarabangsa yang mengatakan bahawa ada imbalan yang positif. Maknanya, kalau dia tolak yang masuk dengan yang keluar masih lagi positif, bermakna rizab kita itu insurans seandainya kalau ada kesan yang negatif, 'nett' yang negatif tetapi 'nett'nya saya difahamkan positif, yang masuk ditolak, yang keluar masih lagi positif dan kalau disatukan pula dengan rizab kita, kita tidak perlu bimbang. Saya minta pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah ini benar supaya kalau kita pergi menjawab kepada kaedah Kepong ini, dia hendak mencari mileage yang murah sahaja sebab ada kekosongan Timbalan Setiausaha Agung DAP ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Rompin. Saya telah menggunakan asas Yang Berhormat Rompin dahulu bahawa kalau kita tidak hendak tengok dari segi BSKL, kita boleh tengok dari segi megawatt yang digunakan telah bertambah.

Jadi, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Rompin bahawa dana yang masuk dan dana yang keluar boleh kita imbalan secara positif lagi. Kerajaan setakat ini berpuas hati dengan kedudukan dana asing dan yakin dana asing masuk akan bertambah oleh kerana pasaran modal tempatan sudah menjadi terbuka. Dahulu carta pelaburan (investment chart) pelabur asing tidak mengizinkan mereka melabur di pasaran kita kerana pasaran kita dianggap tertutup oleh pelabur asing.

Langkah-langkah lain yang diambil oleh kerajaan seperti mana yang dikatakan tadi, Yang Berhormat dari Kepong yang bertanyakan apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh kerajaan. Langkah-langkah lain yang telah dibuat oleh kerajaan ialah mengembalikan keyakinan pelabur asing dan tempatan terhadap pasaran kita adalah dengan membaik pulih ekonomi melalui polisi fizikal dalam pelaksanaan projek kerajaan yang menepati jadual. Sekarang ini kita sedang sibuk, kita hendak berjumpa dengan pegawai daerah, jumpa dengan pegawai-pegawai kerajaan supaya duit yang kita beri itu hendaklah kita lekaskan projek-projek. Stimulus fizikal akan menambahkan lagi penggunaan untuk mengurangkan lebihan kapasiti dalam memberi kesan penggandaan dalam ekonomi dan sektor swasta. Penstrukturan semula sektor perbankan akan mengurangkan tahap nisbah pinjaman tidak berbayar, mana- kala peningkatan tahap modal perbankan akan mempercepatkan proses pemulihan ekonomi. Sektor perbankan telah dinasihatkan supaya memberi pinjaman untuk pelaburan berdaya maju, keyakinan pelabur akan tetap kembali dengan adanya peningkatan aktiviti ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara No. 6 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut No. 51 tahun 1999 hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen 46(2), Akta Kawalan Pertukaran Asing 1953, supaya Peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi Ke Atas Dana Yang Direpatriasi Oleh Bukan Pemastautin) 1999 yang dibentangkan di hadapan Majlis sebagai Kertas Statut No. 51 tahun 1999 disahkan.

AKTA KAWALAN PERTUKARAN ASING 1953

**(Levi Ke Atas Dana Yang Direpatriasi Oleh Bukan Pemastautin)
(Pindaan) 1999**

12.39 tgh.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon berdiri sekali lagi untuk membentangkan Peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi Ke Atas Dana Yang Direpatriasi Oleh Bukan Pemastautin) Pindaan 1999 disebut sebagai Peraturan-peraturan pindaan yang mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan untuk diluluskan melalui satu resolusi Dewan Rakyat.

Peraturan satu memperuntukkan nama dan tarikh permulaan kuat kuasa peraturan-peraturan pindaan ini kepada 15 Februari 1999. Pindaan dua memperuntukkan pindaan ke atas takrif keuntungan bagi memperjelaskan maksudnya untuk tidak meliputi pendapatan sewaan daripada pelaburan hartanah. Pindaan tiga, menjelaskan bahawa bayaran levi adalah dikecualikan bagi repatriasi dana yang berhubung dengan harta tak alih seperti tanah, bangunan atau apa-apa perkara yang berkaitan dengannya. Pindaan empat, memperkenalkan satu peraturan baru bagi memberi kuasa kepada menteri untuk mengecualikan mana-mana transaksi atau jenis-jenis transaksi daripada kesemua atau mana-mana peruntukan dalam peraturan-peraturan ini selama apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat seperti mana yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya peraturan pindaan ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ibrahim bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa sekarang dibuka untuk dibahas.

12.41 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua walaupun ini hampir serupa dengan usul yang lepas saya pada prinsipnya mengambil bahagian dalam perbahasan ini dalam masa yang paling singkat, saya tidak percaya bahawa setiap usul ataupun rang undang-undang kalau tidak dibahaskan itu memang tidak memenuhi hasrat demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, memang di dalam Kertas Tajuk 51 Akta Kawalan Pertukaran Asing 1993 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Pertukaran Asing Levi ke atas dana yang direpatriasi oleh yang bukan mastautin dengan secara ringkasnya yang saya nampak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah menerangkan apa yang terkandung di dalam lima muka surat ini, memang Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini sangat rumit dan hanya disebutkan dengan beberapa perenggan sahaja oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menanyakan satu perkara iaitu pembayaran levi ini yang saya berharap dapat dijawab iaitu no. 7 - tiap-tiap pembayaran levi di bawah Peraturan 3 dan 4 hendaklah dibuat kepada institusi kewangan darinya orang itu merepatriasi dananya. Tiap-tiap institusi kewangan hendaklah memungut levi itu dan meremitskannya ke Bank Negara Malaysia ke dalam Akauntan Negara dalam suatu tempoh masa dan dalam apa-apa lat tempoh yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia secara bertulis. Mana-mana institusi kewangan yang melanggar Peraturan 2 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000.

Tuan Yang di-Pertua, di sini bolehkah Yang Berhormat menjelaskan tiap-tiap institusi kewangan hendak memungut levi itu dan meremitskan ke Bank Negara Malaysia ke dalam Akauntan Negara dalam suatu tempoh. Jadi, apakah yang disebutkan di sini termasuk suatu tempoh ataupun dua minggu, satu bulan, dua bulan dan sebagainya yang ditentukan oleh Bank Negara secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh menganggar bahawa pelaksanaan peraturan-peraturan akan menghadapi halangan, kesusahan kerana saya nampak seperti yang saya sebutkan tadi mengenai institusi-institusi kewangan ini dan sangat rumit, borang itu sahaja walaupun mungkin dikomputerkan dan akan menimbulkan kesusahan untuk menguatkuasakannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila menjawab.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah menanyakan masalah mengenai levi yang dikutip oleh agensi kewangan. Saya rasa benda ini tidak susah kerana seperti kita juga hari-hari kalau kita ada anak di luar negara, kita hantar duit transfer misalnya ia ada komisen kita kena bayar dalam borang berkenaan. Jadi, serupa jugalah mengenai levi ini, ia sama ada kita repatriasi keuntungan ataupun repatriasi pokok melalui institusi kewangan ia ada jadual dan dikenakan terus. Apa yang berlaku sekarang ini kita menggunakan institusi kewangan yang sedia ada lagi senang. Contohnya yang paling menonjol ialah apabila belia-belia meminjam duit daripada Kementerian Belia dan Sukan, jadi kita kena pula adakan satu jabatan untuk mengambil duit. Tetapi, sekarang ini kalau belia meminjam duit dari jabatan melalui misalnya BSN Commercial, BSN Commercial sudah ada vehicle dan mekanismenya untuk memungut wang yang berkenaan.

Jadi, satu tempoh yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi, ianya juga seperti dalam undang-undang, kalau undang-undang menyatakan as soon as possible, jadi undang-undang kata as soon as possible itu tertakluk kepada keadaan mungkin satu hari, dua hari, sebulan, dua bulan. Jadi, sini kita buat juga klausa yang serupa, klausa yang terbuka (open Claus) satu tempoh yang bersesuaian. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, dia sudah duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia sudah duduk, cukuplah. Kita ada tiga rang undang-undang lagi Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara No.7 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut No.82 tahun 1999 hendaklah dipersetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen 46(2), Akta Kawalan Pertukaran Asing 1953, supaya Peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi Ke Atas Dana Yang Direpatriasi oleh Bukan Pemastautin) (Pindaan) 1999 yang dibentangkan di hadapan Majlis sebagai kertas Status No. 82 Tahun 1999 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG PELESENAN KENDERAAN PELANCONGAN 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.45 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu rang undang-undang bernama Rang Undang-undang Kenderaan Pelancongan 1999 dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai matlamat untuk mencapai kedatangan pelancong asing seramai 7.6 juta orang pada tahun 2000 dengan harapan untuk memperolehi pendapatan tukaran asing darinya sebanyak RM15.7 bilion. Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan secara berterusan untuk mencapai matlamat ini. Di antara usaha-usaha tersebut termasuklah membangunkan produk dan aktiviti pelancongan, membangunkan pelancongan domestik, promosi dan pemasaran, membangunkan kemudahan asas infrastruktur dan accessibility pelancongan.

Disebabkan negara dan serantau menghadapi pelbagai masalah sejak tahun 1997 seperti masalah jerebu, penyakit coxsackie dan taun, kekurangan air, kegawatan ekonomi, masalah perhubungan dengan Singapura, laporan negatif media asing, demonstrasi kecil di Kuala Lumpur dan baru-baru ini wabak penyakit virus JE, Hendra dan Nipah maka kedatangan pelancong pada tahun 1998 telah merosot sebanyak 11.3% iaitu dari jumlah 6.2 juta orang pada tahun 1997 kepada 5.5 juta orang pada tahun 1998.

Kemerosotan kedatangan pelancong ini diikuti dengan kemerosotan pendapatan tukaran asing darinya sebanyak 11.2% pada tahun 1998 iaitu dari RM10,509.8 juta pada tahun 1997 kepada RM9,334.2 juta. Jumlah pendapatan pertukaran asing yang diperolehi pada tahun 1998 itu adalah daripada perbelanjaan yang dilakukan oleh pelancong sebanyak 34.2% atau RM3,192.3 juta untuk penginapan; 18.5% atau RM1,726.8 juta untuk

makanan dan minuman; 21.7% atau RM2,025.5 juta untuk membeli-belah; 4.4% atau RM410.7 juta untuk lawatan yang diatur; 8.4% atau RM784.1 juta untuk pengangkutan tempatan; 3.8% atau RM354.7 juta untuk penerbangan domestik; 3.4% atau RM317.4 juta untuk hiburan; dan 5.6% atau RM522.7 juta untuk perbelanjaan lain.

Daripada aktiviti perbelanjaan pelancongan ini, maka didapati hanya RM1,138.8 juta atau 12.2% sahaja yang dibelanjakan untuk pengangkutan. Jumlah perbelanjaan untuk aktiviti ini adalah kecil dan oleh kerana itu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sedang berusaha untuk mempertingkatkan pendapatan pertukaran asing pelancongan daripada aktiviti pengangkutan kerana aktiviti ini merupakan pelengkap kepada aktiviti pelancongan yang lain dan mempunyai potensi untuk dibangunkan.

Di antara usaha-usaha tersebut termasuklah menggubal Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 yang khusus kepada pengangkutan bas persiaran dan kereta sewa sahaja. Melalui pelaksanaan akta ini maka kementerian akan dapat memastikan untuk mempermudah dan mempertingkatkan keberkesanan, penyelarasan, pengawalseliaan dan pemantauan aktiviti pengangkutan pelancongan supaya ianya membangun dan tumbuh secara berterusan menjadi lengkap kepada aktiviti pelancongan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan dengan demikian pengurusannya dapat dilaksanakan secara bersepadu di bawah satu agensi pelaksana yang menguruskan hal ehwal pelancongan. Ini akan menjimatkan kos dan usaha serta dapat mewujudkan persaingan yang sihat, dapat mempertingkatkan kualiti kemudahan dan perkhidmatan kepada pelancong dari segi keselamatan, kesihatan dan keselesaan.

Ini akan dapat menggalakkan kedatangan pelancong berulang, dapat memperkukuhkan lagi pakej-pakej lawatan melalui program-program bersepadu seperti dengan izin, Fly-Drive Tourism dan dengan izin, time sharing kenderaan dengan menggunakan kemudahan infrastruktur yang ada seperti Lebuhraya Utara-Selatan. Ini akan mewujudkan satu pakej yang menarik yang mempunyai dengan izin, value-for-money dan value-added dan dengan demikian ianya akan menjadi produk yang kompetitif dan dapat mempertingkatkan pendapatan dalam aktiviti pengangkutan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 ini mengandungi aspek yang berkaitan dengan pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan pelancongan yang sebelum ini dilakukan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Pelancongan melalui Akta Lembaga Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334). Pada amnya, peruntukan-peruntukan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) yang berkaitan dengan kenderaan pelancongan bas persiaran dan kereta sewa pandu adalah dikekalkan dan dimasukkan ke dalam Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999. Walau bagaimanapun, beberapa pengubahsuaian telah dibuat untuk memenuhi keperluan industri pelancongan supaya selaras dengan peruntukan di dalam Akta Industri Pelancongan 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 mengandungi lima bahagian dan perkara-perkara seperti berikut:

Bahagian I - mengandungi peruntukan mengenai pemakaian dan mula berkuatkuasa akta, mentakrifkan beberapa ungkapan yang digunakan dalam akta dan memperkatakan perwakilan kuasa dan fungsi Pesuruhjaya Pelancongan.

Bahagian II - memperkatakan mengenai keperluan mengadakan lesen untuk menjalankan perniagaan kenderaan pelancongan, kuasa Pesuruhjaya mengenai pengendalian, larangan, pembatalan, pembaharuan dan menetapkan syarat-syarat bagi setiap lesen.

Bahagian III - mengadakan peruntukan hak rayuan oleh pemohon yang terkilan dengan keputusan Pesuruhjaya.

Bahagian IV - memperkatakan kesalahan-kesalahan dan penalti yang boleh dikenakan ke atas pengusaha kenderaan pelancongan. Antara perkara-perkara yang boleh dianggap sebagai kesalahan adalah:

- (i) melarang menggunakan kenderaan pelancong yang tidak berlesen,
- (ii) penggunaan kenderaan pelancongan jika lesen kenderaan pelancong itu sudah digantung;
- (iii) enggan membekalkan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya;
- (iv) larangan membuat perubahan kepada struktur atau kelengkapan sesuatu kenderaan tanpa kelulusan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan;
- (v) dilarang pindah hak milik atau penyerahan hak lesen;
- (vi) kewajipan menyimpan rekod akaun statistik atau dokumen lain seperti yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya;
- (vii) kesalahan berhubung dengan pernyataan palsu; dan
- (viii) liability pemunya berdaftar kenderaan pelancongan;

Bahagian V - mengandungi perkara-perkara pelbagai seperti penyitaan kenderaan pelancongan, pengesahan kontrak, kuasa menteri untuk membuat peraturan dan peruntukan peralihan dan kecualian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penggabalan dan penyerahan kuasa-kuasa pelesenan bas pesisiran dan kereta sewa pandu ini kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, kementerian ini akan dapat memudahkan dan meningkatkan keberkesanan penyelarasan dan pengawalseliaan perniagaan pelancongan khususnya dalam menguatkuasakan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan bas pesisiran dan kereta sewa pandu.

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan masih kekal seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334). Dengan adanya Akta Kenderaan Pelancongan 1999 ini yang antara lain memberikan kuasa kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membatalkan lesen bas pesisiran dan kereta sewa pandu, maka penguatkuasaan terhadap perniagaan pelancongan akan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan memandangkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga melesenkan syarikat-syarikat pelancongan. Ini bermakna industri pelancongan secara keseluruhannya akan dapat dikawal selia dengan lebih baik lagi memandangkan kuasa melesenkan syarikat-syarikat pelancongan dan juga kuasa melesenkan kenderaan-kenderaan pelancongan terletak di bawah satu agensi yang sama.

Di samping itu, dengan adanya akta ini juga, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (KKKP) dapat mengukuhkan lagi prosedur-prosedur yang berkaitan dengan pelesenan perniagaan, pengendalian pelancongan dan pengembaraan serta pada masa yang sama akan dapat mengatasi masalah ketiadaan peruntukan mengenai pelesenan dan penguatkuasaan terhadap kenderaan-kenderaan pelancongan yang dihadapi dalam melaksanakan Akta Industri Pelancongan 1992 pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi

pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan pelancongan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila, Jelebu.

12.58 tgh.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian dan kerajaan di atas cadangan mengadakan Rang Undang-Undang Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999. Perkara yang saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah kedudukan bas-bas persiaran pada ketika ini masih tidak mencukupi dan tidak dapat menyelenggara kedatangan pelancong-pelancong yang datang daripada luar negara ataupun sebagainya kerana apa yang dilihat Tuan Yang di-Pertua, banyak terdapat kes penyalahgunaan permit bas persiaran berlaku sewaktu penguatkuasaan dibuat kepada kenderaan-kenderaan berkenaan. Pertamanya, penyalahgunaan permit bas ini ialah dijadikan bas ekspres umpamanya. Walaupun status permit yang asalnya ialah sebagai bas persiaran dan di samping itu juga kebanyakan pengusaha pelancongan hanya menyewa sahaja bas-bas persiaran ini tanpa diberikan permit yang khusus kepada pengusaha-pengusaha syarikat pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tugas-tugas yang telah dijalankan oleh pihak LPKP setakat hari ini saya menjangkakan telah dapat diseliatkan dengan baik dan penguatkuasaan telah pun dapat dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan dengan begitu rapi. Tuan Yang di-Pertua, masalahnya masih terdapat pengusaha-pengusaha bas persiaran ini gagal dan banyak yang telah gulung tikar.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, mengekalkan kuasa-kuasa penguatkuasaan kepada pihak polis dan juga JPJ ini adalah merupakan satu usaha yang wajar dilakukan tetapi haruslah dibuat penurunan kuasa yang khusus sebagaimana kuasa-kuasa yang telah diberikan oleh pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) kepada pegawai-pegawai JPJ dan juga polis mengikut akta-kata yang tertentu LPKP 1997 dan jangan pula ada permasalahan pertindihan kuasa akan berlaku di kalangan pegawai-pegawai penguatkuasa dengan pegawai-pegawai di pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Pelancongan ini nanti dan di samping itu, mengenai dengan kawalan keselamatan dan juga pemandu dan juga penumpang adalah diharapkan supaya pemandu-pemandu bas pelancongan ini akan dapat diberikan satu kursus yang insentif supaya dapat mengutamakan keselamatan pemandu dan juga penumpang-penumpang apabila bas beroperasi di jalan raya dan usaha ini haruslah diambil oleh pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Pelancongan supaya kursus yang intensif ini akan dapat dilakukan bersama dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan, polis dan sebagainya supaya peraturan-peraturan yang berhubungkait dengan keselamatan kenderaan, keselamatan penumpang dan juga pematuhan undang-undang ini dapat diikuti dan dipatuhi oleh pemandu-pemandu.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Ada lagi Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi, kita sambung petang ya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
mempengerusikan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Jelebu hendak sambung ucapan, sila.

2.30 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Saya ingin bercakap mengenai dengan Fasal 5 iaitu dari segi permohonan bagi lesen kenderaan tersebut. Saya ingin bertanya berapa lamakah satu permohonan akan diproses bagi permohonan baru ataupun pembaharuan atau tambah kawasan dan sebagainya, adakah ianya ditentukan dan ditetapkan bagi tempoh-tempoh yang berkenaan untuk ianya diproses. Sekiranya ianya tidak ditentukan, saya mohon supaya perkara ini dapat ditentukan mengikut jadual yang tertentu supaya pihak pemohon ataupun pemegang lesen akan dapat pemakluman untuk bersedia dan membuat urusan yang sesuai bagi membaharui permohonan permit berkenaan ataupun apa juga permohonan yang berkaitan dengan lesen yang berkenaan supaya perniagaan mereka tidak terganggu.

Di samping itu, sesuatu pembaharuan itu hendaklah dinyatakan supaya lesen yang pertama itu dikuatkuasakan. Di dalam Fasal 8 disebutkan, sesuatu lesen itu hanya dikuatkuasakan selama tiga tahun. Jadi selepas tiga tahun lesen itu mungkin perlu diperbaharui dan di dalam proses pembaharuan lesen itu boleh diguna pakai bagi tujuan penguatkuasaan dan ianya tidak akan diambil tindakan. Tetapi saya mohon supaya apa juga proses yang dibuat dengan Pesuruhjaya berkenaan supaya pemberitahuan kepada penguatkuasaan ini haruslah diberi supaya tindakan penguatkuasaan tidak akan dikenakan kepada pengusaha lesen tersebut dan menyatakan permohonan pembaharuan permit adalah di dalam tindakan dan urusan Pesuruhjaya supaya pemandu ataupun pengusaha pelancongan ini tidak menghadapi masalah dari segi penguatkuasaan yang dijalankan oleh JPJ dan polis ataupun pihak-pihak yang berkenaan.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, mengenai penguatkuasaan, ada dinyatakan bahawa pihak polis dan juga JPJ akan menguatkuasakan undang-undang pengangkutan jalan untuk diimplementasikan penguatkuasaan kepada kenderaan-kenderaan yang bergerak termasuklah kenderaan pelancongan ini. Saya ingin bertanya, adakah Kementerian akan mewujudkan unit penguatkuasaan mereka yang tersendiri dan adakah unit ini akan ditempatkan di seluruh zon yang ada di negara kita termasuk Sabah dan Sarawak dan juga ingin saya mendapat kepastian, apakah akta ini juga akan mencakupi dan merangkumi pemberian lesen pelancongan di Sabah dan Sarawak untuk ianya juga dilakukan selaras dengan kehendak penggubalan undang-undang yang berkenaan. Sekiranya Kementerian mewujudkan satu unit penguatkuasaan, ianya hendaklah menyeluruh dan tentunya pegawai-pegawai berkenaan akan dilengkapi dengan latihan-latihan yang berkaitan dengan peraturan-peraturan yang berhubungkait dengan lesen bas pelancongan ataupun kenderaan kereta sewa pandu sendiri (KSPS) yang melanggar peraturan-peraturan yang dibenarkan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan penguatkuasaan ke atas permit yang dibenarkan kepada kenderaan-kenderaan ini saya ingin bertanya adakah permit ini akan diberikan kepada pemandu ataupun pemilik sebanyak dua salinan, kerana sekiranya terdapat satu salinan yang akan diberikan kepada pemilik adalah bermasalah sedikit kepada pemandu-pemandu apabila permit itu dikehendaki dipamerkan di dalam bas dan kadang-kadang terdapat kehilangan, kecurian dan sebagainya yang berlaku maka pemandu akan mengemukakan salinan fotostat kepada penguatkuasa. Ini mengakibatkan tindakan undang-undang akan dibuat kepada pihak pemandu ataupun pengusaha kerana sesuatu permit itu tidak boleh dipamerkan melalui salinan fotostat. Jadi bagi tujuan untuk memudahkan penguatkuasaan dan pihak yang mengusahakan pelancongan ini saya mencadangkan supaya permit ini akan diberikan sebanyak dua salinan, satu untuk rekod di

pejabat pengusaha pelancongan dan satu lagi bagi tujuan dipamerkan di dalam bas pelancongan berkenaan ataupun di dalam teksi ataupun kereta sewa pandu sendiri yang dilesenkan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan tempoh untuk sesuatu permit itu dapat dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang kehilangan ataupun membarui menambah kawasan sebagaimana yang saya sebutkan tadi haruslah diselaraskan supaya mereka yang memohon ataupun untuk membarui sebarang permohonan akan dapat bersedia sepenuhnya, menyediakan maklumat-maklumat yang wajar untuk dikemukakan kepada pihak yang memohon. Kemungkinan pengeluaran borang-borang ini akan juga dihadkan kepada pejabat-pejabat yang tertentu ataupun di pihak kementerian sendiri, apakah boleh supaya borang-borang ini juga akan diedarkan dan pihak kementerian hendaklah mewujudkan pejabat-pejabat di peringkat zon sama ada di zon Utara, Tengah, Selatan ataupun Timur sebagaimana diwujudkan oleh pihak LPKP sekarang ini supaya kemudahan bagi pengusaha-pengusaha pelancongan ini dapat dipermudahkan dan mereka mempunyai masa yang terhad untuk mendapatkan borang. Takkanlah hendak dapatkan borang pembaharuan ataupun permohonan permit ini terpaksa mereka daripada Kelantan datang ke Kuala Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Yunus bin Rahmat: Jadi, saya ingin tanya apakah ada cadangan pihak kementerian mewujudkan pejabat-pejabat di zon supaya memudahkan lagi pengusaha-pengusaha pelancongan ini dapat mengambil borang bagi tujuan-tujuan yang tertentu. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kuala Nerus.

2.35 ptg.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang akhirnya setelah lebih dua tahun isu pelesenan kenderaan pelancongan ini telah menjadi satu kerumitan kepada pengusaha-pengusaha pelancong yang dulunya di bawah kementerian lain dan daripada hari ini telah diambil balik oleh kementerian yang sepatutnya di peringkat awal diberikan kepada kementerian ini. Walau bagaimanapun, saya telah baca akta ini tetapi terdapat ruang-ruang yang tidak terdapat di dalamnya seperti untuk mendapatkan pelesenan bot-bot ataupun bot-bot pelancong yang pada ketika ini masih lagi di bawah kawalan penguatkuasaan Jabatan Laut.

Saya dapati ramai pelancong yang mengunjungi pulau-pulau yang cantik di negara kita ini dari segi keseragaman, pelesenan, kemudahan-kemudahan yang disediakan tidak diseragamkan. Ada di antaranya yang menggunakan bot-bot nelayan yang diubahsuai, ada di antaranya yang menggunakan bot laju dan operasinya tidak dilesenkan dan dari segi keselamatan pelancong, ianya amat, saya rasa amat serius kalau kita lihat di kawasan-kawasan yang dilanda dengan musim tengkujuh dan sebagainya. Saya ingin mendapat kepastian daripada kementerian sama ada bidang ini juga dapat dimasukkan di dalam skop ini di mana kita dapat mengawal dengan lebih teliti lagi kenderaan-kenderaan bukan sahaja di darat tetapi juga di dalam air. Kalau mengikut definisi di sini, kenderaan yang diistilahkan sebagai yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak. Ini bermakna kenderaan berenjin di atas darat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat, Ahli Parlimen kita kerap memberi sokongan untuk pengusaha-pengusaha kenderaan pelancongan seperti bas persiaran untuk mendapatkan lesen, kereta sewa sama ada disewa ataupun dipandu sendiri tetapi dua tahun yang lalu permohonan-permohonan yang telah diajukan kepada kementerian masih tidak dapat diproses. Salah satu alasannya kerana pentadbiran kementerian yang boleh diistilahkan tidak ada satu flow chart dari segi pemprosesan dan tidak dipertanggungjawabkan oleh kementerian-kementerian tertentu. Jadi, saya harap apabila akta ini diluluskan, permohonan-permohonan lama yang diajukan ke kementerian dapat diproses dengan segera.

Seperkara lagi, ada juga yang membangkitkan bahawa jumlah bank guarantee dan wang yang diperlukan sebagai pengusaha untuk diberikan sebagai cagaran adalah terlampau tinggi, katanya lebih kurang RM50 ribu. Saya kurang pasti angka ini, tetapi jumlah yang disyaratkan itu terlampau tinggi dan ini agak menekan pengusaha-pengusaha.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati oleh kerana tidak ada satu sistem pelesenan sebelum ini banyak kereta ataupun pengusaha kereta sewa yang tidak berlesen begitu berleluasa dan beroperasi dengan kawasan yang begitu luas maka ada di antara penyewa-penyewa bukan sahaja pelancong malah untuk kita istilahkan sebagai pelancong di sini agak rumit tetapi apabila tidak ada lesen maka bila berlaku kemalangan apa yang terjadi sebelum ini ialah mereka-mereka ini membuat laporan ke balai polis ataupun insurans dengan tujuan-tujuan yang lain. Jadi ini menjadi masalah, ada di antaranya yang tidak dapat membayar ansuran bulanan apabila berlaku kemalangan dan akhirnya akan dibawa ke mahkamah.

Saya harap setelah akta ini diluluskan maka kementerian dapat mengadakan penguatkuasaan yang lebih teliti dan rapi lagi dan menggesa semua industri yang saya kira pengusaha-pengusaha pelancong ini dapat diberi kelulusan untuk mendapatkan permit dengan cara yang agak mudah kerana kalau kita lihat di negara-negara luar umpamanya bukan sahaja bas persiaran, kereta sewa ataupun kereta pandu sendiri, lesen-lesen diberikan dengan mudah dan terdapat kemudahan-kemudahan lain seperti infrastruktur-infrastruktur yang memerlukan kemudahan di tempat-tempat awam seperti caravan, stationwagon, rumah bergerak dan sebagainya, ini adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan sistem plug-in yang dapat kita gunakan di mana-mana sama ada di Terengganu, Kelantan, Kuala Lumpur atau di mana-mana, di mana kita ada satu tempat untuk kita dapatkan sumber elektrik, dapatkan kemudahan air dan sebagainya untuk kemudahan rumah-rumah bergerak yang dapat digunakan oleh pelancong-pelancong sama ada pelancong luar ataupun pelancong domestik ataupun dalaman dan ini adalah penting untuk menarik pelancong-pelancong luar ke negara kita.

Saya dapati di dalam laporan Kajian Separuh Penggal jumlah pelancong pada tahun 1996 sebanyak 6.2 juta menurun kepada 5.5 juta tahun 1998 dan dari segi angkanya 11.3 bilion kepada 9.3 bilion.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Walaupun banyak disediakan bilik-bilik hotel yang bertambah hampir 100% iaitu pada ketika ini hampir 100,000 bilik yang disediakan saya agak dapat menampung jumlah pelancong. Walaupun demikian, kita berharap dengan pindaan akta ini dapatlah kita memberikan kemudahan yang sempurna kepada pelancong-pelancong yang mana sektor pelancongan merupakan satu sektor yang boleh kita harapkan apatah lagi penurunan nilai Ringgit kita pada hari ini, kita dapat menggalakkan pelancong-pelancong dari luar datang ke negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, tempoh yang diberikan iaitu jangka masa lesen yang diberikan selama tiga tahun, sebagaimana yang disebut dalam akta ini, saya kira ini adalah satu masa yang agak pendek. Kalau boleh kita meluluskan lesen itu pada tempoh masa yang agak panjang. Dengan itu saya menyokong cadangan akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan, selepas ini kementerian akan menjawab

2.51 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Pelesenan Kenderaan Pelancongan Tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian sebelum menubuhkan sesuatu pelesenan kenderaan pelancongan telah menjalankan satu kajian yang teliti di negara kita. Adakah lesen yang dikeluarkan sehingga sekarang mencukupi atau ada kelebihan kerana pada suatu hari saya pergi ke sebuah syarikat pelancongan di Pulau Pinang dan tauke syarikat berkenaan telah berkata bahawa bas pelancongan kini terlalu banyak. Kini bas pelancongan di Pulau Pinang disewa hanya RM300 hingga RM400 sehari. Jadi, beliau berkata jikalau disewa pada kadar RM300 hingga RM400 sehari, maka tidak mendatangkan keuntungan malahan boleh mendatangkan kerugian. Setakat ini, adakah lesen yang dikeluarkan sudah mencukupi atau masih kekurangan.

Satu soalan lagi, sama ada bas persiaran boleh digunakan sebagai bas ekspres pada musim Hari Raya atau pada musim hari cuti am kerana terdapat dalam rang undang-undang ini Pesuruhjaya Pelancongan ada hak memberi lesen jangka pendek untuk bas sedemikian ini.

Saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang baru berbahas tadi, bahawa tempoh tiga tahun diberi kepada pengusaha untuk menjalankan bas persiaran ini adalah terlalu pendek. Oleh kerana selepas tiga tahun apabila pengusaha ini hendak memperbaharui lesennya maka beliau akan menerima banyak masalah. Ini adalah satu pengetahuan umum, apabila seseorang pengusaha atau seorang ahli perniagaan hendak memperbaharui apa-apa lesen sekali pun, beliau akan dikenakan satu perbelanjaan yang besar untuk mendapatkan lesen itu. Ini adalah satu punca korupsi di negara kita.

Jikalau pemegang lesen tidak melakukan sebarang kesalahan dalam tempoh beliau memegang lesen itu, mengapakah ia dihadkan hanya tiga tahun sahaja dan tidak boleh diberi kepada satu tempoh masa yang lebih panjang.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu perbuatan yang biasa di mana lesen hanya diberi kepada mereka yang bersangkutan-paut dengan orang-orang yang berpengaruh atau orang-orang yang ada hubung kait dengan pihak atasan. Kami pernah nampak lesen lori pengangkutan dipaparkan nama seseorang Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini pun ada lesen untuk lesen lori pengangkutan. Tetapi beliau bukan pengusaha lori pengangkutan, beliau pajakkan lesen ini atau sewakan lesen ini kepada orang lain dan orang lain mengeluarkan modalnya untuk membeli lori menjalankan perusahaan ini.

Kita tidak mahu mengulangi langkah yang salah ini. Lesen perlu diberikan kepada pengusaha berkenaan yang direct dengan perusahaan ini sahaja. Kita pun tidak tahu bagaimana di negara kita ini seperti lesen teksi diberikan kepada satu syarikat yang besar, yang memiliki mungkin 100, 200, 300 lesen dan selepas itu lesen tersebut disewakan kepada pemandu-pemandu teksi yang tidak ada peluang untuk berusaha sendiri sehingga tidak mahu menjaga seperti kenderaannya sendiri, sehingga tidak dapat mencari rezeki dengan memuaskan. Jadi, saya berharap lesen ini hanya diberikan kepada syarikat pelancongan yang berniaga dalam bidang pelancongan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga melihat bas pelancong ataupun bas ekspres ada dilengkapi dengan kemudahan tandas, mungkin ini merupakan satu syarat di mana bas sedemikian perlu menyediakan tandas tetapi tandas tersebut selalu dikunci. Apabila kita bertanya kepada pemandu kenderaan, dia kata tidak boleh digunakan. Adakah itu merupakan satu perhiasan sahaja? Tujuannya hanya untuk mematuhi peraturan-peraturan sahaja dan tidak boleh digunakan secara praktikal langsung.

Selepas lesen bas pelancongan ini dikuasai oleh Pesuruhjaya Pelancongan, apakah peranan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pengangkutan dalam hal bas pelancongan ini. Apabila kita melihat ada sekatan pemeriksaan dilakukan di tepi jalan atau di pertengahan jalan, sama ada JPJ, Kementerian Pembangunan Usahawan, polis atau pada masa sekarang diberi kuasa kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, siapakah yang berkuasa untuk menjalankan apa-apa pemeriksaan kesalahan dalam perusahaan bas sedemikian ini.

Yang akhir sekali, saya ingin mencadangkan bahawa bas pelancongan ini perlu dibenarkan melakukan perjalanan mereka dari satu destinasi pelancongan hingga ke satu destinasi yang lain dalam sesebuah negeri iaitu secara berjadual. Misalannya kalau kami pergi ke sebuah negara yang lain, di hadapan hotel yang kami menginap, kita boleh menaiki bas itu dan pergi ke satu tempat pelancongan yang lain. Mengunjungi tempat itu selama satu atau dua jam dan kami balik ke tempat itu dan tunggu bas yang akan datang ke sana. Bas ini akan secara bergilir-gilir melawati semua tapak dan tempat pelancongan di negeri itu. Ini boleh memberi satu kemudahan kepada pelancong di mana dengan belanja yang minimum, dengan belanja yang murah dan mereka boleh melancong ke merata-rata tempat dengan adanya bas pelancongan ini. Sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta jawapan kementerian.

3.00 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan rang undang-undang ini.

Pada keseluruhannya, saya ingin menegaskan lagi bahawa rang undang-undang ini dibawa ke kementerian daripada satu kementerian lain khas untuk mengawal selia atau berkuatkuasa kepada kenderaan-kenderaan pelancongan sahaja. Oleh kerana dahulunya kementerian yang lain itu bukanlah bertujuan untuk memikirkan tentang pelancongan sahaja, kementerian itu memikirkan tentang keseluruhan. Sedangkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menekankan tentang usaha-usaha untuk hendak membangunkan industri pelancongan dan kenderaan adalah satu faktor penentu kepada pertumbuhan industri pelancongan negara.

Oleh yang demikian, kerajaan telah membuat keputusan bahawa kereta-kereta yang bersangkutan dengan pelancongan elok dikawal selia di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Akta dahulunya yang berada di kementerian lain dipakai keseluruhannya ke Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan sedikit penyesuaian yang berkaitan dengan industri pelancongan itu sendiri.

Berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Jelevu mengenai penyelenggaraan bas-bas pelancongan dahulu, ini diakui bahawa penyelenggaraannya adalah memuaskan tetapi untuk melicinkan lagi pembangunan industri pelancongan, adalah lebih elok kalau ianya dikawal di bawah satu kementerian yang khusus untuk menjaga kepentingan industri pelancongan negara.

Ramai Ahli Yang Berhormat menekankan tentang bagaimana dan caramana mendapatkan lesen-lesen ini. Sebenarnya proses permohonan ini juga adalah seperti permohonan-permohonan lesen pelancongan dahulu, cumanya tempat memohon sahaja yang berubah. Kita akan memproses dengan secepat mungkin dan memberi keputusan dengan secepat mungkin, dengan izin, time is an assence dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua.

Sememangnya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus bahawa kenderaan-kenderaan yang di atas air tidak termasuk di dalam akta ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus, kerajaan yang melibatkan beberapa buah kementerian sedang memikirkan bagaimana untuk mengawal dan memesatkan lagi kenderaan-kenderaan yang digunakan di atas air bagi kegunaan pelancong-pelancong. Insya-Allah kerajaan akan mengeluarkan keputusan yang merangkumi kenderaan-kenderaan ini dalam sedikit masa lagi.

Ada beberapa faktor yang mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat kurang faham tentang industri pelancongan ini. Dari satu sudut, Ahli-ahli Yang Berhormat menyokong agar industri ini maju dan dibuka luas agar lebih ramai lagi pengusaha diberi peluang. Pada masa yang sama berpendapat supaya pelancong-pelancong tidak teraniaya kepada pengusaha-pengusaha yang tidak mampu. Oleh yang demikian, pada pandangan kementerian bahawa lesen-lesen ini hanya diberikan kepada mereka yang terlibat dengan industri ini dan berkemampuan. Kalau tidak sedemikian, nanti banyak masalah yang akan timbul dan akhirnya pelancong-pelancong akan teraniaya dan industri pelancongan itu akan tercemar.

Oleh yang demikian, sambil kita menggalakan agar kegiatan dalam industri pelancongan ini berkembang kita juga menekankan bahawa hanya mereka yang berkemampuan sahaja melaksanakannya. Oleh itu ada disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus mengenai wang cagaran RM50,000. Mungkin Ahli Yang Berhormat kurang faham bahawa wang cagaran ini bukan untuk mendapatkan permit bas pelancongan atau kereta sewa pandu, tetapi adalah untuk membolehkan sesebuah syarikat itu mendapat lesen menjadi syarikat yang berlesen dalam pelancongan. Sekurang-kurangnya RM50,000 wang pertaruhan diberi kepada kementerian dalam bentuk sama ada bank guarantee ataupun wang tunai. Ini menekankan bahawa keperluan kepada mereka yang mempunyai kemampuan sahaja boleh beroperasi. Untuk mendapatkan lesen ini, wang cagarannya bukanlah sedemikian tingginya, Ahli Yang Berhormat.

Pada kesalahan-kesalahan lain yang tidak bersangkutan dengan Akta Pelancongan maka pihak-pihak berkuasa seperti polis, JPJ dan sebagainya masih lagi ditugaskan untuk mengawal bas-bas pelancongan ini. Hanya kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan pelancongan sahaja maka bas-bas ini dikawal dan diawasi oleh pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Kita mempunyai pegawai-pegawai yang cukup di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak untuk memberikan khidmat yang baik dalam hal ini. Jika sekiranya perlu maka dari semasa ke semasa kita akan menambah lagi pegawai-pegawai berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus juga ada menyatakan tentang kereta-kereta yang tidak berlesen yang disewa oleh pelancong-pelancong. Ini kita nasihatkan kepada pelancong-pelancong supaya berhati-hatilah menyewa tetapi kalau ada juga yang ingin menyewa kereta-kereta yang tidak berlesen, merekalah sendiri yang membuat keputusan dan itu adalah di luar bidang kuasa kementerian, ianya jatuh ke dalam bidang kuasa kementerian-kementerian yang lain pula.

Memang kita berhasrat untuk menambah tempat-tempat kemudahan mereka yang menggunakan kereta-kereta pelancongan seperti tempat meletakkan kereta, tempat bercamping dan sebagainya. Sambil kementerian berusaha mempertingkatkan kemudahan ini kita memerlukan tanah-tanah yang sesuai di negeri-negeri, di tempat-tempat perangan

dan jika sekiranya terdapat tempat-tempat yang bersesuaian maka kementerian boleh membangunkan tempat-tempat ini bagi kemudahan-kemudahan pihak pelancong yang menjalankan kegiatan melancong melalui kereta-kereta yang dipandu sendiri ataupun kereta-kereta caravan yang dilesenkan kelak.

Ahli dari Bagan menceritakan tentang perkara yang belum berlaku lagi, beliau menekankan tentang kesusahan yang akan berlaku apabila tamat tempoh lesen maka akan wujudlah keadaan di mana mungkin penyelewengan akan berlaku. Ahli Yang Berhormat, saya ingin menegaskan bahawa satu lesen pun belum dikeluarkan melalui akta ini. Oleh yang demikian Yang Berhormat janganlah menuduh perkara yang belum pun berlaku dan kalaupun kemungkinan ia berlaku kita memohon kerjasama daripada pihak awam agar melaporkan kegiatan-kegiatan itu dan kita mempunyai undang-undang yang cukup untuk menangani permasalahan itu. Kita menekankan tentang had tempoh lesen ini sah tiga tahun kerana kepentingan orang ramai juga. Kita tidak mahu lesen ini hidup sepanjang masa, dan terdedah kepada penyalahgunaan. Setidak-tidaknya kalau ianya terdapat sebarang penyalahgunaan kepada lesen maka kerajaan boleh bertindak semasa ianya diperbaharui. Kalau misalnya tidak ada apa-apa pelanggaran kepada akta dan kepada syarat-syarat yang dikenakan maka saya tidak nampak bagaimana pemegang-pemegang lesen mendapati kesusahan untuk membaharui semula. Bukanlah tujuan kerajaan, bukanlah tujuan Kementerian Pelancongan untuk menyusahkan mereka yang bergiat dalam industri pelancongan ini malah akta ini adalah untuk membantu mereka agar mereka dapat berkembang dengan keadaan yang tersusun dan terkawal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Bagan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberitahu apa perbezaan antara 'bas persiaran' dengan 'bas pelancongan', ada beza tak? Jikalau Yang Berhormat kata setakat ini belum ada lagi satu lesen dikeluarkan oleh badan ini, maka saya tadi pun sudah lupa untuk bertanya apa akan terjadi kepada lesen-lesen yang sedia ada sekarang ini iaitu bas persiaran.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Yang Berhormat, sebelum ini semua lesen dikeluarkan oleh kementerian lain, sesudah akta ini diluluskan maka kerja melesenkan kenderaan ini barulah datang kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Jadi, bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan saya mengatakan bahawa kita belum lagi mengeluarkan lesen yang mengeluarkan lesen. Itu maksud saya. Antara 'bas pelancongan' dan 'bas persiaran' tidak ada bezanya, cuma saya hendak tekankan, tentang bas ekspres. Bas ekspres bukanlah di bawah bas pelancongan, bas ekspres serupalah juga bas lain yang mempunyai tiket, menjual tiket. Bas pelancongan tidak menjual tiket, apabila Yang Berhormat naik bas itu dia tidak jual tiket. Jadi mungkin.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak bagi jalan, dia bangun lagi.

Tuan Lim Hock Seng: Tadi saya ada tanya berkenaan dengan bas persiaran yang sedia ada, saya faham apa itu bas ekspres dan bas persiaran dan kini wujud pula bas pelancongan. Jadi, apa akan terjadi kepada lesen yang sedia ada selepas badan ini ditubuhkan, selepas rang undang-undang diluluskan dan badan ini ditubuhkan, sama ada lesen yang sedia ada akan dipindah alih kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk diawasi atau terwujudnya dua jenis lesen di negara kita di mana satu jenis lesen dikeluarkan oleh kementerian yang lain dan satu lesen dikeluarkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Yang Berhormat, perkara itu saya rasa adalah satu perkara yang mudah. Mungkin kalau DAP yang memerintah DAP akan menghabiskan masa perlukan dua lesen untuk perkara yang sama. Sebenarnya mereka yang terlibat sudahpun mengetahui akan akta ini dan mereka akan mematuhi akta ini. Jadi, tidak timbul masalah yang perlu diheboh-hebohkan, mungkin pada peringkat awal ada masalah pentadbiran sedikit tetapi itu biasalah dalam usaha-usaha untuk melicinkan lagi perjalanan pentadbiran kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah perkara-perkara pokok yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia belum habis, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Belum, dia belum habis, saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak bagi jalan tak?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Saya pun tidak nampak mustahaknya soalan-soalan Ahli Yang Berhormat yang lain, sebab itu saya tidak sentuh. Mungkin Ahli Yang Berhormat mendesak juga, boleh kita dengar sekali lagi sama ada soalan beliau itu perlu dijawab atau tidak. Saya beri peluang.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada tanya sama ada pada masa ini lesen bas pelancongan ini ada melebihi keperluan atau masih kekurangan. Jikalau kementerian Yang Berhormat tidak menyemak dengan teliti dan mengeluarkan 100 keping lagi lesen seumpama ini, apa akan terjadi dalam market negara kita ini dengan tidak menyemak atau tidak bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan yang keluarkan lesen pada masa sekarang ini.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu sekali lagi saya katakan adalah satu perkara asas yang tidak sepatutnya kita bincangkan. Kerajaan sentiasa mengawasi keperluan-keperluan rakyat, keperluan-keperluan pihak yang bergiat dalam pelbagai industri di negara kita. Sudah tentulah dalam hal kenderaan pelancongan ini kerajaan tahu berapakah jumlah yang perlu dikeluarkan. Ini adalah kebijaksanaan kerajaan yang memerintah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak perlulah hendak berbincang dengan Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Atas kebijaksanaan kitalah maka kita sentiasa mendapat sokongan daripada rakyat kerana kita tahu bagaimana untuk hendak melayan kehendak rakyat di negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PINDAAN) 1999**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.23 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ibrahim bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Penyemakan Undang-undang (1968) dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk menyemak undang-undang di Malaysia terletak pada Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Penyemakan Undang-undang 1968 Akta 1. Di bawah Akta 1 ini juga Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang mempunyai kuasa untuk membenarkan sesuatu undang-undang dicetak semula dan diterbitkan. Pada 3 Februari 1999 Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan untuk menswastakan aktiviti cetakan semula dan semakan Bahagian Penyemakan Undang-undang, Jabatan Peguam Negara. Bagi maksud itu kerajaan telah menandatangani perjanjian konsesi dengan Malayan Law Journal (MLJ) dan Percetakan Nasional Malaysia Bhd. (PNMB) pada 10 April 1999. Di bawah perjanjian konsesi ini, aktiviti penyediaan untuk penerbitan, pemasaran, penjualan dan pengedaran undang-undang Malaysia akan dijalankan oleh MLJ manakala PNMB akan kekal sebagai pencetak rasmi Undang-undang Malaysia dan akan bertanggungjawab bagi pencetakan, penjilidan dan pembungkusan Undang-undang Malaysia. Semenjak tahun 1969 hingga sekarang, bahagian Penyemakan Undang-undang telah menyemak 247 akta pra 1969. Sekarang ini masih ada 130 akta pra 1969 yang belum disemak. Sejak tahun 1991, 16 jilid siri undang-undang Malaysia yang mengandungi Akta 1 hingga Akta 173 telah dicetak semula dan diterbitkan. Selain itu 16 akta telah diterbitkan dalam format helai cerai (loose leaf) dengan izin, atas permintaan kementerian yang berkenaan. Memandangkan bahawa banyak undang-undang yang perlu dicetak semula dan untuk mempercepatkan proses pengemaskinian dan penerbitan Undang-undang Malaysia dan supaya cetakan semula dan semakan dapat dihasilkan dengan sempurna dan segera, maka Akta 1 dicadangkan dipinda sebagaimana terdapat dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta 1 dalam rang undang-undang ini ialah pindaan yang akan memberi Pesuruhjaya lebih kuasa dalam menyemak dan mencetak semula undang-undang dan juga untuk membolehkan seorang Timbalan Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang dilantik. Fasal 2 rang undang-undang bertujuan untuk meminda takrif rang undang-undang dalam seksyen 2 Akta 1. Dengan pindaan yang dicadangkan ini Pesuruhjaya akan boleh menyemak mana-mana perundangan subsidiari jika difikirkannya suaimanfaat walaupun undang-undang yang di bawahnya perundangan subsidiari itu dibuat belum lagi disemak.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 1 untuk membolehkan Yang di-Pertuan Agong melantik seorang Timbalan Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang untuk membantu Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang.

Pindaan ini wajar dibuat untuk mempercepatkan proses pengemaskinian dan penerbitan cetakan semula. Selain itu seksyen 3 Akta 1 juga dipinda untuk memudahkan urusan perlantikan Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang dan Timbalannya dengan menghapuskan keperluan pewartaan bagi perlantikan itu.

Pindaan-pindaan dalam Fasal 4 iaitu pindaan kepada seksyen 6(1) bertujuan memberi Pesuruhjaya kuasa yang lebih luas dalam menyediakan undang-undang yang disemak. Dengan pindaan-pindaan ini, Pesuruhjaya akan mempunyai kuasa untuk:

- (i) meninggalkan daripada mana-mana undang-undang yang disemak mana-mana peruntukan atau bahagian sesuatu peruntukan yang tidak lagi berkuatkuasa;
- (ii) mengadakan atau mengubah susunan kandungan, susunan kronologi, rujukan dan nota;
- (iii) mengemaskinikan istilah dan ejaan dalam teks Bahasa Kebangsaan mana-mana undang-undang selaras dengan istilah dan ejaan yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka; dan
- (iv) memotong dan menggantikan apa-apa perkataan, ungkapan, tata nama atau peruntukan lain dalam undang-undang yang tidak lagi digunakan atau tidak lagi berkuat kuasa.

Kuasa-kuasa ini wajar diberikan kepada Pesuruhjaya dalam menyediakan undang-undang yang disemak supaya edisi undang-undang yang diterbitkan itu adalah teratur dan kemaskini. Kuasa-kuasa Pesuruhjaya dalam menyediakan undang-undang yang dicetak semula terkandung di dalam seksyen 14 Akta 1.

Fasal 5 yang dicadangkan bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 1 supaya dalam menyediakan undang-undang yang dicetak semula Pesuruhjaya juga mempunyai kuasa untuk:

- (a) mengemaskinikan istilah dan ejaan dalam teks Bahasa Kebangsaan mana-mana undang-undang; dan
- (b) memotong dan menggantikan apa-apa perkataan, ungkapan, tata nama atau peruntukan lain dalam undang-undang yang tidak lagi diguna atau tidak lagi berkuatkuasa;

Kuasa-kuasa tambahan ini wajar diberikan kepada Pesuruhjaya dalam menyediakan sesuatu undang-undang yang dicetak semula supaya undang-undang yang dicetak semula dan diterbitkan itu teratur, kemaskini dan mudah dibaca.

Selain itu, beberapa seksyen baru dicadangkan supaya dimasukkan ke dalam Akta 1. Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 14A, 14B dan 14C. Seksyen baru 14A yang dicadangkan akan membolehkan cetakan semula disediakan, diterbitkan jilid demi jilid mengikut apa-apa susunan dan pada bila-bila masa sebagaimana yang difikirkan suaimanfaat oleh Pesuruhjaya. Seksyen baru 14A ini akan memudahkan urusan cetak semula kerana penerbitan cetak semula undang-undang tidak lagi perlu terikat dengan susunan tertentu dan boleh dibuat mengikut kesesuaian masa dan keadaan.

Seksyen baru 14B yang dicadangkan membolehkan pindaan kemaskini kepada sesuatu undang-undang yang dicetak semula dan dibuat pada bila-bila masa yang difikir suaimanfaat oleh Pesuruhjaya. Seksyen baru 14B ini akan memudahkan pengguna merujuk kepada undang-undang yang dicetak semula kerana undang-undang itu akan dapat dibaca bersekali pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya.

Selain itu, seksyen baru 14C dicadangkan supaya dimasukkan ke dalam Akta 1 untuk membolehkan Pesuruhjaya mewakilkan kuasanya berkaitan dengan cetakan semula di bawah seksyen 14, 14(A) dan 14(B) kepada Timbalan Pesuruhjaya. Seksyen baru 14(C) yang dicadangkan ini difikirkan wajar diadakan untuk mempercepatkan proses cetakan semula memandangkan bahawa undang-undang yang perlu dikemaskinikan dan dicetak semula besar bilangannya. Pindaan-pindaan lain yang tidak dihuraikan adalah pindaan-pindaan yang kecil atau berbangkit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penyemakan Undang-undang 1968 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, sila, Petaling Jaya Utara.

3.31 ptg.

Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pesuruhjaya Penyemak undang-undang dalam percubaannya yang terkini di dalam pencetakan semula statut-statut Malaysia dalam bentuk yang tersusun untuk orang awam, yang ada sudah lama tertunggak. Rang undang-undang yang baru ini akan menyegerakan penyemakan undang-undang seperti mana yang terkandung di dalam akta induk iaitu Akta Penyemakan Undang-undang 1968, dengan perlantikan satu Timbalan Pesuruhjaya untuk membantu Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Hakim Negara telah menyatakan tempoh hari, tentang penambahan kes-kes dalam mahkamah dan mendorong pihak-pihak supaya menyelesaikan perbezaan mereka, sekiranya boleh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai alternatif kepada prosiding mahkamah, pihak-pihak boleh menyelesaikan pertikaian mereka melalui proses timbangtara, dengan izin, 'arbitration'. Ini akan membolehkan mahkamah-mahkamah mengurangkan tunggakan kes-kes, jika pihak-pihak memilih forum alternatif.

Walau bagaimanapun, akta berkenaan yang mengawal timbangtara, iaitu Akta Timbangtara 1952 yang sudah berusia 46 tahun dengan pindaan terkini pada tahun 1972, adalah tidak substantif dan tidak mengambil perhatian tentang perkembangan terbaru di dalam sistem perundangan, jika dibanding dengan negara-negara yang lain.

Pada pendapat saya, pengkajian semula akta tersebut pada masa kini amatlah sesuai terutama tentang isu yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan baru-baru ini, iaitu sama ada seseorang perlu memfailkan suatu kehadiran bersyarat sebelum membuat permohonan di bawah seksyen 6 Akta tersebut, iaitu satu permohonan untuk menangguhkan prosiding mahkamah sementara menunggu timbangtara.

Pada pandangan saya, permohonan untuk kemasukan kehadiran bersyarat adalah jelas memakan masa dan tidak diperlukan. Tambahan pula, keperluan ini adalah tidak selaras dengan kedudukan di negara-negara seperti England, Singapura dan lain-lain yang telah memperuntukkan di dalam Akta Timbangtara mereka bahawa suatu permohonan untuk penggantungan prosiding mahkamah sementara menunggu timbangtara, boleh dibuat selepas pemfailan kehadiran, dan bukannya kehadiran bersyarat.

Tuan Yang di-Pertua, proses undang-undang adalah suatu proses yang dinamik dan semestinya perlu berubah mengikut perubahan masa, dan bukan sahaja akta tersebut yang nampaknya tidak mencerminkan keadaan masa kini. Saya telah juga pada dahulunya mencadangkan bahawa undang-undang mengenai penghinaan dikanun di dalam Dewan ini, dan tidak akan mengulangi rasional di sebaliknya.

Oleh itu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya mendirikan satu Suruhanjaya Pembaharuan Undang-undang (Law Reform Commission) untuk menggalakkan pembaharuan undang-undang di Malaysia. Di negara England, satu badan suruhanjaya yang mengandungi seorang Pengerusi dan empat orang Pesuruhjaya-pesuruhjaya lain dilantik oleh Hakim Yang Tertinggi (Lord Chancellor) untuk melaksanakan fungsi ini. Peranan Suruhanjaya Pembaharuan Undang-undang ini adalah untuk mengkaji semula undang-undang dengan tujuan perkembangan dan pembaharuan

yang sistematik, termasuk terutamanya pengkanunannya, penghapusan kejanggalan, pemansuhan enakmen-enakmen yang sudah lapuk dan tidak diperlukan lagi, pengurangan jumlah enakmen yang berlainan, dan secara amnya, meringkaskan dan memodenkan undang-undang, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

“to keep the law under review with a view to its systematic development and reform, including in particular its codification, the elimination of anomalies, the repeal of obsolete and unnecessary enactments, the reduction of the number of separate enactments and generally its simplification and modernisation”.

Program-program dan cadangan-cadangan yang dibenarkan oleh Suruhanjaya tersebut untuk pembaharuan, harus dikemukakan kepada Parlimen. Namun demikian, saya menyedari bahawa kenyataan ini melebihi dari mandat Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang kini seperti mana yang diramalkan oleh Akta Penyemakan Undang-undang 1968, tetapi ianya adalah penting supaya sistem kita dapat dipermodenkan dan tidak ketinggalan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini baru-baru ini telah menggubalkan pelbagai undang-undang moden berkaitan dengan multimedia dan lain-lain. Kita tidak seharusnya melupakan kenyataan bahawa banyak undang-undang dan statut pada masa kini telah diangkat dari undang-undang negara England dan India dan bahawa sebahagian daripadanya telah pun dipinda di negara-negara tersebut. Namun demikian, kita masih belum meminda undang-undang tersebut di negara ini untuk mengikut perkembangan zaman.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu lagi perkara berkenaan dengan penggubalan undang-undang retrospektif. Ia adalah satu prinsip utama bahawa penggubalan undang-undang yang baik adalah tidak retrospektif. Saya ingin mendapat satu penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai seksyen 1(2) berkaitan dengan mulanya penguatkuasaan - “*Akta ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Oktober 1998*” iaitu satu penguatkuasaan yang retrospektif.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Parit Buntar.

3.38 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk turut berbahas dalam rang undang-undang ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri khususnya kepada Timbalan Menteri berkenaan yang telah membawa pindaan ini. Saya rasa ini merupakan satu pindaan yang tepat pada masanya walaupun mungkin kalau kita bandingkan dengan Akta ibu yang diluluskan pada tahun 1968, sekarang sudah hampir 31 tahun, barulah pindaan ini dikemukakan. Tetapi saya rasa seperti mana yang dijelaskan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ada beberapa sebab kenapa pindaan ini perlu dibuat.

Pertama ialah berikutan dengan langkah kerajaan menswastakan sebahagian daripada fungsi percetakan undang-undang itu. Saya sebenarnya tertarik hati dengan satu fasal baru yang dikemukakan iaitu pindaan seksyen 6 di mana ditambah seksyen 6(1)(a), (b) dan (c) khusus bagi Fasal 6 (1)(c) di mana telah diperuntukkan satu klausa yang membolehkan Suruhanjaya Penyemakan Undang-undang mengemaskini istilah dan ejaan di dalam teks Bahasa Kebangsaan mana-mana undang-undang supaya selaras dengan istilah dan ejaan yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ini adalah satu langkah yang memang wajar, sebab masih terdapat lagi banyak teks undang-undang dalam Bahasa Malaysia yang diluluskan, misalnya sebelum kita menggunakan sistem ejaan baru dalam tahun 1973, saya sendiri dalam kajian saya telah bertembung dengan banyak undang-undang yang masih lagi dicetak dalam ejaan lama dan istilah-istilahnya sudah tidak relevan lagi dalam konteks sekarang ini. Ini juga selaras dengan kehendak Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, yang telah seringkali menimbulkan perkara ini, bukan sahaja bila kita bercakap tentang undang-undang yang telah sedia ada, tetapi juga tentang rang undang-undang baru yang dikemukakan yang menurut pemerhatian kita banyak kali menggunakan istilah yang kadang-kadang tidak lazim digunakan dalam bahasa kita hari-hari.

Saya tidak mahu menyebutkan contoh, sebab sudah banyak Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan sejak kebelakangan ini menimbulkan contoh-contoh tertentu yang dapat kita ketengahkan.

Kedua, ialah mengenai seksyen baru yang diperkenalkan selepas seksyen 14A (1)(2) dan 14B serta 14C. 14A(1) – membolehkan Pesuruhjaya jika difikirkan oleh beliau suaimanfaat membenarkan cetakan semula disediakan dan diterbitkan jilid demi jilid mengikut apa-apa susunan dan pada bila-bila masa yang difikirkannya suaimanfaat. Berbeza dengan di Britain misalnya, kebanyakan dari undang-undang di negara kita adalah undang-undang yang di'codified' atau ditulis, diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, kemudian kita bawa ke Dewan Senate atau Dewan Negara, kemudian dapat perkenan Yang di-Pertuan Agong dan barulah ia diisytiharkan dalam Warta dan barulah ia berkuatkuasa sebagai undang-undang.

Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ada terdapat kira-kira 140 jilid lagi undang-undang yang belum dijilidkan, maknanya masih bertaburan di merata-rata tempat. Jadi, ini sudah tentu menyukarkan orang-orang seperti pengamal undang-undang terutama sekali para peguam kalau mereka hendak rujuk sesuatu tempat walaupun setengah daripada undang-undang ini telah diterbitkan dalam jurnal undang-undang di merata tempat. Jadi, langkah ini akan mempercepatkan proses penjilidan itu, sepatutnya backlog ini tidak timbul, bila lulus sahaja undang-undang itu, kita kumpulkan, ia mesti sudah ada statute yang tertentu yang kita boleh refer, kita boleh rujuk bila-bila masa.

Saya tidak tahulah sama ada masalah ini sedikit sebanyak telah mengakibatkan kelewatan ataupun backlog dalam kes-kes tertentu di mahkamah, mungkin dalam keadaan tertentu ada peguam-peguam yang terpaksa mencari-cari untuk reference, sebab ia tidak ada dijilidkan dalam volume yang khusus.

Saya ingin penjelasan lanjut, sebab tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyebutkan yang mana diswastakan, sama ada keseluruhan fungsi Suruhanjaya itu atau sebahagian daripadanya, sebab kalau kita semak daripada Akta ibu yang menetapkan penubuhan Jawatankuasa Penyemakan Undang-undang yang mengandungi tidak kurang daripada lima orang dan tidak lebih daripada tujuh orang ahli yang dipilih daripada antara hakim-hakim dan orang-orang lain yang pada pendapatnya mempunyai kelayakan yang sesuai bagi maksud memeriksa naskah-naskah draf undang-undang yang disemak.

Jadi, setelah diswastakan, sebahagian daripada fungsi ini, jawatankuasa ini apakah tugas yang tinggal kepadanya dan kita juga ingin tahu kenapa sekarang baru kita hendakkan Timbalan Pesuruhjaya ini setelah jawatankuasa ini wujud selama lebih 31 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin sedikit lagi untuk sentuh tentang apa yang saya sebutkan tadi, backlog di mahkamah. Walaupun ini mungkin jauh menyimpang dari akta ini tetapi ini ada kena mengena dengan jabatan Yang Berhormat Timbalan Menteri jaga iaitu tentang backlog di mahkamah. Salah satu dari sebab yang sering dikemukakan

dalam Dewan yang mulia ini dan di luar Dewan ialah kekurangan hakim sama ada di Mahkamah Tinggi ataupun di Mahkamah Sesyen dan di Mahkamah Rendah.

Jadi, untuk mengatasi masalah ini, saya ingin kemukakan satu cadangan, kalau kerajaan boleh mengkaji seperti mana yang dibuat di Britain misalnya, kemungkinan melantik orang-orang yang ada Justice of Peace ataupun Jaksa Pendamai (J.P.), yang saya ingat di negara ini cukup banyak, jadi kalau Jabatan Perdana Menteri atau Jabatan Peguam Negara boleh memikirkan melantik orang-orang ini jadi Second Class Magistrate, tidak semestinya semua yang ada J.P. boleh dilantik sebagai Second Class Magistrate ataupun Majistret Kelas Dua, tetapi kita boleh buat dengan permohonan. Orang-orang yang ada J.P. itu, dia boleh memohon dan Jabatan Peguam Negara menimbang sama ada ia layak menurut pengalamannya, kelulusannya atau kematangannya, ia boleh dilantik sebagai Majistret Kelas Dua dan boleh mem'preside'kan kes-kes yang ringan-ringan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja, dengan itu saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.45 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan untuk menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara dan Yang Berhormat dari Parit Buntar yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai dengan rang undang-undang yang saya bawa di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya pandangan daripada Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara mengenai dengan pertama, menyentuh rang undang-undang ataupun kajian semula Akta Timbangtara yang dibangkitkan tadi, sebenarnya tidak ada kaitan dengan rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat tadi akan diambil kira apabila kajian semula Akta Timbangtara akan dibuat nanti.

Manakala perkara yang kedua, Yang Berhormat juga ada menyentuh soal cadangan penubuhan Law Reform Commission ataupun Suruhanjaya Pembaharuan Undang-undang yang dikatakan perlu memandangkan perkembangan yang mutakhir ini, lebih-lebih lagi berkaitan dengan minat masyarakat terhadap perkembangan perundangan negara kita.

Untuk itu, suka saya menyatakan buat masa ini kerajaan mengambil kira pandangan Ahli Yang Berhormat dengan secara yang positif, walau bagaimanapun, kerajaan akan mengkaji sama ada benar-benar Law Reform Commission itu diperlukan sebelum memutuskan sama ada hendak mengadakan commission itu, kita akan kaji, insya-Allah, pada masa yang sesuai kerana pada masa ini kita kira mencukupi tentang pembaharuan undang-undang yang telah dibuat dari masa ke semasa pun dikaji dengan teliti oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab, yang mempunyai kepakaran dan malah sebelum ianya jadi satu undang-undang pun Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini jugalah yang akan menentukan lulus ataupun tidak.

Manakala Yang Berhormat juga ada menyentuh soal isu retrospective, perkara ini juga telah dibahaskan di Dewan ini kalau tidak silap saya dahulu, sebab kadang-kadang dahulu kita tidak memikirkan perkara ini terpaksa dikuatkuasakan, oleh kerana pada waktu undang-undang itu dibuat ianya tidak dijangka ada masalah-masalah berbangkit, tetapi semuanya dibuat sebab kita tahu dasar kita ini ialah dasar pragmatik. Dasar pragmatik ialah keperluan semasa apabila keadaan memerlukan maka sebab itulah diadakan, ditimbulkan ataupun dikuatkuasakan apa yang dikatakan isu retrospective ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan sedikit lagi soal isu retrospective ini di mana Parlimen mempunyai kuasa di bawah Perkara 16(5) Perlembagaan Persekutuan

untuk membuat undang-undang yang mempunyai kuatkuasa kebelakangan. Dalam hal rang undang-undang ini kuatkuasa kebelakangan adalah untuk kerja-kerja penyediaan sebelum penerbitan yang sudah dimulakan, inanticipation of the Bill, dengan izin, semua perkara yang kontroversial, ini masalah teknikal sahaja.

Manakala Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar telah membangkitkan tadi pertamanya, soal istilah merujuk kepada Fasal 4 seksyen 6(1), ini memanglah dibuat kerana memang kita tahu bahawa kita sedang berusaha untuk terus memperkasakan Bahasa Kebangsaan kita dan kita dapati bahawa penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam perundangan kita boleh juga membantu ataupun memperkembangkan lagi dari segi penggunaan Bahasa Kebangsaan kita dan sebab itulah hal ini dibuat ataupun dimasukkan dalam pindaan ini supaya ianya jelas memperlihatkan akan komitmen kerajaan untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan.

Mengenai masalah yang dibangkitkan juga perkara bahasa dan ejaan lama yang terdapat dalam setengah-setengah undang-undang, adalah menjadi dasar Jabatan Peguam Negara sekarang ini untuk merujuk istilah dan ejaan yang diragui kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Oleh itu beberapa Pegawai Undang-undang Jabatan Peguam Negara menganggotai Jawatankuasa Istilah Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka yang bermesyuarat dari masa ke semasa untuk menentukan istilah-istilah ini dan kadang-kadang memang tidak mudah untuk mendapatkan istilah-istilah yang sesuai, sehingga kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua pun susah hendak sebut, kadang-kadang berbelit lidah, kalau kita tidak dapat mempunyai bahasa yang sesuai.

Manakala apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar mengenai dengan Timbalan Pesuruhjaya pada masa sekarang, memang pun Timbalan Pesuruhjaya di sini ada dalam Bahagian Penyemakan Undang-undang. Fasal yang dicadangkan hanyalah untuk regularise post yang sedia ada sekarang. Sudah ada dah, cuma hendak regularisekan sekarang bagi membantu Pesuruhjaya yang kita kira kerja-kerjanya makin banyak.

Seterusnya masalah apa yang dibangkitkan mengenai dengan penswastaaan, yang diswastakan adalah aktiviti-aktiviti cetakan dan semakan. Fungsi yang ada pada Pesuruhjaya Penyemak masih kekal, final authority masih kekal pada Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang. Dari segi kuasa akhirnya masih terletak kepada Pesuruhjaya, jadi kita tidak perlu bimbang mengenai dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: [*Bangun*]

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Saya tanya fasal J.P. tadi, masih belum dijawab.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya lupa hendak menyentuh J.P. sebab memanglah perkara J.P. ini tidak ada dalam rang undang-undang ini dan perkara ini sudah banyak kali dibangkitkan dan ada cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang berpendapat cadangan ini juga merupakan cadangan yang baik sebab kita sedar memang ada backlog case di mahkamah. Backlog case di mahkamah ini disebabkan banyak perkara, antara lain kekurangan bailiff mahkamah, yang kedua seperti yang saya sebut dalam Dewan ini baru-baru ini di waktu menjawab satu Soalan Lisan di Dewan yang mulia ini, ada kadang-kadang kes ini berlaku sebab pihak peguam juga ada memohon kes-kes apabila sampai waktunya ditangguh oleh kerana mereka mempunyai komitmen lain ataupun diberi pelbagai alasan.

Dengan melantik J.P. mungkin seperti yang saya katakan tadi, cadangan yang baik dan boleh membantu terutamanya melantik J.P. untuk Second Class Magistrate. Walau bagaimanapun, buat masa ini belum lagi sampai ke peringkat cadangan ini boleh kita terima, tetapi kita akan kaji dan mestilah dibuat dengan teliti sebab untuk melantik seseorang J.P. mengendalikan kes-kes ini memerlukan pengalaman. Memang kita banyak J.P. sekarang ini yang Kebawah Duli Sultan-Sultan dan Gabenor yang memberi J.P. ini ramai, macam-macam, kontraktor pun ada. *[Ketawa]*

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya agak rasa terkilan kalau J.P. tidak dapat kita anggap sebagai Majistret Kelas Dua sebab, kawan kita daripada Parit Buntar ini baru dapat J.P. baru-baru ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Kita ucap tahniahlah di atas anugerah tersebut. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasihlah Yang Berhormat, insya-Allah, saya akan bawa cadangan Ahli Yang Berhormat ini, mudah-mudahan kita berdoalah kalau-kalau cadangan J.P. dilantik untuk Majistret Kelas Dua ini. Tetapi kerajaan mestilah membuat kajian dengan lebih teliti dahulu supaya mereka yang dilantik nanti benar-benar dapat menjalankan fungsi. Sebab saya bimbang, tadi saya kata ada kontraktor yang dapat J.P. ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Chiew Chiu Sing: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bintulu bangun, hendak beri jalan?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dah, tidak mahu beri jalan. Ya, dia tidak beri jalan dah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM
(PINDAAN) 1999**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.58 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan suatu rang undang-undang yang bernama Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1999 bagi bacaan kali yang kedua. Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada 12 Mac 1997 kerajaan telah pun bersetuju untuk menswastakan perkhidmatan kawalan trafik udara di bawah Jabatan Penerbangan Awam kepada MA (Air Traffic Services Sendirian Berhad) sebuah anak syarikat MAB yang ditubuhkan khas untuk mengendalikan perkhidmatan berkenaan.

Dari segi perundangan, Jabatan Peguam Negara telah pun mengkaji Akta Penerbangan Awam 1969 serta Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1991 dan mendapati bahawa peruntukan-peruntukan yang sedia ada perlu dipinda untuk membolehkan perkhidmatan kawalan trafik udara diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

- (i) Pindaan kepada Seksyen 3 –
Pindaan ini diperlukan kerana peruntukan dalam Akta Penerbangan Awam yang sedia ada hanya membolehkan Menteri Pengangkutan menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan dalam kawasan lapangan terbang. Oleh kerana perkhidmatan kawalan trafik udara melibatkan perkhidmatan yang disediakan di dalam dan di luar lapangan terbang, maka pindaan ini perlu dibuat untuk membolehkan perkhidmatan kawalan trafik udara diswastakan.
- (ii) Pindaan Kepada Bahagian VIII –
- (iii) Pindaan ini adalah selaras dengan tujuan pindaan kepada seksyen 3 di atas.
- (iv) Pindaan Kepada Seksyen 24A –

Pindaan ini juga selaras dengan tujuan pindaan kepada seksyen 3 dan Bahagian VIIIA di atas. Selain itu pindaan ini juga bertujuan untuk membebaskan dan melindungi kerajaan daripada menanggung apa-apa tanggungan ataupun liabiliti bagi sebarang kejadian kemalangan atau kematian yang berakibat daripada apa-apa insiden ataupun kemalangan boleh lapor di pihak syarikat swasta berkenaan. Tujuan mengadakan definisi-definisi baru adalah untuk menentukan kemalangan-kemalangan yang berlaku akibat dari perkhidmatan kawalan trafik udara setelah perkhidmatan ini diswastakan akan dipertanggung-jawabkan kepada syarikat yang mengendalikan perkhidmatan berkenaan.

Pindaan Kepada Seksyen 24B.

Pindaan ini adalah untuk membolehkan syarikat swasta yang akan mengendalikan perkhidmatan kawalan trafik udara mengutip dan menyimpan bayaran Air Navigation Facility Charges (ANFC) dengan izin, dari pengguna-pengguna ruang udara atau apa-apa caj baru yang diluluskan oleh Menteri Pengangkutan.

Pindaan Kepada Seksyen 24C dan 24D.

Iaitu pindaan-pindaan ini adalah cuma merupakan pindaan kecil yang bersifat konsekuensial.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Akta Penerbangan Awam 1969.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-Undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Senai.

4.04 ptg.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Perkhidmatan kawalan trafik udara pada masa sekarang memang dikendalikan oleh Jabatan Penerbangan Awam di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Akta Penerbangan Awam tahun 1969 dipohon dipinda untuk tujuan penswastaaan perkhidmatan kawalan trafik udara. Sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apabila perkhidmatan kawalan trafik udara ini diswastakan nanti, kerajaan akan dibebaskan daripada menanggung apa-apa tanggungan bagi sebarang kejadian kemalangan ataupun kematian. Jadi, saya di sini ingin kemukakan beberapa persoalan. Soalan saya ialah bagaimana pihak kementerian Yang Berhormat boleh memastikan perkhidmatan kawalan ini apabila dikendalikan oleh pihak swasta, boleh lebih cekap dan efisien dan siapa pihak yang mempunyai kelayakan untuk mendapatkan konsesi ini?

Tuan Yang di-Pertua, tujuan penswastaaan sentiasa dikatakan adalah untuk meringankan beban kerajaan di samping memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada rakyat jelata. Adakah perkara ini benar-benar berlaku? Daripada pengalaman yang kita perolehi untuk projek lebuhraya dan projek IWK dan sebagainya sebenarnya sudah banyak membebaskan rakyat. Selama ini adakah perkhidmatan kawalan trafik udara yang dikendalikan oleh kementerian Yang Berhormat memuaskan ataupun selama ini sudah banyak memberikan masalah kepada kerajaan? Jadi saya juga ingin bertanya berapa negara di dalam dunia ini sudah menyerahkan perkhidmatan kawalan ini kepada pihak swasta melalui penswastaaan dan apakah kesannya?

Tuan Yang di-Pertua, macam mana Kementerian Pengangkutan boleh memastikan kos pelaburan untuk meningkatkan sistem kawalan trafik udara negara kita dapat dikurangkan, ini juga satu soalan yang saya ingin kemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, segala bayaran Air Navigation Facility Charges (ANFC) dari pengguna-pengguna ruang udara dan caj lain dikutip dan disimpan oleh jabatan selama ini dan sebelum ini apakah jumlah pendapatan kementerian melalui perkhidmatan ini setiap tahun?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apa akan terjadi kepada kakitangan berkenaan apabila perkhidmatan ini diswastakan? Jadi selama ini adakah kejadian mogok berlaku apabila diswastakan. Macam mana kita boleh memastikan supaya kegiatan mogok tidak akan berlaku?

Dengan ini juga saya ingin menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanjong.

4.06 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang untuk meminda Akta Penerbangan Awam khasnya mengenai Fasal 4 yang bertujuan untuk meminda seksyen 24A bagi membebaskan kerajaan daripada apa-apa tanggungan kalau berlaku apa-apa peristiwa kemalangan udara khasnya menimbulkan satu soalan yang sangat penting khasnya sekarang apabila dalam 2-3 hari ini ada laporan-laporan di United Kingdom mengenai MAS yang dituduh dalam beberapa surat khabar United Kingdom bahawa terbang dengan izin, 'flying on empty fuel tank', bila penerbangan dari Malaysia ke England, ini bukan sahaja melibatkan nama baik MAS tetapi lebih mustahaknya kredibiliti antarabangsa reputasi Malaysia mengenai trust worthiness dan credibility dan kalau tidak ditangani dengan serta-merta akan merosakkan nama baik Malaysia, dengan konsekuen-konsekuen bukan sahaja semua orang tidak akan menggunakan MAS sama ada orang luar atau orang Malaysia sekarang menyoalkan sama ada selamat atau tidak selamat tetapi juga tentulah di bidang-bidang yang lain. Ini mustahak.

Sungguhpun Pengerusi MAS, Datuk Tajuddin Ramli ada mengeluarkan kenyataan bahawa MAS ada mengikut semua syarat dan peraturan penerbangan sama ada Malaysia, British atau US mengenai fuel policy. Tetapi saya ada lihat beberapa kenyataan yang bercanggah, ada mengatakan bahawa MAS akan menunjukkan bukti-bukti kepada pihak yang berkuasa dalam United Kingdom bahawa MAS dalam enam bulan ini telah menyelaraskan dengan semua peraturan yang perlu sama ada mengenai minimum fuel policy tetapi ada laporan-laporan mengatakan bahawa MAS sudah dapat kenyataan daripada pihak berkuasa di United Kingdom mengatakan mereka berpuas hati bahawa MAS tidak melanggar apa-apa peraturan yang minimum mengenai fuel policy.

Saya harap bahawa selain daripada apa yang perlu dibuat oleh MAS dan satu keterangan yang jelas boleh dibuat dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pengangkutan sendiri akan mengadakan satu siasatan yang bebas dalam perkara ini oleh kerana ini melibatkan keselamatan semua penumpang khasnya apabila kita mahu meluluskan satu rang undang-undang untuk membebaskan kerajaan daripada semua tanggungan kalau berlaku kemalangan udara dan bagaimana kerajaan boleh mengawalseliakan semua mutu, standard keselamatan penerbangan diikuti.

Ini sangat mustahak oleh kerana bukan sahaja *London Times* ada laporan-laporan, ada *Daily Mail*, *Flight International*, *The Times*, dan kalau semua ini tidak benar bahawa MAS perlu mengambil tindakan undang-undang terhadap semua surat khabar ini, bukan sahaja untuk membersihkan nama baik MAS tetapi untuk mempertahankan maruah negara ini dan kalau MAS tidak mahu mengambil tindakan, kenapa tidak rela berbuat begitu? Adakah ini oleh kerana betul, oleh kerana apa yang dilaporkan khasnya dalam satu, dengan izin, Confidential Human Factors Incident Reporting Programme yang sebenarnya ialah satu organisasi yang di 'government funded' untuk melaporkan segala pelanggaran keselamatan dalam industri penerbangan.

Ini adalah mustahak oleh kerana ada laporan-laporan yang mengatakan bahawa dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke London, oleh kerana perlu menghadapi hit wind yang sebab itu dalam penerbangan 14 jam yang perlu menghadapi hit wind yang sangat kuat, yang biasanya cara yang patut diambil ialah compensate dengan masalah ini, dengan izin, they compensate by filling up to the garners, even if it means leaving freight behind but this time the aircraft i.e. MAS appears not to have done so dan mengikut peraturan-peraturan minimum bahawa semua kapal terbang atau jumbo perlulah, dengan izin, ought on landing aircraft by expected to have enough fuel to enable them to hold for 45 minutes plus enough to allow them to divert to another airport, and this is not an isolated incident, 10 others have been reported.

Inilah satu perkara yang bukan sahaja tidak baik untuk negara kita di luar negeri tetapi saya rasa semua penumpang Malaysia. Kita semua Ahli Parlimen kalau ada gunakan MAS sangat serius mahu tahu apa yang berlaku oleh kerana ini bukan kali yang pertama kita mendengar ini. Sebenarnya dua atau tiga tahun dahulu saya sudah mendengar ini apabila ada berlaku crash di Tawau dan sungguhpun ada satu siasatan, inquiry yang mengatakan bahawa mungkin crash di Tawau probable caused ialah oleh kerana keputusan yang silap yang dibuat oleh pilot-pilot yang berkenaan, Captain Wong Kam Lok yang juga meninggal dunia dalam Tawau crash itu pada 15 September 1995 di mana MAS Fokker 50 aircraft yang crashed di mana dalam inquiry ini 32 orang penumpang terkorban termasuk pilot dan co-pilot dan dalam inquiry ini ada mendapati, dengan izin, the inquiry found that the national carriers cockpit resource management programme has been put on whole as Malaysian Airline was restructuring his organisation and introducing a new fuel flight plan policy, personnel rostering, training and appointment of new chief pilot, base managers and maintenance organisation tetapi satu soalan yang tidak dijawab dalam inquiry mengenai Tawau Fokker crash ini ialah sama ada tindakan-tindakan yang diambil oleh MAS management mengenai kurang cost termasuk mengadakan satu peraturan yang baru mengenai fuel flight sama ada antara alasan menyebabkan pilot-pilot itu membuat keputusan-keputusan yang akhirnya begitu fatal yang mengakibatkan 34 orang mati.

Ini mustahak dan sebab itu kita harap bahawa kita mendapat satu kenyataan yang jelas, bukan sahaja daripada pihak MAS sama ada akan sue syarikat-syarikat atau surat khabar-surat khabar tertentu tetapi satu kenyataan daripada Kementerian Pengangkutan atau Department of Civil Aviation bahawa bukan sahaja perkara semacam ini tidak akan dibenarkan berlaku, kalau betul tetapi memastikan segala penerbangan civil aviation di Malaysia berada di satu taraf yang tertinggi di dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bandau.

4.14 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan bagi rang undang-undang untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah pun dihuraikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, antara dua perkara pokok di dalam rang undang-undang ini ialah satu daripada Fasal 2 dan kedua, daripada Fasal 4.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi Fasal 2 ini memberi ruang kepada menteri untuk mengenakan caj dan fee bagi perkhidmatan di luar lapangan terbang yang disediakan oleh syarikat berlesen setelah perkhidmatan-perkhidmatan ini diswastakan. Soalan pokok kita di sini ialah daripada pengalaman-pengalaman yang lampau dari segi penswastan, perkhidmatan tertentu khususnya sesuatu perkhidmatan pokok ataupun asas, pihak kerajaan haruslah di dalam perkara ini menentukan dan diperingatkan tentang beberapa perkara yang penting. Antaranya ialah soal kualiti ataupun mutu perkhidmatan yang dibekalkan oleh syarikat yang diberi tanggungjawab dan lesen untuk membekalkan perkhidmatan tersebut.

Kedua, ialah dari segi keselamatan ataupun tanggungjawab kepada pihak pelanggan dan pihak awam kerana seringkali, Tuan Yang di-Pertua, apabila soal penswastan ini, profit motive, dengan izin, menjadi suatu matlamat yang induk dan utama dan bukan pula dari segi keselamatan, bukan pula dari segi mutu perkhidmatan dan dengan itu kebajikan pihak pengguna dan pihak awam. Jadi, dalam perkara ini kita berharap supaya pihak kerajaan akan mengambil kira hal-hal pokok yang saya sentuhkan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal kedua ialah seperti mana dihuraikan di dalam rang undang-undang ini di mana di bawah "Fasal 4 seksyen 24A bagi Akta 3 bagi

membebaskan kerajaan daripada apa-apa tanggungan bagi apa-apa kerugian, kerosakan, kecederaan atau kematian berakibat daripada apa-apa insiden atau kemalangan kena lapor akibat apa-apa perbuatan, ketinggalan ataupun kemungkiran syarikat berlesen”.

Pihak kementerian tidak begitu menjelaskan kenapa peruntukan ini dimasukkan dan apakah sebenarnya masalah peruntukan yang ada sekarang ini sampai kerajaan melepaskan tanggungjawab di dalam perkara ini. Kita ragu bahawa setelah kerajaan melepaskan tanggungjawab seperti ini adakah tanggungjawab ini dipikul penuh oleh pihak syarikat yang berlesen yang dikatakan tadi dan adakah dia nanti mengambil faktor di mana, dengan izin, public responsibility itu menjadi asas dari segi menanggung perkhidmatan dan matlamat perkhidmatan yang dibekalkan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa ini adalah perkara-perkara pokok yang belum dijelaskan dengan menyeluruh.

Pada masa yang sama, misalnya, seperti mana yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Tanjong, soal nahas kapal terbang Fokker 50 di Tawau pada tahun 1995 itu, tanggungjawab kerajaan di dalam akta yang ada memang masih tercatat tetapi pada saat ini masih banyak keluarga yang belum mendapat tuntutan dan pampasan. Pihak kita ingin bertanya setakat ini masih berapa banyakkah keluarga yang telah mengemukakan tuntutan yang belum pun diselesaikan. Pada masa setahun yang lalu saya pernah mengemukakan persoalan ini dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang sama mengatakan memang masih ada lagi tuntutan-tuntutan yang belum diselesaikan oleh kerana dari segi undang-undang belum lagi diputuskan tetapi ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah dekat empat tahun dan masih banyak keluarga yang menunggu penyelesaian tuntutan-tuntutan tertentu. Saya berharap bahawa pihak kementerian mengambil perhatian yang lebih serius dalam perkara ini khususnya dalam akta yang ada pula, kerajaan mahu melepaskan diri daripada tanggungjawab yang sama dengan peruntukan Fasal 4 di mana semuanya ini ditanggung oleh syarikat yang berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, soal penswastaaan seperti mana yang disentuh tadi, memang penerbangan MAS ini bolehlah dianggap sebagai satu badan yang telah pun diswastakan oleh kerajaan. Namun dalam perkara ini, seperti mana yang saya sentuhkan tadi soal mutu perkhidmatan, akauntabiliti dan kebajikan para pengguna hendaklah sentiasa diambil kira dan diutamakan. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga peranan MAS bukan sahaja dari segi membekalkan mutu penerbangan dan mutu perkhidmatan yang baik tetapi sesuatu perkhidmatan itu haruslah, satu, mencukupi dan kedua, dia haruslah dengan izin, affordable. Dalam konteks ini sekali lagi saya ingin menyentuh tambang-tambang penerbangan MAS bagi beberapa 'route' di negara kita. Tidak boleh diasingkan bahawa pembangunan dan sektor penerbangan ini memang berkait begitu rapat dengan pembangunan sektor pelancongan khususnya pelancongan tempatan ataupun domestic tourism.

Di masa-masa yang lampau pihak kita telah menyentuh hal ini bahawa kalau kita ingin membangunkan sektor pelancongan domestik maka sektor Semenanjung dan sektor Semenanjung-Sarawak ini hendaklah dirancang dengan betul dan hendaklah dibangunkan kerana kalau ada ruang dan potensi untuk membangunkan sektor pelancongan domestik inilah sektor yang mempunyai potensi yang besar di mana dua negeri di sebelah timur di sana dipecahkan dengan lautan yang begitu jauh dan masih ramai rakyat kita dari Sarawak ke Sabah ataupun masyarakat dari Semenanjung yang belum pernah pergi ke Sabah dan Sarawak. Begitu juga rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak belum pernah pergi ke Semenanjung kerana tambang dan penerbangan yang tinggi dan tidak ada option yang lain, Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu bukan sahaja perkhidmatan mencukupi tetapi juga, dengan izin, saya katakan tadi boleh ditanggung ataupun affordable.

Di dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi, masih ramai rakyat Malaysia belum pergi ke Sabah dan Sarawak. Dari Sabah dan Sarawak rakyat kita masih

ramai yang belum datang ke sini, bahkan pegawai-pegawai kerajaan di Dewan yang mulia ini saya berpendapat masih ramai yang belum pernah ke sana. Ini satu potensi yang besar untuk membangunkan sektor pelancongan domestik dan penghalang yang utama mesti juga yang telah kita tekankan dahulu, Tuan Yang di-Pertua, adalah tambang yang begitu tinggi sekali.

Mengikut maklumat yang terkini dan belum ada semakan yang terkini, tambang MAS dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu dengan penerbangan biasa RM884, kalau terbang malam iaitu midnight, dengan izin, dan pukul 5.00 pagi tambangnya, Tuan Yang di-Pertua, pulang balik Kuala Lumpur-K.K. ialah RM622.

Jadi, bagi pegawai-pegawai kerajaan untuk pergi ke Sabah dan Sarawak begitu menghalang sekali. Bagi pelajar-pelajar datang ke Semenanjung untuk merantau ataupun mengikuti khemah-khemah pelajarkah, jamborikah, begitu menghalang sekali. Jadi dari segi perkembangan sektor ini jangka panjang, kita sekali lagi mencadangkan kepada pihak penerbangan MAS supaya mengkaji kadar tambang ini supaya ia boleh menggalakkan rakyat kita bercampur gaul, menikmati kemewahan-kemewahan dan semua aset pelancongan yang ada dalam negara kita.

Saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, misalnya tambang kapal terbang ekonomi daripada Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur dan balik RM884 ini. Saya cadangkan supaya MAS mengambil satu langkah yang drastik dan half it, dengan izin, setengahkan iaitu RM440 dan tambang malam super ekonomi itu RM622 – pergi balik dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur – RM350. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, jika satu langkah yang berani dibuat ini, barangkali dalam masa yang singkat MAS kemungkinan ada kerugian tetapi dalam jangka masa panjang ia akan menguntungkan, ia akan recoup, dengan izin, kerugian barangkali, langkah pertama. Tetapi pada keseluruhannya, pertama, ia akan menambah-tingkatkan pelancongan domestik, kedua, ia akan membolehkan rakyat negara kita ini bercampur gaul dan dengan itu meneguhkan integrasi nasional dan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bandingkan tambang pergi-balik Kota Kinabalu-Manila kadarnya RM938 iaitu sekadar kurang dari RM100 lebih mahal jika dibandingkan dengan option yang ada. Memang rakyat kita pergi ke luar negeri untuk melawat saudara mara kita. Dalam sektor ini seperti yang saya katakan tadi, satu sektor yang begitu berpotensi banyak, Tuan Yang di-Pertua. Dari segi keluarga tentera dan polis, ramai yang ingin melawat keluarga mereka di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Guru-guru, keluarga mereka juga ingin melawat ke Semenanjung atau balik pada masa cuti, pegawai-pegawai kerajaan masih ramai yang saya berpendapat belum pernah pergi ke sana dan pegawai-pegawai kerajaan negeri Sabah dan Sarawak ramai yang belum pernah datang ke sini kerana penghalang ialah air/lautan yang begitu luas sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya pihak MAS mengambil langkah yang berani, jangka panjang untuk sektor pelancongan dan untuk keuntungan keseluruhan MAS. Saya percaya dalam jangka masa panjang ia akan menguntungkan, bukan sahaja syarikat penerbangan MAS tetapi negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong.

4.35 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang di hadapan kita ini memang satu pindaan yang penting yang melibatkan keselamatan, bukan sahaja kakitangan penerbangan bahkan juga rakyat jelata, penumpang-penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membangkitkan beberapa perkara lagi, saya akan menanya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tadi mengenai kemalangan Fokker 50 di Tawau tadi. Di sini saya hendak menanya, apakah dasar untuk fuel tank - fuel level di aircraft termasuk bagi Fokker dan apabila kemalangan berlaku

apakah paras minyak Fokker 50 yang malang itu. Ini memang penting kerana hanya laporan itu menyebutkan bahawa ini mungkin kerana keputusan dibuat oleh juruterbang adalah salah, ada yang tidak betul, tidak ikut standard dan prosedur yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah paras minyak di atas pesawat yang malang itu? Ini memang satu perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak menyentuh beberapa perkara di dalam masa yang singkat, yang pertama mengenai radar dan alat-alat kelengkapan yang telah pun disediakan pada dua, tiga tahun ini di seluruh negara untuk ruang angkasa kita termasuk di Subang. Apakah jumlah wang yang dibelanjakan untuk menyediakan radar-radar dan alat kelengkapan yang lain untuk kawalan udara ini. Kalau tidak silap saya, pihak kerajaan sudah pun membelanjakan beratus juta ringgit untuk mengadakan radar-radar yang baru dan bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah amaun yang dibelanjakan kerana selepas kita belanjakan semua kemudahan dan infrastruktur, kemudian kita menswastakan.

Ini bermakna pihak syarikat swasta tidak payah mengeluarkan wang yang banyak. Ini memang satu perkara yang penting kerana di dalam krisis ekonomi, kegawatan ekonomi kita, kita hendak elakkan kelemahan-kelemahan seumpama ini. Kerajaan belanjakan dengan banyak, kemudian kita swastakan kepada satu syarikat atau konsortium. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kriteria yang digunakan untuk melantik, memberi tender kepada syarikat ini dan apakah syarikat sekarang ini yang diberi konsesi ini untuk kawalan trafik udara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan hal ini kerana kita tidak boleh melayankan lagi amalan yang tidak betul. Yang penting sekali semua projek penswastaan mesti mengikut kriteria standard yang ditetapkan. Jangan kita menyeleweng daripada pintu belakang dan sebagainya. Ini memang tidak boleh dilayankan lagi tatkala kita mengamalkan kawalan pertukaran asing dan semasa tempoh ini kita mesti berusaha berikhtiar untuk menghapuskan segala kelemahan dan digantikan dengan cara yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawalan trafik udara ini memang satu bidang khas untuk sesebuah negara terutama dengan Malaysia apabila krisis ekonomi itu dapat diatasi kelak. Bilangan pesawat di ruang angkasa Malaysia akan bertambah dengan pesat bukan sahaja pesawat penumpang bahkan semua pesawat kargo akan bertambah dengan pesat, ini bermakna ruang angkasa, ruang udara Malaysia akan sesak.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap di bawah seksyen berapa?

Dr. Tan Seng Giaw: Ini berkenaan kawalan trafik udara, Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Di mana itu? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ini untuk menswastakan kawalan trafik udara, Tuan Yang di-Pertua. Satu perkara, satu bidang khusus misalnya saya beritahu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak kawalkan ruang udara Malaysia ini semakin hari bertambahnya bilangan pesawat penumpang dan bilangan pesawat kargo dan termasuk bilangan pesawat tentera udara kita. Ini bermakna kita mesti ada radar yang canggih, dengan komputer penerbangan yang canggih dan kita mesti adakan pakar-pakar atau ahli-ahli anggota teknik untuk mengawal semua ini dan untuk membaca radio untuk mengikuti semua pesawat yang ada di ruang udara kita.

Ini bermakna kita mesti ada anggota yang cukup kerana misalnya orang yang membaca radar ini, technician ini, memang orang-orang seperti ini mesti ikut dengan penuh perhatian penerbangan ini kerana dia takut ada pelanggaran, ada kemalangan di antara pesawat. Dan semua pesawat itu mengambil arahan daripada orang-orang pakar ini

dan walaupun ada shift tetapi kerana kerja yang begitu berat, perhatian pengamatan yang begitu serius sehingga orang-orang ini bila meningkat kepada umur 35 tahun ataupun 40 tahun mereka terpaksa bersara kerana tidak boleh teruskan lagi. Di sini saya hendak bertanya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Jabatan Penerbangan Awam untuk memastikan semua anggota, semua ahli teknik yang dipelawa, yang dilantik oleh syarikat swasta ini adalah mengikut standard antarabangsa. Ini memang penting dan bilangan sekarang untuk mengawal trafik udara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tadi memang ada terlibat dengan hal seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi tidak menekankan begitu pentingnya kawalan trafik udara dan syarikat-syarikat menyiapkan semua kemudahan dan kakitangan yang cukup, yang berkaliber, yang berdisiplin, kerana ahli yang membaca radar dan komputer ini memang satu golongan khas dan bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan kepada rakyat Malaysia bahawa golongan yang penting ini adalah dilantik dan diuruskan dengan cara mengikut standard antarabangsa. Saya tidak mahu mungkin pada suatu hari kelak kemalangan akan bertambah. Saya berharap tidak di Malaysia ini. Kalau kita tidak berwaspada, sentiasa membangkitkan hal seumpama ini. Pihak DAP akan membangkitkan dari masa ke semasa kerana kita peka, memberi perhatian yang cukup kepada lapangan terbang kita kerana itu semua Ahli Parlimen di sini termasuk Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan menteri-menteri menggunakan lapangan terbang dan pesawat terutamanya MAS. Kita mesti memastikan termasuk 'Parit yang Sulong' kerana beliau juga menggunakan pesawat penerbangan dan termasuk 'Pak Mas' mungkin dia hendak SIA sekarang. Mungkinlah kerana keselamatan itu ada keraguan sedikit.

Saya ada satu lagi perkara sebelum kita habiskannya dan saya bercadang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung

Dr. Tan Seng Giaw: Satu perkara yang penting kita membahaskan mengenai masalah teknikal untuk mengadakan satu kawalan trafik udara yang lebih sempurna, mengelakkan kemalangan-kemalangan udara termasuk fuel tank yang tidak cukup paras minyaknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat telah pun diberi masa sekian lama, bukan tidak diberi masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, cuma saya akan mengakhiri ucapan saya dengan satu perkara lagi iaitu mengenai pilot fatigue. Raket kita lebih sempurna sekarang tetapi sekarang kita menumpukan perhatian kepada MAS yang mengalami kesusahan sekarang. Saya pun dalam dua, tiga tahun ini ada membangkitkan masalah MAS supaya kita memperhatikan apakah sedang berlaku dengan MAS. Kalau kita boleh bantu, kita bantu tapi kelemahan-kelemahan di dalam MAS ini kita mesti mengenal pasti dan kemudian memperbetulkan kelemahan-kelemahan kerana yang penting sekali termasuk kita hendak beri nasihat kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong kerana pihak MAS hendak berjimat cermat. Sekarang menghadapi kesusahan kewangan terutamanya kerana jerebu, kerana krisis ekonomi dan sebagainya dan pengurusan tidak cukup cekap maka menghadapi kesusahan dan kerugian yang besar. Dengan hendak mengatasi kerugian ini pihak MAS hendak berjimat cermat sehingga mungkin standard keselamatan kita tidak cukup termasuk paras minyak di dalam fuel tank. Ini memang penting.

Satu perkara yang penting mengenai pilot fatigue, apakah dasar kerajaan, dasar kementerian mengenai juruterbang kerana sekarang, Tuan Yang di-Pertua, pihak juruterbang membawa pesawat ini dengan masa yang panjang 12 jam, 13 jam ataupun lebih. Apakah dasarnya untuk mengelakkan keletihan atau 'fatigue' juruterbang ini kerana salah satu sebab berlaku kemalangan termasuk paras minyak yang tidak cukup ialah kerana keletihan juruterbang. Di dalam penerbangan moden ini memang banyak pilot yang

mengalami tekanan dan juga jadual (schedule) yang ketat. Dengan jadual yang ketat, hendak menjimatkan wang. Kerana bilangan juruterbang tidak cukup, hendak jimatkan wang dan terpaksa mengadakan jadual yang lebih ketat untuk para juruterbang, sebab itulah berlakunya keletihan ataupun fatigue untuk juruterbang.

Di sini kita di dalam DAP sentiasa peka kepada hal seumpama ini dan saya berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat menjawab bagaimana dasar kementeriannya untuk memastikan semua keletihan atau fatigue juruterbang ini tidak berlaku di Malaysia terutamanya dengan MAS. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Parit Sulong.

4.40 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa rang undang-undang akan membolehkan penswastaaan perkhidmatan kawalan trafik udara (air traffic control) di dalam negara dan saya juga yakin pihak kerajaan telah pun memikirkan semasak-masaknya mengenai hal ini. Bagaimanapun saya juga menitikberatkan masalah kecekapan. Oleh kerana perkhidmatan ini, saya sama sependapat dengan Kepong, adalah specialist service, kita tidak mahu perkara ini, masalah kecekapan (efficiency) disambilewakan. Kita tidak mahu penswastaaan ini sama dengan penswastaaan Indah Water. Kita tidak mahu penswastaaan ini sama dengan beberapa penswastaaan lain yang menimbulkan masalah yang besar kepada rakyat. Oleh kerana ini menentukan nyawa manusia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana penswastaaan ini akan berlaku sewaktu negara akan melangkah ke alaf yang baru di mana kita menjangkau pertambahan gerakan udara (air movement) secara komersial baik dari segi kapal terbang penumpang ataupun kapal terbang kargo yang akan bertambah di negara ini, saya menekankan soal kecekapan ini oleh kerana MAB yang sekarang ini bertanggungjawab mengendalikan lapangan-lapangan terbang juga masih lagi tidak cekap. Dua bulan yang lalu saya mengambil penerbangan malam ke Kuantan. Penerbangan dari KLIA ke Kuantan hanya 40 minit tetapi menunggu tangga kapal terbang sampai ke kapal terbang 45 minit.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kecekapan yang saya tegaskan tadi. Apabila saya turun, saya siasat pemandu tangga kapal terbang itu adalah juga orang yang diberi pas keselamatan dan 'security clearance' oleh Airport Manager.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Kepong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dia sudah berpeluang bercakap. Tidak payahlah. Nanti saya cakap dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi tidak ada kena mengena dengan rang undang-undang ini. *[Ketawa]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dahulu, nanti dahulu. Saya hendak menunjukkan bagaimanakah kecekapan kepada penswastaaan yang berkaitan dengan lapangan terbang.

Pemandu tangga kapal terbang diarah oleh Airport Manager hantar missing baggage ke rumah orang itu. Apabila kapal terbang hendak sampai, pemandu yang khas itu belum sampai, maka diambil pemandu yang sedang bercuti, tunggulah passanger 45 minit di atas kapal terbang. Inilah kecekapan daripada MAB, apatah lagi kalau MAB esok mengendalikan 'air-movement control'. Saya minta dititikberatkan sangat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah penerbangan ini membabitkan keselamatan, banyak kawan kita ada setengahnya tidak berani naik kapal terbang. Saya tahu ada setengah-tengah Ahli Parlimen pun kalau naik kapal terbang dia rasa macam tidak tahulah keadaannya. Bermakna dia ada fobia, apatah lagi kalau berlaku dalam negara kita,

'mid air collision' oleh kerana ketidakcekapan air control, apa ini pengendali pengawal udara (air movement), itu satu perkara.

Yang keduanya, MAB dengan kecekapannya – saya minta maaf siapa yang mengendalikan MAB pun saya tidak tahu. Kita ada lapangan terbang yang dibanggakan di dunia, KLIA. Tetapi kita tengok trolinya bagaimana? Perkara kecil sahaja diketepikan. Troli untuk baggage yang dibawa ke dalam kapal terbang (cabin baggage) tidak ada. Ada troli boleh bawa hanya sampai ke satu peringkat, lepas itu kena bawa ke 200 meter pergi tunggu troli baggage yang besar. Ini kecekapan juga dan saya tidak tahu siapa yang mengendalikan Golden Lounge.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegaskan di sini 'biskut kering'. Orang Melayu kata 'biskut kering' (cream crackers) made in Australia. Dalam keadaan gawat siapa yang boleh masuk ke first class, business class lounge sekarang, check – tadi Ahli Parlimen dari Bandau cakap, biskut cream crackers made in Australia. Dalam keadaan gawat kita hendak tahan pengaliran 'foreign exchange', beli emas, hidangkan biskut kepada pelanggan business class atau first class made in Australia. Ini contoh-contoh yang tidak patut disuarakan dalam Dewan Rakyat tetapi sudah keterlaluan sangat. Dia punya mee hoon goreng 'ala dawai'. Now is too much about MAS sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lama tidak bercakap dalam Dewan yang mulia ini. Saya hendak beritahu supaya perkara ini diambil ingatan oleh pihak-pihak yang mengendalikan penerbangan-penerbangan. Empat hari yang sudah, saya balik dari CPA Meeting di Singapura, 4 Mei, pukul 9.30 malam. Saya punya tiket business class confirm, sampai ke situ nama saya tidak ada, terpaksa tunggu 25 minit. Dia kata nasib baik dapat satu 'sit' yang penuh. Saya naik kapal terbang ada enam lagi kerusi yang kosong, adakah ini elemen sabotaj yang dilakukan oleh kakitangan MAS di Singapura terhadap MAS. Saya pernah melaporkan dalam Dewan Rakyat apa yang berlaku di Airport California, San Francisco. Dahulu Setiausaha Parlimen juga minta laporan penuh kepada saya, saya beri padanya. Hari ini saya minta siasat pada 4.5.1999, flight pukul 9.30 MH 082, saya tidak ingat. Dia kata tiket saya yang confirm pun tidak ada tempat. Apabila saya naik, dia kata "Nasib baik dapat satu tempat, as though I should be obligated," dengan izin, dengan dia. Saya masuk dalam kapal terbang ada enam lagi kerusi business class yang kosong. Adakah ini menambahkan kerugian kepada MAS, bagaimanakah saya hendak angkat muka dengan pegawai kementerian di Singapura yang mengiringi saya mengenai kendalian MAS. Dia kata, "*Yang Berhormat you should be aware of MAS*". Why is MAS? Dia kata, "*Mana ada sistem*". Ini saya sudah cakap, oleh kerana kami bangga dengan MAS. Kalau tidak, tidak payah kita cakap.

Menjelang Hari Raya Aidil-Fitri dan Tahun Baru Cina baru-baru ini, saya harap Kepong jangan salah tafsir saya sebagai perkauman. Seluruh airport dalam negara ini penuh dengan 'tanglong ala Hong Kong' tetapi menjelang Hari Raya Aidil-Fitri sunyi sepi, sebiji decoration ketupat pun tidak ada, why double standard? Sementara kita membincangkan perkara yang akan berlaku pada masa akan datang, mari kita reflex perkara yang dilakukan sekarang mengenai privatize service yang berkaitan dengan lapangan terbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta perkara ini diambil serius oleh sahabat saya Setiausaha Parlimen dan satu perkara lagi saya hendak tahu berapakah kos privatization kepada projek ini dan siapakah beneficiary kepada projek ini supaya senang kita pegang tengkuk dia, kalau perkara ini esok timbul penyelewengan. Terima kasih, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Bagan, selepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta jawab ya.

4.47 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ada ura-ura yang mengatakan bahawa aset-aset di Lapangan Terbang Subang iaitu daripada Terminal Satu hingga Tiga dan hartanah di bangunan kargo telah digadai atau dijual kepada orang asing. Adakah perkara itu benar, saya minta kementerian memberi satu penjelasan. Tempoh hari saya ada mendesak supaya route KL–Penang dan Penang–KL di Subang Airport kerana keperluan begitu mendesak, maka saya bercadang supaya air craft yang sedia ada iaitu 737 diganti dengan Airbus di mana kapasitinya adalah satu kali ganda dan saya mahu membuat satu cadangan lagi, jikalau MAS tidak minat untuk menjalankan route ini, maka mengapa tidak boleh diberi kepada AsiaAir, Pelangi Air atau Transmile. Ketiga-tiga penerbangan swasta mungkin boleh memberi perkhidmatan alternatif.

Tuan Yang di-Pertua, nahas udara helikopter di mana tokoh korporat Tan Sri Yahya menjadi mangsa, apakah hasil siasatan kepada masa ini. Kerana orang ramai juga tertanya-tanya mengapa ia boleh terjadi. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu berapa kalikah pesawat telah tergendala selepas KLIA dibuka oleh kerana terdapatnya tikus di dalam pesawat. Berapa kalikah perkara ini telah terjadi dan sama ada masalah tikus di lapangan terbang KLIA ini sudah selesai iaitu semua tikus telah dimusnahkan. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

4.51 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Senai, Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Bandau, Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat dari Parit Sulong dan juga Yang Berhormat dari Bagan yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai rang undang-undang yang sedang dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Selain daripada mengucapkan terima kasih kepada mereka, saya juga ingin memberikan sedikit sebanyak penjelasan kepada apa yang telah dibangkitkan mengenai rang undang-undang ini.

Yang pertama, ingin saya memberitahu Yang Berhormat dari Senai iaitu selepas penswastaan perkhidmatan trafik udara kepada syarikat swasta ini. Ini bukan bermaksud iaitu kerajaan tidak mempunyai hak untuk mengawal segala perkhidmatan dan aktiviti oleh syarikat swasta ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, segala perkhidmatan penerbangan sama ada awam ataupun lain-lain memang dikawal begitu ketat oleh pihak Jabatan Penerbangan Awam kita. Jika terdapat pesawat-pesawat yang ingin pergi ke destinasi di luar negara kita memang pesawat-pesawat ini termasuk juruterbang dan segala-galanya harus menepati syarat-syarat yang ditetapkan di bawah pertubuhan International Civil Aviation Organization (ICAO). Maka susah bagi MAS atau pihak-pihak yang mengendalikan perkhidmatan penerbangan untuk menjalankan kegiatan ini dengan sewenang-wenangnya. Walaupun Syarikat MAS Services Sdn. Bhd. akan diberikan konsesi, ingin saya memberitahu juga iaitu syarikat ini masih kepunyaan kerajaan sebab syarikat tersebut telah dicorporatise dan telah menjalankan tugas-tugas.

Dari segi bayaran ANFC yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Senai, ingin saya memberitahu iaitu bayaran ANFC ini ialah Air Navigation Facilities Charges dan ini memang bukan dikenakan kepada konsumers ataupun pengguna (consumers) walaupun ada setengah pihak yang kata jika ANFC ini begitu tinggi memang pada akhirnya pengguna akan kena bayar. Namum untuk makluman Dewan yang mulia ini, ANFC adalah satu caj yang dicajkan oleh pihak yang mengendalikan perkhidmatan trafik

udara dan caj ini adalah kepada semua pesawat, dibayar dan ditanggung oleh semua airline yang menggunakan ruang udara negara kita.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, jika kita membandingkan caj-caj ANFC dengan lain-lain negara, ANFC yang dicajkan pada masa kini masih terendah sekali di rantau Asia sebab ANFC yang wujud pada tahun 1975 hingga sekarang masih tidak berubah lagi.

Satu lagi, saya ingin beritahu iaitu penswastaan ini bukan bermaksud bahawa kerajaan akan lepaskan tanggungan. Seperti saya katakan tadi kerajaan melalui Jabatan Penerbangan Awam akan sentiasa mengawal dengan ketat dan hasrat kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan trafik udara ini oleh kerana jika ia kendalikan secara komersial atau penswastaan maka keefisienan dan juga perkhidmatan akan dilepaskan dari segala constrain ataupun red tape jika ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inilah alasan yang sama juga diberikan kepada penswastakan perkhidmatan Bank Pertanian dulu. Contoh paling klasik adalah masalah pembetulan. Ia kata akan memberi perkhidmatan yang lebih cekap, akan mengelakkan rakyat daripada kesusahan. Jadi walaupun saya tidak membangkang sebarang usaha penswastakan dan oleh kerana air traffic control adalah perkara perkhidmatan yang specialize, saya minta jangan sambil lewa sangat dalam hal ini. Satu perkara tadi mengenai Air Navigation Facilities Charges, apakah jaminan Setiausaha Parlimen bahawa perkara ini tidak dinaikkan apabila Yang Berhormat telah memberi perbandingan bahawa sejak tahun 1975 hingga sekarang perkara ini telah tidak pernah naik. Adakah Yang Berhormat tidak berpendapat ini akan menjadikan dengan izin, the best excuse untuk menaikkan charges demikian dan akan ditumpahkan kesannya kepada pihak passenger atau penumpang. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong. Satu jaminan yang saya berani berikan iaitu mengenai caj yang dicajkan oleh syarikat swasta ini ialah kerajaan melalui Menteri Kementerian Pengangkutan hanya mempunyai hak untuk memberi kelulusan sama ada ianya akan dinaikkan lagi atau tidak. Dan memang salah satu tujuan kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan kawalan trafik udara ini ialah untuk seperti yang saya nyatakan memperbaiki lagi mutu perkhidmatan dan pada masa yang sama bukan seolah-olah untuk mendapatkan keuntungan yang besar. Sehingga hari ini revenue ataupun pulangan yang diperolehi oleh pihak kerajaan hanya dalam lingkungan RM15 juta hingga RM16 juta setahun sahaja dan segala kakitangan iaitu pengawal air traffic buat masa ini ada 604 orang akan diserapkan dalam syarikat ini supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan trafik udara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong telah pun membangkitkan beberapa perkara yang cukup pentingnya ialah mengenai berita yang disiarkan dalam surat akhbar baru-baru ini mengenai pesawat MAS yang telah pun mendarat di Lapangan Heathrow, U.K. dengan near fuel empty tanks. Cuma saya ingin memberitahu iaitu kementerian telah pun mengadakan siasatan peringkat awal dalam perkara ini dan didapati berita yang tersiar dalam surat akhbar ini di negara kita ataupun di England memang tidak benar sama sekali.

Dari segi siasatan peringkat awal saya diberitahu oleh pegawai saya iaitu baru-baru ini Civil Aviation Authorities, England telah pun beritahu, mengesahkan bahawa segala fuel tank policy, bagi segala pesawat antarabangsa khususnya yang telah mendarat di lapangan terbang di UK adalah memenuhi syarat. Tetapi walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan masih akan menyiasat selanjutnya sama ada hasil siasatan peringkat awal ini adalah benar ataupun tidak. Ini adalah satu tanggungjawab diberikan

kepada Kementerian Pengangkutan dan kita memang juga ingin mendapat siasatan dengan laporan yang benar dan buat masa ini saya hanya boleh beritahu kata kedudukan laporan.

Saya percaya segala pesawat yang pergi ke negara-negara asing selama ini telah mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam kita termasuk dengan organisasi International Civil Aviation Organisation (ICAO) yang begitu strict sekali dari segi mengawal kapal terbang-kapal terbang yang ada di dunia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata bahawa pihak civil aviation atau transport di United Kingdom ada memberi laporan kepada pihak kerajaan kita bahawa pesawat MAS ada mengikut segala peraturan-peraturan mengenai fuel tank, bila laporan itu dibuat?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah pihak berkuasa United Kingdom telah pun mengesahkan sepanjang masa ini iaitu segala fuel policy MAS dalam pesawat adalah memenuhi keperluan-keperluan International Civil Aviation Organisation dengan syarat. Saya bukan kata pesawat yang baru-baru ini yang berkenaan dengan itu, tetapi mengikut kajian siasatan peringkat awal memang kita mendapati berita yang disiarkan dalam surat khabar tidak benar sama sekali. Seperti saya katakan tadi Yang Berhormat, kita akan menjalankan satu siasatan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat, Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tak perlu baca.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kementerian baru dapat sepucuk surat dari UK. Surat ini kalau izinkan saya membaca kandungannya iaitu "...you will be pleased to hear that the Civil Aviation Authority of UK agrees that the fuel policy in accordance with ICAO requirements...however, I am concerned that incidents or low fuel levels that had been reported to us and investigated by yourself as the relevant aeronautical authority in order you can satisfy yourself". Maksud kata mereka juga harap kita dapat mengkaji semula sama ada walaupun the fuel policy mencukupi tetapi sama ada boleh lagi ditambah. Ya, boleh lagi ditambah. Ini adalah untuk memberi jaminan, double jaminan, Tuan Yang di-Pertua dan..

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa pihak Civil Aviation Authority di UK meminta Kementerian Pengangkutan di sini untuk mengadakan satu siasatan mengenai perkara ini. Kedua, mengikut kenyataan yang dibuat oleh Encik Tajudin Ramli mengenai perkara ini di mana beliau kata, dengan izin, "*Our records for the last six months show that the average fuel uplift at departure per flight to London from Kuala Lumpur is approximately 160 tonnes while the average fuel upon landing is 9.7 tonnes per aircraft*", dan dalam laporan ini ialah bahawa tinggal 3 tan sahaja dan sangat merbahaya dan di sini bahawa average fuel upon landing is 9.7 tonnes. Adakah kementerian dalam keadaan di mana boleh memberi satu keterangan bukan average fuel tetapi paras fuel yang terendah dan enam bulan ini, pesawat-pesawat MAS, the lowest fuel level, adakah ada angka-angka untuk menunjukkan sama ada perkara semacam ini berlaku?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini Kementerian Pengangkutan masih belum menerima sebarang surat daripada Civil Aviation Authority, UK mengenai pesawat yang mendarat di Heathrow Airport dua minggu yang lepas yang mempunyai fuel tank yang hampir empty. Ini menunjukkan bahawa hanya sebuah badan yang membuat tinjauan kesemua pesawat. Kita pun tidak tahu setakat ini sama ada ini benar atau tidak, cuma satu dakwaan dan Civil Aviation Authority, UK pun tidak menulis

surat kepada Kementerian Pengangkutan untuk menjalankan siasatan sedangkan siasatan yang diadakan oleh pihak kami adalah dibuat atas own volition.

Kita juga memang mementingkan keselamatan penumpang, pesawat MAS, perkhidmatan MAS di seluruh dunia. Kita pun mahu jaga imej negara kita. Oleh yang demikian tanpa sebarang surat dari Civil Aviation Authority, UK, Kementerian Pengangkutan telah pun membuat kajian yang peringkat awal. Peringkat awal ini bukan bermaksud kata kita sudah terima dan kita akan menjalankan siasatan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai jawapan itu bahawa dalam kes ini Kementerian Pengangkutan belum pasti apa yang sebenarnya berlaku dan dalam siasatan ini adakah Kementerian Pengangkutan ada laporan daripada Confidential Human Factors Incident Reporting Programme di mana, dengan izin, ada melaporkan mengenai perkara ini dengan izin, *"on arrival the aircraft was originally given a particular parking stand. However, on taxi-in, the aircraft went to a stand closer the taxi way, cutting its taxi-time down. At the time of morning, there was no reason for a stand change on this day at such short notice as it stands are not fully utilized. On entering the flight deck - the EICAF, Electronic System Daily indication showed, on arrival fuel content figures only 3,400 kg. Two of the four main fuel tanks were indicating empty, and showing amber quantity - warning lights. The remaining fuel was located in the other two main tanks. A verbal report from the crew claimed that the fuel on landing had been 4,000 kg. The fuel levels were too low for hydraulic maintenance checks to be carried out. If a go-around had been called for, the crew would not have been able to put the aircraft into the correct configuration of tank to engine feed due to two of the tanks being empty. Also if a go-around had been required which sufficient fuel had been available for a diversion to another airport, I understand that the typical minimum requirements on landing worldwide is at least 5,000 kg of this type of aircraft. This was not a one-off incident. Previous reports on similar situations with this airline have been made to my company Quality Department."*

Ada disebut sepuluh insiden dalam perkara ini dan adakah benar bahawa local handling airline untuk MAS di London ialah Airliners dan mereka yang buat laporan-laporan mengenai perkara ini.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang benar dalam berita yang tersiar dalam surat khabar *New Straits Times* pada - berapa haribulan saya tidak tahu, benar kandungan ini tetapi Yang Berhormat masih tidak faham kandungan berita ini adalah dakwaan oleh sebuah pertubuhan antarabangsa, bukan direct daripada Civil Aviation Authority UK. Jika pernah ada sepuluh insiden yang berlaku di Heathrow Airport, takkan hingga hari ini pesawat MAS masih dibenarkan masuk Heathrow Airport. Kita kena fikir secara waras sama ada betul atau tidak. Jika ada sepuluh insiden enam bulan lepas yang berlaku seumpama ini UK Civil Aviation Authority begitu ketat sekali, begitu strict sekali, today MAS is still flying there and until today kita masih belum menerima apa-apa surat rasmi dari Civil Aviation Authority of UK. Apa kata Yang Berhormat pula?

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Dato' Chor Chee Heung: Cukuplah saya ingat.

Tuan Lim Kit Siang: Ini perkara penting, kita bukan mahu - for any political points di sini. Ini ialah laporan ada sepuluh insiden. Kita mahu lihatlah berani atau tidak untuk menggunakan MAS kalau perkara ini tidak selesai.

Tuan Yunus bin Rahmat: You tidak boleh 'pikiak' lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam laporan ini yang sepuluh insiden ialah bukan apa yang disebut. Further investigation of this report revealed at least ten other recent instances in which low arrival fuel stage has been recorded by the handling agency. The

handling agency has reported these occurrences to the operator ialah MAS without any change in the operation being apparent.

Saya rasa yang mustahak di sini ialah satu siasatan yang mendalam sama ada benar bahawa sepuluh insiden yang dilaporkan kepada MAS oleh local handling authority ialah Airliners. Di sini kita tidak mahu untuk jump conclusion apa-apa. Saya rasa ini mustahak oleh kerana ini untuk keselamatan penumpang-penumpang dan nama baik negara kita.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih. Yang Berhormat begitu prihatin. Kita semua di dalam Dewan yang mulia ini pun ingin menjaga nama baik MAS dan seperti yang saya katakan tadi, tidak apalah, walaupun Kementerian Pengangkutan bukan sahaja tidak membuat apa-apa, kita akan dengan secara lanjutnya, get to the bottom of a bit all, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemalangan di Tawau pada tahun 1995 yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, seperti laporan yang telah pun dikeluarkan, saya percaya Yang Berhormat pun ada satu salinan. Rumusan dalam laporan ini ialah bukan kerana perkhidmatan kawalan trafik udara (air traffic controller) yang silap. Ini adalah satu error judgement, dengan izin, oleh juruterbang itu sendiri dan buat masa ini didapati juga bukan masalah cockpit resource management course tidak ada atau ada. Walau bagaimanapun pihak MAS sedang mengadakan kursus cockpit resource management untuk semua juruterbang.

Yang Berhormat dari Bandau juga telah membangkitkan beberapa perkara yang penting ialah mengenai tanggungan (liability) kerajaan. Sukacita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat iaitu selepas penswastaaan perkhidmatan kawalan trafik udara, maka segala liabiliti prestasi pengawal trafik udara jika terdapat apa-apa insiden termasuk kemalangan, segala tanggungan liabiliti akan diletakkan kepada syarikat yang mendapat penswastaaan ini. Maksudnya selepas penswastaaan, kerajaan tidak terlibat dengan sebarang liabiliti dan ini memang terpulang kepada syarikat swasta untuk mengadakan perlindungan insurans yang mencukupi dan saya percaya syarikat ini akan mendapat insurans yang mencukupi supaya mereka menepati segala syarat yang ditetapkan oleh Department of Civil Aviation (DCA) kita.

Mengenai Tawau crash, tadi saya telah pun memberitahu, MAS telah membuat tindakan secukup-cukupnya untuk waris-waris mangsa yang terlibat, itu yang saya tahu, kalau tidak silap saya dan sekarang saya tidak ada maklumat mengenai berapakah jumlah pampasan yang telah dibayar kepada semua keluarga mangsa atau mangsa yang masih hidup tetapi saya akan memberitahu Yang Berhormat secara bertulis.

Yang Berhormat dari Bandau juga membangkitkan masalah ...

Tuan Chiew Chiu Sing: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bintulu bangun.

Tuan Chiew Chiu Sing: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana keadaan Lapangan Terbang Bintulu adalah seperti Lapangan Terbang Tatau dari segi keselamatan dan juga pembangunan ekonomi di Bintulu, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bagaimana keadaan sekarang mengenai pembinaan lapangan terbang baru di Bintulu ini? Sekian.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf sebab ini adalah rang undang-undang mengenai perkhidmatan kawalan trafik udara, bukan mengenai lapangan terbang tetapi tidak mengapa. Soalan ini Yang Berhormat sentiasa bertanya saya, tidak apa, jika perlu mungkin saya beri jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat dari Bandau juga membangkitkan masalah kadar tambang domestik yang masih tinggi. Memang kerajaan juga berhasrat supaya rakyat di Sabah dan Sarawak dapat merapatkan lagi hubungan dengan rakyat di Semenanjung dan melalui MAS, kerajaan telah pun menyediakan begitu banyak bukan sahaja penerbangan. Walaupun menurut Yang Berhormat kadar tambang masih tinggi tetapi mengikut MAS pula mereka telah pun menetapkan kadar tambang begitu munasabah sekali iaitu setiap nautical mile tidak melebihi 50 sen. Ini jika dibandingkan dengan tempat lain adalah cukup munasabah dan jika MAS terpaksa pula memberi diskaun lagi ke atas tambang, maka susah bagi perkhidmatan sepanjang masa yang dikendalikan oleh pihak MAS. Tetapi jika Yang Berhormat masih tidak ...

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Dato' Chor Chee Heung: Sorry.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya katakan tadi, MAS dari segi expenditure dan perbelanjaan tadi, kalau beli biskut kering dari Australia boleh? Apa salahnya kalau beli biskut kering yang diperbuat di Batu Pahat, biskut keluaran daripada Batu Pahat terkenal di seluruh dunia, buatan Batu Pahat. Ini biskut kering buatan Australia, kalau boleh elak beli biskut kering buatan Australia, bolehlah beri diskaun tambang orang Sabah, Sarawak datang ke Semenanjung dan pergi berulang-alik.

Jadi, jangan kata oleh kerana tambang itu munasabah maka perkara ini tidak payah buat. Saya minta perkara ini dikaji seelok-eloknya oleh pihak MAS. MAS memang baik pun, tetapi kita hendak lebih baik daripada yang ada sekarang, kalau boleh. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat dari Parit Sulong. Tidak mengapalah, observation yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong akan diambil tindakan secara yang serius dan perkara ini akan dimajukan kepada pihak yang tertentu. Seperti dahulu, Yang Berhormat pernah membuat satu aduan kepada saya secara bertulis dan saya telah pun memajukan kepada pihak berkenaan dan akhirnya beliau mendapat satu jawapan yang memuaskan, betul atau tidak?

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bandau bangun.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan perkara tambang ini, walaupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan sudah termurah dari segi perkiraan nautical mile dan seterusnya, tetapi adakah pihak kementerian Yang Berhormat secara peribadi setuju bahawa kadar tambang yang ada itu begitu tinggi dari segi kemampuan rakyat Malaysia untuk membayarnya dan prohibitive, dengan izin, dari segi kemajuan pelancongan domestik. Saya pasti Yang Berhormat sedar bahawa sektor ini adalah sektor yang menguntungkan, sektor Sabah-Kuala Lumpur, sektor Kuching-Kuala Lumpur.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kalau tambang ini dikatakan setelah disetengahkan (half) dari segi volume, saya percaya MAS akan dapat keuntungan yang lebih banyak dan rakyat akan semakin ramai datang ke Semenanjung dan ke negeri Sabah dan Sarawak. Maka dengan itu, keseluruhan kadar kedudukan kewangan MAS bertambah baik. Saya percaya Yang Berhormat dari Parit Sulong pun setuju. Waktu kempen di

Sarawak dan Sabah baru-baru ini pun, susah hendak bawa isteri kerana tambangnya begitu tinggi sekali, setujukah dengan saya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, tolonglah buat kajian sedalam-dalamnya dan adakah pihak kementerian setuju dengan pandangan ini, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat dari Bandau, tetapi saya memang tidak berani mengatakan sama ada kadar tambang yang sedia ada adalah munasabah ataupun dapat disekerkatkan lagi. Walau bagaimanapun, saya percaya Kementerian Pengangkutan termasuk MAS akan mengkaji secara teliti dari semasa ke semasa supaya hasrat kerajaan, bukan hasrat MAS, dapat direalisasikan secepat mungkin iaitu mempertingkatkan lagi semangat silaturrahim di antara rakyat Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong - memang dia cakap cukup banyak semua tidak begitu penting. Walau bagaimanapun ingin saya memberitahu Yang Berhormat dari Kepong iaitu bayaran kepada kerajaan untuk mendapat penswastaan ini - angka tidak ada sebab surat perjanjian konsensi belum ditandatangani dan segala syarat-syarat ini masih belum diputuskan oleh kerajaan dan pihak swasta. Cuma kita hendak buat kerja-kerja persediaan dari segi pindaan rang undang-undang sahaja, masih dikendalikan oleh kerajaan lagi dan saya percaya jika saya ditanya bila agaknya, saya percaya may be three to four months' time at least dengan izin, dan pada masa itu datang pula sesi bulan Julai mungkin Yang Berhormat boleh tanya, ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ada bangkitkan banyak soalan, semua soalan itu yang penting sekali. Memang ada jawapan mengenai itu jumlah yang dibelanja oleh pihak kerajaan untuk mengadakan radar dan installation alat-alat kelengkapan dalam dua tiga tahun ini, memang ada, cuma Yang Berhormat ini memang tak buat home work, saya tengok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak buat home work sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat jangan ambil kesempatan tolong buat ulasan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya silalah jawab itu.

Seorang Ahli: Tak payah jawablah, tak ada apa nak jawab.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat, dari segi radar dan juga alat-alat kelengkapan kerajaan telah pun belanja begitu banyak, berapa banyak nanti saya akan jawab ya. Saya akan jawab yang soalan lain yang dibangkit oleh Yang Berhormat iaitu memang pengawal trafik udara adalah satu specialist field dengan izin, di mana pegawai pengawal yang telah pun mendapat latihan yang mencukupi sebelum mereka diberikan lesen untuk menjadi ATC ataupun Pengawal Trafik Udara dan lesen ini bukan sahaja dikeluarkan oleh syarikat swasta. Sebelum seseorang dipilih untuk mengikuti latihan, orang itu akan disahkan sebagai fit dari semua aspek oleh pihak DCA, Jabatan Penerbangan Awam dan lesen juga dikeluarkan oleh pihak jabatan ini, bukan syarikat swasta dan segala aspek latihan ini juga disahkan dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh International Civil Aviation Organisation ini yang cukup penting. Mengenai what is the flying times or flight times of a pilot dengan izin, saya tidak mempunyai butir-butir yang terperinci tetapi mengikut Peraturan 79 Malaysian Civil Aviation Regulation 1996 - Peraturan 1979 & 1980 maka ditetapkan berapa jam seorang juruterbang boleh menjalankan perkhidmatan dan lain-lain lagi dan jika Yang Berhormat kata mungkin pihak Jabatan Penerbangan Awam tidak mengetahui sama ada MAS betul-betul mematuhi peraturan ini. Seperti yang saya katakan tadi, Jabatan Penerbangan Awam adalah cukup ketat dalam kawalan dan semua rekod juruterbang dan anak-anak kapal memang dalam logbook yang

tidak dapat diubah ataupun dikecohkan, ditipu. Dari segi radar dan alat kelengkapan jika saya tidak ada jumlah ini mungkin Yang Berhormat dapat maafkan saya, mungkin tidak ada, kita hendak bagi angka yang tepat punya, kita tidak macam Yang Berhormat.

Okay Yang Berhormat dari Bagan telah pun mendakwa macam-macam iaitu tanah di Lapangan Terbang Subang telah pun dijual kepada pihak-pihak berkenaan. Setakat hari ini kita tidak mempunyai - kita tidak tahu atas transaksi mengenai dakwaan Yang Berhormat dan kita memberi jaminan memang tidak ada, dan jika ada apa-apa kegiatan ataupun aktiviti yang akan dikendalikan di Lapangan Terbang Subang ianya akan dikendalikan oleh pihak MAB juga sebuah syarikat kerajaan juga. Mengenai laporan kemalangan Tan Sri Yahya dalam nahas helikopter, untuk makluman Dewan yang mulia ini, laporan telah siap dan sama ada ianya diberikan untuk awam baca, ini memang bergantung kepada Jemaah Menteri dan tidak lama lagi satu keputusan akan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya angka ini saya akan berilah ya Yang Berhormat dari Kepong, kalau bukan hari ini ianya disesi yang akan datang, ataupun hendak cari sendiri, jika Yang Berhormat betul-betul minat boleh juga cari sendiri. Cukuplah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Bagan bangun.

Seorang Ahli: Cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan, tikus di KLIA.

Dato' Chor Chee Heung: Tikus di KLIA, mengikut pandangan kami masalah ini telah pun diselesaikan. Tidak ada masalah. Kadang-kadang kalau kita jumpa satu ekor, dua ekor mungkin bukan masalah apa di rumah kita pun ada kadang-kadang, tetapi tak apalah masalah ini mengikut siasatan Kementerian Pengangkutan telah pun diselesaikan. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya saya telah pun menjawab segala isu yang dibangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Parit Sulong Bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Soalan-soalan saya spesifik tadi adakah Setiausaha Parlimen hendak beri jawapan spesifik kepada saya.

Dato' Chor Chee Heung: Mengenai...?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Takkan tak boleh ingat, dia tidur kah?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, tadi sebenarnya dalam ucapan Yang Berhormat dari Parit Sulong hampir 80% tidak kena mengena dengan rang undang-undang ini, tetapi tak apalah sebagai seorang kawan baik dan juga Ahli Barisan Nasional maka segala pertanyaan akan dijawab secara bertulis. *[Ketawa]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tak betul ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dia bangun lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dia tak boleh cakap saya tidak ada makna, saya cakap mengenai keselamatan tadi, keselamatan udara, takkanlah tak betul, *[Ketawa]* dan saya cakap mengenai pengendalian KLIA, saya kata orang Kuala Lumpur sekarang yang travel by air ini tangan dia panjang-panjang oleh kerana tidak ada trolley untuk hand baggage, betul juga. Saya hendak tunjukkan masalah kecekapan yang akan diswastakan ini dengan kecekapan MAB jangan sambil lewa saya kata, tak betul kah itu? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasihlah teguran Yang Berhormat ini memang kita akan mengambil perhatian yang serius sekali. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya saya sudah jawab segala isu yang dibangkit dan sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada enam Ahli Yang Berhormat. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat): *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan tamatnya perbahasan tadi, maka selesailah sudah persidangan Parlimen buat kali ini. Saya bagi pihak Tuan Yang di-Pertua, rakan sejawat saya dan diri saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian atas kerjasama para Ahli Yang Berhormat untuk melicinkan perjalanan persidangan Parlimen kali ini. Dengan ini Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang